



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ROSEMARIA ABDUL HAMID  
MENGENAI BIOGRAFI JUARA BINTANG RTM 1977  
SERTA PENGLIBATAN DAN PENGALAMAN  
SEBAGAI PENYANYI ERA 70-AN DAN 80-AN**

**SYAHIRAH BINTI AWANG**

2020621254

**NURLISSA HANIM BINTI MOHAMAD**

2020861672

**SEMESTER OKTOBER 2021-FEBRUARI 2022**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ROSEMARIA ABDUL HAMID  
MENGENAI BIOGRAFI JUARA BINTANG RTM 1977  
SERTA PENGLIBATAN DAN PENGALAMAN  
SEBAGAI PENYANYI ERA 70-AN DAN 80-AN

SYAHIRAH BINTI AWANG

2020621254

NURLISSA HANIM BINTI MOHAMAD

2020861672

SEMESTER OKTOBER 2021-FEBRUARI 2022

## KANDUNGAN

## MUKASURAT

<i>Abstrak</i>	<i>i</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>ii</i>
<i>Senarai Abreviasi</i>	<i>iii</i>
<i>Singkatan nama</i>	<i>iv</i>
<i>Rujukan Kata</i>	<i>v</i>
<b>1.0 Biografi Penemubual</b>	
1.1 Biografi Penemubual Pertama	1
1.2 Biografi Penemubual Kedua	2
<b>2.0 Biografi Tokoh</b>	
2.1 Pengenalan Kepada Tokoh	3
<b>3.0 Pengenalan Sejarah Lisan</b>	6
<b>4.0 Ulasan Literatur</b>	
4.1 Pengenalan Kepada Topik	8
<b>5.0 Transkrip Temubual</b>	
5.1 Bahagian I	10
5.2 Bahagian II	19
5.3 Bahagian III	63
<b>6.0 Log Temubual</b>	85
<b>7.0 Ralat</b>	98
<b>8.0 Ringkasan</b>	99
<b>9.0 Glosari</b>	102
<b>10.0 Indeks</b>	106
<b>11.0 Rujukan</b>	111
<b>12.0 Lampiran</b>	
12.1 Proposal	113
12.2 Biografi Tokoh	133
12.3 Surat Perjanjian	135
12.4 Surat Penyelidikan	136
12.5 Senarai Soalan	137
12.6 Diari Penyelidikan	144
12.7 Lampiran Gambar	150

## ABSTRAK

*Transkrip ini mengandungi temubual bersama Rosemaria Abdul Hamid mengenai penglibatan, pengalaman dan pandangan beliau dalam bidang nyanyian. Tokoh yang terpilih merupakan seorang Bintang RTM yang memiliki suara merdu. Pernah beberapa kali gagal, namun beliau terus berusaha dan akhirnya berjaya merangkul sebagai Bintang RTM 1977. Transkrip ini menyentuh mengenai latar belakang Rosemaria sebagai seorang artis veteran era 70 dan 80-an. Selain itu, transkrip ini juga fokus terhadap pengalaman yang dilalui oleh beliau sepanjang bergelar sebagai seorang artis. Turut serta juga mengenai sisi pandangan beliau mengenai isu-isu berkaitan industri muzik. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah sejarah lisan bagi merungkai segala maklumat mengenai tokoh. Kaedah kualitatif telah diguna pakai dalam kajian ini dimana temubual secara bersemuka telah dijalankan di kediaman tokoh di Kota Bharu, Kelantan. Melalui kajian ini, terbukti bahawa penyanyi era-era terdahulu merupakan seorang yang hebat dan penuh ilmu serta boleh dianggap sebagai legenda.*

*Kata kunci: Rosemaria Abdul Hamid, Bintang RTM 1977, nyanyian, muzik, industri muzik*

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu, kami ingin melafazkan kesyukuran kepada Allah Swt diatas nikmat pemberianNya dan diatas keizinanNya dapatlah kami menyempurnakan tugas ini dengan lancar.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Jafalizan Bin Md Jali selaku pensyarah Kursus Sejarah Lisan (IMR604) diatas segala bimbingan, nasihat dan ilmu yang telah diberikan kepada kami tanpa rasa jemu sepanjang menyiapkan tugas ini. Beliau juga turut membantu kami dari masa ke semasa tanpa mengira waktu sama ada ketika berada di dalam kelas dan di luar kelas.

Seterusnya, tidak dilupakan ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga kepada tokoh kami, Puan Rosemaria Abdul Hamid diatas kesudian beliau untuk ditemubual dan berkongsi mengenai pengalamannya bagi kami menyempurnakan tugas ini. Penghargaan buat puan Rosemaria Abdul Hamid kerana memberikan sepenuh kerjasama dan sokongan dalam menjayakan tugas transkrip ini.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa dan keluarga yang memberikan motivasi dan sokongan kepada kami dalam menyiapkan transkrip ini. Seterusnya ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli kumpulan kami serta kawan-kawan seperjuangan yang secara tidak langsung membantu, memberi komen dan memberi tunjuk ajar kepada kami dalam proses menyiapkan tugas kami.

Akhir kata, semoga transkrip ini dapat membantu dan memberi manfaat kepada para penyelidik serta generasi yang akan datang. Kami berharap agar para pembaca dan jugu penyelidik dapat menerima hasil tugas ini sebagai kejayaan bersama.

## **Senarai Abreviasi**

CD - Compact Disk, Cakera padat

NHM – Nurlissa Hanim Binti Mohamad

PKP- Perintah Kawalan Pergerakan

RAH – Rosemaria Abdul Hamid

RTM- Radio Televisyen Malaysia

SAW – Syahirah Binti Awang

TV- Televisyen

### **Singkatan Nama**

NHM	Nurlissa Hanim Binti Mohamad
RAH	Rosemaria Binti Abdul Hamid
SAW	Syahirah Binti Awang

## **Rujukan Kata**

Apani – apa ini

Bawa – menyanyi

Buleh – boleh

Diorang – mereka

Doh – sudah

Dok – kan / tidak

Ho – ya

Indon – Indonesia

Je – sahaja

Keliling – bersiar-siar

Kat rumoh – dekat rumah

Kito – kita / saya

Laung – menyanyi

Masaloh – masalah

Menceceh – merepek

Mendayukan lagu – menjiwai lagu

Ni – ini

Nyanyi – menyanyi

Pastu – selepas itu

Pergi – meninggal dunia

Praktis – berlatih

Siar – menyar

Tak ayoh – tak perlu

Tak dok – tidak ada

Takleh – tidak boleh

Taktau – tidak tahu

Taruk – letak

Tu – itu

Tuh – itu / saja

Tulah – itu lah

Sentimental – menyentuh perasaan



## 1.0 Biografi Penemubual

### 1.1 Biodata Penemubual Pertama



Nama	Syahirah Binti Awang
Alamat	Kampung Bukit Tanah Semerak, 16800 Pasir Puteh, Kelantan.
Email	<a href="mailto:syahirahazmi234@gmail.com">syahirahazmi234@gmail.com</a>
No Telefon	013-9941805
Fakulti	Pengurusan Maklumat
Program	Ijazah Sarjana Muda (K) Pengurusan Rekod (IM246)
Universiti	Universiti Teknologi MARA Shah Alam Selangor, Kampus Puncak Perdana.

## 1.2 Biodata Penemubual Kedua



Nama	Nurlissa Hanim Binti Mohamad
Alamat	1719, Jalan Pulai Jaya 51, Taman Pulai Jaya, 81300 Skudai, Johor
Email	<a href="mailto:nurlissahanim7@gmail.com">nurlissahanim7@gmail.com</a>
No Telefon	013-7972745
Fakulti	Pengurusan Maklumat
Program	Ijazah Sarjana Muda (K) Pengurusan Rekod (IM246)
Universiti	Universiti Teknologi MARA Shah Alam Selangor, Kampus Puncak Perdana

## 2.0 Biografi Tokoh

### 2.1 Pengenalan Kepada Tokoh



Nama Asal	Rosmariah Binti Abdul Hamid
Nama Pentas	Rosemaria Abdul Hamid
Tahun Kelahiran	1956
Tempat Lahir	Kota Bharu, Kelantan
Umur	65 tahun (2021)
Tempat Tinggal	1246, Lorong Minyak Gas, Jln Sultanah Zainab, 15050 Kota Bharu, Kelantan.
Bil. Adik beradik	6, (seibu sebapa) keseluruhan 9 adik-beradik
Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"><li>● Sekolah Kebangsaan Zainab, Kota Bharu, Kelantan</li><li>● Sekolah Menengah Kebangsaan Zainab, Kota Bharu, Kelantan</li></ul>
Pekerjaan	<ol style="list-style-type: none"><li>1) Penyanyi</li><li>2) Tukang jahit (sekarang)</li></ol>

Genre Lagu	Versatil
Idola	Allahyarhamah Sharifah Aini & Allahyarham Dato' Sudirman
Album	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kisah Kasih</li> <li>2) Dalam Mengenangmu</li> <li>3) Kisah-Kisah Masa Lalu</li> <li>4) Irama Dan Lagu</li> <li>5) Album Hari Raya</li> <li>6) Senandung 4 Suara</li> <li>7) Album Cha Cha</li> </ol>
Lagu-Lagu	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Cinta</li> <li>2) Hidayah</li> <li>3) Hidupku Bebas</li> <li>4) Jangan Mengata</li> <li>5) Jangan Pilih Yang Cantik</li> <li>6) Jika Kau Pergi</li> <li>7) Jiran Baruku</li> <li>8) Joget Berhutang Budi</li> <li>9) Kisah Kasih</li> <li>10) Pendusta</li> <li>11) Rahsia</li> <li>12) Kawanku Kemana Kau Pergi</li> <li>13) Cintamu Yang Menyayat Hati</li> <li>14) Dalam Mengenangmu</li> <li>15) Engkau Tampan Jadi Rebutan</li> <li>16) Jaguh Jalan Raya</li> <li>17) Ku Belum Bersedia</li> <li>18) Kucari Bayangmu</li> <li>19) Mutiara</li> </ol>

	20) Nasi Dagang
	21) Pantun Terpikat
	22) Asmara Menjelang
	23) Belo-Belo
	24) Berpisah
	25) Gerimis Mewarna Senja
	26) Kisah Kisah Masa Lalu
	27) Kupohon RestuMu
	28) Merajuk Sayang
	29) Minit Bahagia
	30) Rela
	31) Manis Belasan
	32) Joget Bunga Cempaka
	33) Di Pagi Aidilfitri
	34) Senandung Hari Raya

### 3.0 Pengenalan Sejarah Lisan

Berkaitan dengan topik ini, artis merupakan seseorang yang mempunyai bakat tersendiri dan bakat tersebut ditunjukkan kepada orang ramai sebagai bukti atau 'signature' mengenai mereka. Justeru setiap negara mempunyai artis dimana para artis ini memberi sumbangan terhadap negara dengan mengharumkan nama negara di persada dunia. Masyarakat sememangnya mengetahui bahawa artis bukan sahaja terlibat dalam bidang lakonan sahaja, malah juga terdapat bidang lain iaitu pengacaraan, kewartawanan dan juga nyanyian. Namun gelaran artis selalunya merujuk kepada artis yang masih baru berkecimpung dalam bidang seni hiburan dan berbeza dengan artis yang sudah lama menjadi artis. Gelaran yang diberikan kepada artis yang sudah lama ialah veteran ataupun seniman. Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007), seniman bermaksud orang yang mempunyai bakat seni dan dapat mencipta hasil seni serta dapat memperagakan hasil seninya. Sama hal juga dengan seniwati yang merujuk kepada wanita dan seniman ialah gelaran untuk lelaki.

Muzik adalah salah satu unsur dalam kehidupan yang sangat fleksibel sifatnya (Norshafawati, 2010). Selain dari komunikasi, salah satu fungsi asas muzik ialah hiburan. Oleh yang demikian, fungsi asas muzik ini telah meletakkan muzik sebagai bidang budaya atau seni suara manusia yang dominan di Malaysia. Norshafawati menyatakan muzik dilihat atas dua faktor iaitu muzik sebagai khazanah budaya sesuatu bangsa yang menggambarkan imej dan budaya sesuatu bangsa dan sebagai salah satu cabang aktiviti ekonomi yang boleh membentuk industrinya sendiri yang dimana seterusnya ia boleh membantu perkembangan pembangunan sosial. Jadi Malaysia melihat dan menyambut perkara ini dengan baik dimana kita dapat melihat terlalu banyak muzik dan seni lagu yang telah dicipta. Dan atas dua faktor tersebut juga, industri muzik di Malaysia diwujudkan. Justeru itu, ia merupakan perkara yang tidak asing lagi di Malaysia. Seperti yang dapat kita lihat kini begitu ramai orang yang ingin menceburkan diri dalam industri muzik dan tidak kurang juga di Malaysia banyak syarikat yang mengadakan pertandingan atau pencarian bakat dalam nyanyian seperti I can See Your Voice, Mentor, Idola Kecil, Lagu Cinta Kita, The Stage, Bintang RTM

dan banyak lagi. Menerusi program-program inilah kita dapat melihat lahirnya penyanyi-penyanyi legenda yang hebat.

Bercakap mengenai industri muzik, negara kita mempunyai Perbadanan Industri Muzik Malaysia (PIMM), iaitu badan khusus yang ditubuhkan untuk merangka dan untuk memastikan pembangunan industri muzik tanah air diselaraskan secara holistik agar dapat menyelesaikan masalah melibatkan industri ini misalnya isu berkaitan royalti, pangkalan data penggiat muzik, pembiayaan ekonomi dan perspektif masyarakat terhadap industri muzik dapat diubah. PIMM juga berperanan sebagai satu ekosistem industri muzik di mana ia terbahagi kepada tiga bidang utama iaitu penghasilan, persembahan dan pendidikan muzik dalam negara.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, nyanyian ditakrifkan sebagai memperdengarkan sebuah lagu yang dinyanyikan oleh seorang penyanyi terkenal. Nyanyian juga adalah bunyi pelepasan terkawal dari alat suara mengikut komposisi muzik. Dikatakan nyanyian ini memainkan peranan yang penting dalam muzik kerana ia merupakan satu-satunya medium muzik yang menggabungkan teks di dalam lagu. Seperti yang kita tahu, nyanyian ini juga boleh digabungkan dengan sebarang alat muzik bergantung kepada nada dan melodi yang bersesuaian. Tidak dinafikan nyanyian sememangnya memerlukan daya kreativiti yang tinggi dan ianya termasuk sebagai salah satu cabang seni.

## 4.0 Ulasan Literatur

### 4.1 Pengenalan Kepada Topik

Sejak dari awal tahun 1900, muzik di alam Melayu telah bermula dan berkembang malah semakin banyak elemen yang dimasukkan dan disesuaikan mengikut rentak dan genre serta melodi yang diinginkan. Muzik telah lama berkembang sejak zaman bangsawan lagi di mana pada zaman tersebut bangsawan membawa salah satu seni budaya baru yang berkembang pada masa itu. Sebagai contoh dalam zaman perubahan sosial, ekonomi dan juga perkembangan politik yang begitu pesat. Contoh lain adalah seperti nama-nama jalan di Opera Estate dimana ia mengingatkan kembali zaman bangsawan Melayu seperti Jalan Terang Bulan, Terang Bulan Avenue, Jalan Bintang Tiga, Jalan Bangsawan dan Jalan Khairuddin. Seterusnya radio dan piring hitam pula menjadi popular di mana muzik Melayu Singapura ketika itu sudah mula diputarkan di radio dan dirakamkan dan dijual dalam bentuk piring hitam. Pada ketika itu, radio tidaklah seperti zaman kini dimana ia bersiaran 24 jam sentiasa memainkan lagu-lagu. Tetapi pada waktu dulu radio hanya bersiaran beberapa jam sahaja setiap hari. Malah lagu atau muzik yang di ke udarkan di radio ketika itu dimainkan secara langsung.

Syarikat-syarikat perfileman seperti Malay Film Production yang terletak di Jalan Ampas dan Cathay Keris telah menerbitkan banyak filem yang terselit juga dalam penghasilan lagu-lagu Melayu yang popular sehingga kini. Studio-studio tersebut juga merupakan antara tempat lahirnya pelakon, penyanyi, pemuzik serta pengarah Melayu terkenal menempah nama. Muzik kini dan dulu ternyata berbeza dan ia adalah disebabkan peredaran zaman serta alat muzik yang semakin canggih. “Nuri Terbang Malam” oleh Qasim yang dirakam oleh penerbit Fred Gaisberg dan pembantunya George Dillnut merupakan antara lagu Melayu pertama yang pernah dirakam. Memang tidak dinafikan muzik Melayu juga ada menerima pengaruh luar terutamanya dari barat. Pengaruh dan tren baru mula dimainkan dengan giat seperti jazz dan juga Big Band. Selepas itu lagu-lagu berunsur komedi pula menjadi tren



dan semakin ramai anak Melayu mula belajar memainkan muzik moden barat sebagai punca pendapatan.

Era semakin berkembang maju dimana teknologi mula wujud dan internet turut memainkan peranan yang penting. Dengan adanya internet, muzik tidak lagi terbatas kepada hanya satu genre malah semakin banyak elemen-elemen baru diperkenalkan. Kehadiran muzik Nusantara mula diterokai dimana para pemuzik mula mengenal identiti, budaya dan asal-usul Melayu. Kini, seperti yang kita tahu dalam cabang muzik ia tidak lagi tertumpu pada satu aliran sahaja malah pelbagai daripada berunsur tradisional berubah kepada yang lebih eksperimental.

Pelbagai pilihan muzik mula dimainkan dan dipersembahkan dan ia menjadi semakin popular dari zaman ke zaman. Kesemua genre muzik yang pernah dimainkan seperti tradisional, rock, pop, jazz dan sebagainya sering mendapat tempat di hati pendengar muzik Melayu. Kemunculan dan bangkitnya program tv realiti dan media sosial merancakkan lagi dunia seni industri hiburan. Program-program tv dan rancangan realiti tv yang semakin berkembang memainkan peranan yang penting kepada muzik Melayu untuk terus diketengahkan kepada masyarakat umum. Secara tidak langsung, ia dapat menarik perhatian ramai dan lebih ramai lagi yang menceburi industri muzik Melayu tempatan. Sehingga kini muzik membawa bentuk yang berbeza dari segi melodi, rentak, tempo dalam sesebuah lagu malah lebih ramai lagi anak-anak muda negara kita yang mahu membina kerjaya melalui bidang nyanyian.

Dengan berlakunya perkembangan muzik, pihak Rancangan Televisyen Malaysia (RTM) tidak ketinggalan untuk mencipta sebuah program melibatkan nyanyian. RTM merupakan salah satu stesen penyiaran awam milik kerajaan Malaysia yang memiliki dan mengendalikan beberapa saluran radio dan televisyen termasuklah TV1, TV2, TV Okey dan sebagainya. RTM ditubuhkan untuk menyampaikan maklumat dan pada masa yang sama juga memberikan hiburan kepada penonton (RTM, 2021). Memandangkan RTM juga ditubuhkan untuk memmberi hiburan,

mereka telah mencipta satu program pertandingan nyanyian iaitu Bintang RTM. Program ini merupakan sebuah program yang dibuat khas bagi bakat-bakat peserta dalam bidang nyanyian (Bintang RTM, 2021). Program ini mula diadakan pada tahun 1959 dan pada ketika itu dikenali sebagai Bintang Radio dan masih belum bertukar nama sebagai Bintang RTM. Ketika tahun 1964, Bintang Radio ini mula menyiarkan siaran pertama di televisyen. Pada waktu tersebut Tv Malaya juga mengadakan program mencungkil bakat iaitu program Bakat TV. Bertitik tolak dari perkara tersebut program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari peminat seni tanah air. Tidak ketinggalan juga Rosemaria yang juga turut serta dalam pertandingan ini pada tahun 1975, 1976 dan 1977.

Nama Bintang RTM mula diguna pakai pada tahun 1973 apabila Bintang Radio dan Bakat TV diselaraskan dan digabungkan menjadi Bintang RTM. Melalui Bintang RTM ini lahirlah penyanyi-penyanyi legenda yang hebat dalam industri seni hiburan Malaysia termasuklah Rosemaria Abdul Hamid, Allahyarham Dato Sudirman Haji Arshad, Jennifer Yen, Rohana Jalil, Jamal Abdillah, Ramlah Ram, Noraniza Idris, Datuk Aznil Haji Nawawi dan ramai lagi. Malaysian Book of Record ada menamakan program ini sebagai pertandingan nyanyian yang paling lama bertahan dalam industri muzik Malaysia (Bintang RTM, 2021).

## 5.0 Transkrip Temubual

Bahagian I

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang nyanyian. Bersama-sama kami ialah Puan Rosemaria Abdul Hamid yang merupakan seorang penyanyi veteran era 70 dan 80-an. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 27 November 2021 bersamaan hari Sabtu pada pukul 3 petang bertempat di kediaman Puan Rosemaria. Temubual ini dikendalikan oleh Syahirah Binti Awang dan Nurlissa Hanim Binti Mohamad. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.**

RAH: Waalaikumussalam. Terima kasih.

**SAW: Okey puan. Boleh puan ceritakan sedikit latar belakang diri puan?**

RAH: Macam mana tu?

**SAW: Nama puan, nama kad pengenalan, pasal diri puan. Umur?**

RAH: Oh! Okey, saya Rosmariah Abdul Hamid. Dilahirkan pada tahun 1956. Dan sekarang [tahun 2021] enam puluh lima tahun [65 tahun], okey. Saya mula berkecimpung dalam dunia nyanyian sewaktu saya berumur sepuluh tahun [1966]. Dan dulu kita tidak ada karaoke, kita ada *live band* sahaja. So- [jadi], ada satu majlis sepupu saya berkahwin. Saya menyanyi *first time* [pertama kali]. Disitu bermulanya- bukan kerjaya lagi, minat.

SAW: Mm-mm

RAH: -Minat untuk menyanyi. (Mengambil nafas) di sekolah--. Dan saya ambil-pertandingan ‘*Talentine*’ di sekolah-sekolah lain. Dan ada menang, dan ada tidak. Itu perjalanan mula-mula saya- menyanyi. Suka--. Sekolah--. Okey- saya bersekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Zainab dan juga Menengah Zainab [Kelantan, Malaysia].

SAW: Mm-mm okey.

RAH: -Okey, dulu Sekolah Zainab tidak ada 1, tidak ada 2 tak ada 3. Sekarang sudah ada banyak Sekolah Zainab. Disitu saya-- Bila dal-am *primary school* [sekolah rendah] lagi saya sudah menyanyi. Di sekolah. Di- apa ini, bukan konsert. Apa-- Kalau ada aktiviti sekolah buat, kalau ada diorang panggil *band* [kumpulan muzik] ke apa-, saya *the main singer* [penyanyi utama]. Okey. Dijemput masa itu budak-budak (bunyi tepukan meja). Lepas itu [selepas itu], bila dah dikenali di-kampung-kampung, di sana semua tahu. Saya diambil- sebagai penyanyi *main singer* dengan satu *band*, ‘The Sheens’. Okey. Di situ juga- jauh sikitlah perjalanan-nyanyian saya. Nak kata-perjalanan hidup saya sebagai penyanyi itu tidak lagi. Sehingga saya- masuk- ‘Bintang RTM’ [Radio Televisyen Malaysia]. Oh! Mula-mula ‘Bintang Radio’ dahulu. (Mengambil nafas) ‘Bintang Radio’, waktu itu saya tingkatan tiga. Tingkatan tiga, tingkatan empat. *So*, saya- melepasi ke *final* [peringkat akhir]. Okey, ‘Bintang Radio’ saya yang budak sekali. Tak tau apa [tidak tahu apa]. *So* lepas itu saya dengan *band* ‘The Sheens’ tadi-, *join* [menyertai] apa-RTM (berdecit) buat- ‘Juara Kugiran’. (Berdecit) okey-. Tak lepas. Okey tak apa [tidak mengapa]. Di situ- saya lihat bagaimana nak keluar tv [televisyen], nak apa semua kan. *So* bila ‘Bintang RTM’ dikeluarkan untuk siapa-siapa masuk bertanding, saya *join* ajelah. Suka-suka nak menyanyi. Bukan niat nak keluar ke tv ke, nak popular ke, nak menang ke. Semua itu tidak ada dalam fikiran (bunyi tepukan meja). Hmm sebab kita--. Bagi saya, saya belum ada banyak pengalaman. Okey suka-suka menyanyi, tapi pengalaman nak jadi penyanyi itu bukan senang.

Jadi- saya ikut- ‘Bintang RTM’ pertama kali, saya kalah. Okey. *Quarter final* [suku akhir] saya dah kalah-. Masa dengan Sudirman [Allahyarham Dato’ Sudirman Bin Arshad], arwah [allahyarham] Sudirman, *semi-final* [separuh akhir] saya *out* [terkeluar] juga. Dan hmm (berdecit) kenapa saya *out*? Sebab- bila kita fikir balik, bertanding ni bukan mudah. Bertanding bukan hanya pergi menyanyi dan bertanding. Sebab cara pilihan lagu, cara kita bawa lagu, sebab penjurian- semua nak tu, persembahan [merujuk kepada cara pilihan lagu dan cara bawa lagu]. Dan bila saya belajar mengaji balik, “kenapa aku kalah, aku kalah?” *So- the third time* [kali ketiga] saya ambil ‘Bintang RTM’, saya lepas (berdecit) dan saya menjadi juaralah tahun tujuh puluh tujuh [tahun 1977]. Saya umur dua puluh [20 tahun]. Dua puluh dah, nok [nak] masuk dua puluh satu lah. Sebab dia Disember. Okey. Lepas tu- (bunyi kereta) malam- *final* ‘Bintang RTM’ itu, bila saya juara saya disambar oleh *Company* EMI [syarikat rakaman antarabangsa, EMI (Malaysia) Sdn. Bdn.]. Okey, nak *sign* [tandatangan] kontrak, buat rekod. Pahtu [selepas itu], disitulah perjalanan kerjaya saya bila album nak dikeluarkan.

**SAW: Baik puan, macam mana puan boleh tukar nama Rosmariah kepada Rosemaria?**

RAH: Oh! Itu nama glamor.

SAW: Oh nama glamor.

RAH: Bila saya menang ‘Bintang RTM’, (mengambil nafas) di dalam album saya, saya nak nama saya diubah H. Buang H masukkan E. Nama mat sallah sikit lah. Sebab- nama saya itu hmm *my uncle* [bapa saudara saya] be-- letakkan sebabnya dia belajar di London [United Kingdom]. *So* daripada dia taruk [letak] nama *I* [saya] Rosemary, dia taruk Rosemaria. *So* nak melayukan dia, jadi Mariah. *So* bila bintang-- saya menang ‘Bintang RTM’, kita-- selalunya kita artis ubah nama kan.

So nama saya kekal. Cuma ejaan je [sahaja]. Abdul Hamid tu masih ada. Ho [ya] (sambil mengangguk). Okey.

**SAW: Kalau nama panggilan dari kawan-kawan puan?**

RAH: Oh banyak! Nama panggilan? Rose ada,-Maria ada,- Yah ada, apa lagi (sambil mengingati), Rozie ada, apa lagi, Mary ada. Semua ada. Diorang panggil semua saya menyahutlah.

SAW: (ketawa)

RAH: -Sebab nama saya dok? [kan] ado situ key [ada disitu kan]. Tak dok masalah [tidak ada masalah] (sambil mengangguk).

**SAW: Apakah hobi puan yang puan sangat minati dan masih lakukan sampai sekarang?**

RAH: Okey. Hmm. Bila kita dah berperingkat dah veteran ini, apa yang kita minat itu sudah kebelakang dah. Dulu kita minat menyanyi-- sebelum menyanyi, saya menjahit. Belajar menjahit dalam sekolah. Lepas sekolah, saya menjahit. Okey, minat menjahit. Di sekolah dalam seni, masa cikgu mengajar pun saya buat *crochet* [mengait], cikgu pun suruh saya buat- *cross stitch* [jahitan silang]. Okey- Itu minat saya dulu. Tapi saya *carry on* [teruskan] menjahit itu sehingga kini. Menyanyi bukan setakat-“oh masih boleh [boleh] cari makan”. Yeah. [ya] Boleh cari makan tapi, bagi saya (bunyi tepukan tangan) itu adalah untuk melepaskan-(bunyi notifikasi dari telefon) *tension* [tekanan] sebab kita minat menyanyi, menyanyilah kita. Nak kata nak cari glamor dah tak payah doh [dah] kan. Tak ayoh [perlu] doh. Sebab namo sayo [nama saya] masih kekal disitu (sambil membuat gaya menulis). Dan- untuk mi-nat benda lain itu bukan tak ada tapi nak kira hobi sambil men-cari makan dalam dunia seni, eh *no-* [bukan] seni ja-- tangan. Kan? Menjahit. Itu hobi.

No. Hobi-- apa orang kata eh-- (sambil mengingati) Bukan setakat hobi dah ni kan, ha. Bagi saya dah tak ada hobi dah. Tak ada hobi dah. Apa hobi-hobi semua, saya sudah lakukan. Apa--Jadi kalau dengan umur saya sekarang, hobi itu tinggal- kita *maintain* [teruskan] apa yang kita suka, petua dia. Nak kata *the main point* [perkara utama] “*what’s your hobby?*” [apa hobi kamu], saya tak boleh nak cakap. Okey. Itu [merujuk kepada hobi yang diceritakan oleh tokoh].

**NHM: Okey puan, boleh puan ceritakan sedikit latar belakang ibu bapa puan?**

RAH: Oh! Panjang itu. (tertawa).

NHM: Pendekkan je - pendekkan. (sambil tertawa).

RAH: -okey,-arwah a-ayah saya meninggal masa saya- darjah empat- [darjah 4] okey, umur dia [arwah ayah tokoh] lima puluh dua tahun [52 tahun]. Ahli politik, okey. Asal dia guru, tapi dia *more on* [lebih kepada] politik. Okey. Se-sebelum kahwin dengan arwah ibu lah--dan-- mak saya surirumah- *housewife* [suri rumah]. Jadi, -kerana berjiran (sambil mengangguk) diorang disatukan *so* dapatlah saya (sambil senyum) (bunyi ketukan meja). Okey, itu daripada arwah ayah-- kalau arwah saya memang panjang lah kalau nak-- diceritakan *background* [latar belakang] dia dan masa dalam politik lama tu. (bunyi ketukan meja). Dia-- wakil rakyat pertama- Kelantan Tengah selepas (bunyi notifikasi telefon) -apa (sambil memejam mata mengingati) merdeka.

NHM: Oh, okey (mengangguk kepala mengiyakan).

RAH: Dan- tidak ada minat seni, tidak ada menyanyi tidak ada apa cuma yang ada hanyalah- sepupu saya. Kalau kira diorang sepupu-sepupu menyanyi. Adik-beradik tidak ada-- penya-- menjadi menyanyi, sepupu ada pe-penyanyi tetapi (bunyi tepukan tangan) bukan- jauh seperti sayalah.

NHM: Oh (mengangguk kepala).

RAH: Diorang menyanyi di radio- ada- hmm *stage show* [persembahan pentas] ke apa diorang menyanyi gitu [begitu] je. Okey, yang pergi jauh hanyalah saya. Dan- yang dekat-dekat adik-beradik memang tidak ada. Menyanyi ke apa tidak ada (bunyi ketukan meja). Okey. Sama juga anak-anak saya- tidak ada seorang pun yang--boleh menyanyi tapi tak mau [tetapi tidak mahu] menyanyi-- menjadi penyanyi.

**NHM: Okey, boleh puan ceritakan mengenai latar belakang adik-beradik puan?**

RAH: Saya mempunyai-- enam adik-beradik.

NHM: Mm-mm (mengiyakan).

RAH: Okey, sem-- apa nak cakap eh-- enam adik-beradik seibu sebapa. -Saya ada abang sulung sebab- arwah ayah kahwin dulu-- sebelum mak *so* ada abang sulung. Saya ada sembilan adik-beradik-- keseluruhan Abdul Hamid punya nama [berbin dan berbintikan nama arwah ayah tokoh iaitu Abdul Hamid].

NHM: (mengangguk kepala).

RAH: Okey, saya ada dua- lagi adik-- -adik-beradik- mak lain.

NHM: (mengangguk kepala).

RAH: Kalau abang sulung itu-- entah dunia daripada mana saya dapat (sambil menggayakan satu jari) saya dah ada abang sulung.

NHM: (mengangguk kepala).



RAH: Okey. Dah lama- -ni-- kahwin dengan arwah mak.

NHM: (mengangguk kepala).

RAH: Okey. *So* saya- adik-beradik saya sendiri ada enam. (Mengambil nafas) keseluruhannya sembilan-- nak kata- tiga ibu, diorang bukan bermadu ye. Jadi- itu je cerita dia. Itu kata panjang lebor [lebar] kalau nak cerita pasal sejarah-okey. *So-cut short* [jadi pendekkan ya] okey.

**NHM: Okey. Boleh puan kongsikan latar belakang keluarga puan yang terkini? Bilangan anak puan?**

RAH: Okey- sebagaimana saya cakap tadi saya mempunyai enam orang anak. Tiga lelaki tiga perempuan.

NHM: (mengangguk kepala mengiyakan).

RAH: Okey- nak tahu cucunya?

NHM: Boleh juga (senyum dan ketawa).

RAH: Okey- tiga dah berkeluarga, tiga masih dalam--*no*- dua masih bersekolah. Yang *second* [kedua] bongsu--masih du- apa- sambung belajar dekat universiti dan yang bongsu ni baru habis. *So*- cucu ada- empat. Cucu empat, tak ramai--sebabnya, anak yang dah kahwin itu baru satu. -- yang baru--dua- gitu. Okey.

(bunyi helaian kertas)

**NHM: Boleh puan kongsikan latar belakang pendidikan puan dari zaman persekolahan?**

RAH: -Macam mana?

NHM: Kalau-

RAH: Oh! -saya- daripada *Primary School* Sekolah Menengah Zai-- *primary no-- Zainab Primary School* hingga- *Zainab Secondary School, Form five* [Tingkatan lima].

NHM: Mm-mm.

RAH: -*That's it.* [Itu sahaja] Saya tidak sambung universiti, *form six*, [Tingkatan 6] ke tidak. Sebab dunia saya sudah tidak nampak untuk belajar.

(Serentak)

NHM & SAW: (mengangguk mengiyakan).

RAH: Okey.

NHM: Okey.

RAH: -Tapi- apa yang saya lalui, saya *proceed* [teruskan] dulu. Bila kita menyanyi, kita *proceed so* bila *form five*, okey- tidak ada niat nak minta kerja lah sebab otak dah nak pergi ke bertanding-. *So*, tidak ada masalah tentang- persekolahan itu je.

(Serentak)

NHM & SAW: (Mengangguk setuju).

RAH: Okey.

**NHM: -Masa sekolah ada- puan ada aktif dalam- aktiviti nyanyian ke?**

RAH: Oh, saya aktif- *no*, saya aktif *sports* [sukan].

NHM: *Sports* (mengangguk).

RAH: -Tapi dulu, tak ada lah sampai- zaman dulu tak ada lah sampai ke- dipilih untuk- ini negeri lah apa lah- tidak ada. *So-*, tidak ada lah- di sekolah.

NHM: Untuk peringkat sekolah.

RAH: (Mengangguk mengiyakan). *Anything else*, [apa lagi] soalnya apa lagi tertinggal?

Bahagian II

**SAW: Okey puan dikatakan tadi puan mula menyanyi masa umur 10 tahun**

RAH: Hmm (mengiyakan)

**SAW: -Jadi waktu itu lagu apa yang mula-mula sekali puan nyanyikan?**

RAH: Oh! 'Bintang Kecil'. Dulu banyak lagu Indonesia kan? Kita siar dalam radio. Jadi saya ini- menyental kain (sambil membuat gaya menyental baju). Dulu basuh kain tak ada ni [merujuk kepada mesin basuh]. Semua nyanyi-- Kita kecil sepuluh tahun [umur 10 tahun] dah basuh baju. *So-*, kita [saya] ingat lagu itu. *So* lagu itulah kita nyanyi, bawa. 'Bintang Kecil'. "Bintang Kecil di langit yang biru" [Bintang Kecil] ha Indonesia punya *song* [lagu]. Okey itu sepuluh tahun [tokoh merujuk kepada umur beliau pada ketika itu] punya lagu.

**SAW: Okey. Apakah faktor yang mendorong puan untuk masuk ke dalam bidang nyanyian?**

RAH: Oh! Emm, tak ada apa, hanya minat. Perjalanan hidup orang kata. Bila kita-  
- saya imbas ke belakang (sambil menggerakkan tangan ke belakang), maknanya  
perjalanan hi-dup saya melalui seni. *That's why* [sebab itu] saya habis-- masa dalam  
sekolah lagi saya menyanyi, saya bertanding. Saya pergi sekolah lain, saya  
bertanding naik basikal (sambil membuat gaya mengayuh basikal) pergi  
bertanding. Dan- apa tadi soalan?

**SAW: Faktor yang mendorong puan masuk ke dalam bidang nyanyian.**

RAH: Ha tulah [itulah] (sambil mengangguk). Suka menyanyi. Lepas-- bila suka  
menyanyi-- ya lah minat itu dok? Tapi hendak *create* [cipta] minat itu, saya masuk  
bertanding. Masuk bertanding, *so* disitu- maknanya- (sambil mengingati dan  
berdecit) perjalanan kerjaya saya daripada budak yang tak tahu apa, minat  
menyanyi, masuk bertanding. Menang tak menang, 'Bintang RTM' sahaja saya  
juara. Dan disitu (berdecit) kerjaya saya meletup (sambil membuat gaya tangan).  
Ha okey. Itu zaman dulu. Zaman dulu (mengambil nafas) belum ada tv3, belum ada  
astro.

SAW: Mm-mm.

RAH: *-So-* meletup bagi saya sebab saya *over exposed* [terlalu menonjol]. Masa  
keluar tv, masa *stage show*. Keluar tv itu tak kira gaya India, gaya Cina, gaya kita,  
dua-dua (sambil menunjukkan dua jari) gaya saya keluar. Jadi dua, tiga tahun itu  
memang muka- kitalah, penyanyi tak banyak dulu kan? Okey- disitu kerjaya saya  
yang saya bina sendiri selepas 'Bintang RTM' (berdecit). Okey. Bila saya disambar  
oleh EMI untuk buat album-- itulah.

**SAW: Hmm okey. Siapakah yang memberikan galakan kepada puan untuk  
melibatkan diri dalam bidang?**

RAH: Oh. Tak ada (sambil menggeleng kepala).

SAW: Tak ada juga?

RAH: -Tak ada- tapi bila saya suka itu, mak okey jelah. Ha. Jadi tidak-- ada panduan ataupun tidak ada apa ini, kata-kata yang “kamu masuklah!”, “kamu *try* [cuba] lah!” Tak ada. Baik. Adik beradik kita kecil lagi. Masing-masing kecil. *So-*, jadi- (mengambil nafas) mak hanya memberi sokongan (sambil mengangguk). Setiap kali saya ke Kolumpo [Kuala Lumpur, Malaysia] ke apa, dia ber-henti lah berniaga. Tutup kedai. Ikut saya sama. Itu je. Jadi dia--lepas saya-- dia tahu saya-- dia hanya bagi sokongan. Adik beradik pun tak ada masalah. Sebab kita sama. Kita membesar bersama. Tak ada apa (sambil menggelengkan kepala).

**SAW: Puan, kan puan dah jadi penyanyi. Jadi siapa pengurus pertama puan?**

RAH: Oh saya tak ada pengurus.

**SAW: Oh tak ada pengurus? Kiranya semua puan handle sendiri?**

RAH: Sendiri. Tak ada pengurus. Diorang-- dulu tak ada handphone kan? *So-* dulu ada telefon rumah (bunyi kertas), telefon- mulut ke mulut- diorang kata “Jemput Rosemaria nyanyi”. Tapi dulu telefon lah.

SAW: Oh

RAH: -Telefon. Belum ada handset lagi kan? *So*, telefon. Apa-apa pun diorang pesan ataupun-- dulu rumah sewa saya di Kolumpo pun saya masukkan telefon, senang orang nak *call* [buat panggilan].

**SAW: Puan, dikatakan puan pernah menyanyi lagu dekat majlis perkahwinan. Jadi, waktu itu lagu apa yang puan nyanyikan? Lagu ‘Bintang Kecil’ tu?**

RAH: Ha (mengangguk mengiyakan). Lagu ‘Bintang Kecil’lah.

**SAW: Selepas tamat sekolah--**

RAH: -Okey, ‘Bintang Kecil’ itu dinyanyikan oleh Anneke Gronloh.

**SAW: Anneke Gronloh? Penyanyi Indonesia?**

RAH: Indonesia (sambil mengangguk kepala mengiyakan) Okey. Itu /ingat-- Okey (bunyi tepukan meja).

**SAW: Apakah prinsip hidup yang puan pegang sampai sekarang?**

RAH: Prinsip? Apa eh? Okey- saya-- saya suka disiplin. Saya tak suka bila tengok orang tak ada disiplin terutama- diri kita sendiri. Saya- pegangan-- perjalanan berjaya saya adalah disiplin. Okey- disiplin kita. Kita tak pergi merata. Dulu tak ada (bunyi benda jatuh) ini pergi naik kelab ke apa, tak ada (sambil menggeleng kepala). *I* tak pergi. *So-* tanggungjawab. Kalau kita tak ada disiplin dan tanggungjawab dalam diri kita, kita takkan (sambil menggeleng) berjaya. Saya pegang yang itu. Saya-- Mana-mana saya pergi *show* ataupun apa-apa saya buat, *make sure* [pastikan] saya buat dia dengan betul, okey (sambil mengangguk). Kalau tidak, awak tengok kedai saya dengan ini- kalau tak ada matlamat- jual goreng pisang lah saya. Dak? [kan] Betul? Okey. Tapi saya *create* diri saya “aku nak masa tua aku, apa? nak jadi apa?” itu kalau Tuhan kita bagi sihat lah.

SAW: Mm-mm (mengiyakan)

RAH: - Saya harap saya akan sentiasa sihat. Sebab nak gunting (bunyi tepukan meja) baju orang ni bukan-- gila awak tahu. Nak buat pola lagi, nak gunting lagi (sambil menggerakkan tangan menggunting baju), nak itu. Tujuh perkara untuk siapkan baju ini, saya-- itu yang saya pegang. Prinsip disiplin dan tanggungjawab (sambil mengira jari). Faham? Saya tak jahit baju *you* [awak] cincai-cincai. *I* pergi *show* pun, *I* tak nyanyi cincai-cincai. Walau-- melainkan orang panggil spontan. “Okey, lagu apa ada?” ha okey lah, spontan. Tapi kalau orang bayar saya sekian-sekian, saya kena buat yang terbaik supaya orang tidak, ore Klate kato jeng [orang Kelantan kata kosong atau rugi]. Apa? Orang kata, maknanya penonton tidak akan (berdecit) kata kita ini, “alah (bunyi tepukan meja) tak padan kita bayar banyak-banyak, mari hanya macam itu je”. Takdok. *I don't like that* [saya tidak suka itu]. *I* tak suka *feedback* [maklum balas] yang negatif dalam apa yang saya buat. Kalau kita rasa salah, kita okey lah. Kalau saya pergi *s-how* spontan- saya pergi-- saya kadang-kadang dijemput. Saya-- dia [tokoh merujuk kepada orang yang berada di *show* tersebut] tengok saya hadir, “Kak Rose! (sambil menepuk tangan) sila naik ke pentas--” walaupun dengan apa yang saya pakai sekalipun (sambil menunjuk diri sendiri), *make sure* lagu yang kalau saya pilih itu ada, sesuai dengan-

SAW: Hmm

RAH: -Tempat, okey. Sebab bila diorang panggil, mesti lagu itu ada *spare-spare* [lebih] dekat mana-mana yang saya boleh bawa lah. *So*, okey.

**SAW: Hasil kajian kami, puan kan menyanyi masa umur sepuluh tahun dekat majlis perkahwinan. Boleh puan ceritakan bagaimana puan mendapat kekuatan untuk menyanyi sedangkan waktu itu puan masih kecil lagi?**

RAH: Oh itu suka-suka tuh [saja], dia keluar je, entah apa. Saya pun tak ingat macam mana dah saya menyanyi. Hmm (sambil senyum dan berdecit). Betul tak? Sepuluh tahun-- rasa ada orang kata “pergi ah [lah] nyanyi, pergi ah nyanyi” (sambil menggerakkan badan). *So* lagu itu yang saya ingat, itu bawa [tokoh merujuk kepada menyanyi lagu yang beliau ingat]. Bodoh. Tak tahu apa (bunyi tepukan meja). Jadi- (berdecit) kiranya sepuluh tahun [umur], spontan. Sekarang sepuluh tahun, budak semua boleh menyanyi.

SAW: Hmm, betul.

RAH: -Entah apa lagu, kan? Kita dulu radio tak ada, CD [*compact disk*, cakera padat] tak ada, apa tak ada (sambil mengira jari). Dak? [kan] Ha. Hanya radio. Itupun bila dia tahu saya suka menyanyi, mak belikan satu transistor [radio transistor]. Ha. Disitulah.

**SAW: Puan, selepas tamat sekolah, apakah pekerjaan awal yang puan lakukan?**

RAH: Saya tak pernah bekerja (sambil menggeleng kepala). Saya tak pernah bekerja sebab waktu saya lepas sekolah, saya belajar menjahit. Saya belajar *typing* [menaip] (sambil membuat gaya menaip), dulu *typing* kan. Ha yang itu saya suka, saya buat. Saya suka, saya buat. *So* bila dah bertanding itu, kita dah- lupa lah nak cari kerja ke apa ke.

(serentak)

SAW & NHM: A'ah (mengiyakan)

RAH: -Mungkin kalau saya tak menang, saya tak buat- *recording* [rakaman], saya tak-- mungkin saya bekerja. Kot-. Kan? Tapi bila saya belajar jahit itu mungkin saya jadi tukang jahitlah. Sebab saya dah menjahit. Baju ‘Bintang RTM’ *final* pun



saya jahit. Lepas tu-, ha dah terlepas dah-- okey. Semua saya jahit. Ya. Mungkin saya akan jadi tukang jahit lah. Nak jadi tukang masak macam mak- saya t-ak dapat bakat itu. Bakat itu pergi kepada adik. Arwah mak saya berniaga nasi dagang, nasi berlauk. Okey, nak besarkan kita [adik beradik tokoh]. Sebab arwah ayah pergi [meninggal dunia] waktu saya darjah empat. *So* mak yang jadi- *housebaker*, *housewife* lah, tadi tak kerja. *So* dia boleh masak. Lama-lama dia pandailah masak. Hmm (sambil mengangguk).

**SAW: Puan kata puan masuk kelas jahitan. Berapa tahun, lama?**

RAH: Oh tiga bulan je.

SAW: Tiga bulan

RAH: -Tiga bulan itu pun, okey dua kali seminggu. Saya cepat sebab saya sudah pandai. Cuma saya nak belajar-- potong pola je. Sebab baju-baju 'Bintang RTM' (berdecit) saya tak buat pola, terus ikut baju. Okey. Ha, (sambil mengangguk) ikut baju (bunyi tepukan meja). *So*- betul lah saya selepas-- maknanya umur lapan belas [18 tahun] belajar menjahit. Bukan belajar menjahit, belajar buat pola. Pergi belajar tuh [itu], untuk belajar buat pola baju. Ha. *So* disitu mula-mula kita belajar ikut-- kalau- kat rumoh [dekat rumah], saya potong ikut baju. *So* bila kita belajar buat pola kita kena lukis pola dulu, baru pin di pola. *So*, 'Bintang RTM' itu, sebab masa saya dengan *show* situ, saya tidak *exposed* kan diri saya untuk menjahit mengikut pola. *So* 'Bintang RTM', Alhamdulillah jadi juga (bunyi tepukan meja) baju itu. Okey, saya pakai *dress* [gaun] (bunyi tepukan dari meja). Okey.

**SAW: Apakah pekerjaan puan semasa mula-mula bekerja di Kuala Lumpur?**

RAH: Saya tak bekerja. Okey saya- *show* dua tiga kali seminggu. *Show* rata-rata. Tak payah kerja lah, gaji dah lebih, dak? Masa dulu. Okey. Dulu *payment* [gaji] dia dah dua ribu [ringgit Malaysia] satu *show*. *So* semua satu Malaysia saya jejak. Sabah, Sarawak [Malaysia]. Kalau kerja, mana boleh pergi menyanyi. Oh! Saya bekerja. Oh kalau kira bekerja, bekerja-? Okey, *now* [tadi] saya ingat bekerja ini menaip ke, kerja dekat *office* [pejabat] ke. Okey saya pernah bekerja dengan Anita Sarawak. Ha itu bekerja. Tapi menyanyi lah (sambil menganggu).

(serentak)

SAW & NHM: Mm-mm (menganggukkan kepala)

RAH: - Okey sebelum album pertama saya keluar, saya ikut Anita Sarawak selama satu tahun sehingga tujuh puluh sembilan [tahun 1979] saya rasa album saya keluar. Dah nak keluar, (bunyi tepukan tangan) kita punya *band* berpecah. Berpecah itu sebab Anita, dia bawa diri ke Amerika, budak budak *band*- yang- Malaysia, ada di Malaysia. Yang Philippines, Filipinos-- pasal *musician* [ahli muzik] ada yang Filipinos, balik kampung. *So* album saya keluar, ha disitulah.

**SAW: Puan, dikatakan puan pernah jadi penyanyi latar kan. Jadi, waktu itu siapa yang bersama dengan puan jadi penyanyi latar?**

RAH: Oh- ada-, budak Singapore. Namanya Lynn [Haslina Anis]. Okey. Dia, entah apa dia sekarang. Dia asal? Asal dengan Anita Sarawak. Dan- bila salah seorang [tokoh merujuk kepada penyanyi latar kepada Anita Sarawak] itu berhenti-- sebab Anita Sarawak, EMI punya artis juga. Jadi saya dapat tahu daripada *Company* yang Anita tengah mencari, *so*--. Saya di *audition* [bertanding] kan, saya terpilih dan ikut Anita (bunyi tepukan meja). Sebab album saya bergelumun [banyak] keluar kan? Ha-- itu saya bekerja.

**SAW: Berapa kali persembahan yang pernah puan lakukan bersama Anita?**

RAH: Oh itu bekerja *you*. Tak ada kira persembahan dah. Kita kerja. Kita kerja dekat hotel. Saya pergi ke Sri Lanka, saya pergi ke- Japan, saya pergi ke Hong Kong, saya kerja di Australia. Ha itu bersama-sama bekerja. Okey. Dia bukan kata ada buat persembahan, tak (sambil menggeleng kepala). Kita kerja. Anita kerja. Anita kerja dan saya bekerja dengan dia. *So*, di hotel-hotel lah. Kalau di Kolumpo itu- di hotel-hotel itu-, (berdecit) memanglah kontrak. Habis situ, sambung. Habis situ, sambung (bunyi tepukan meja). *So*- tak payah saya belajar tinggi-tinggi, saya *travel* [melancong]. Ha (sambil mengangguk dan tersenyum).

**SAW: Jadi boleh puan ceritakan pengalaman travel bersama Anita?**

RAH: Oh! Hmm pengalamannya? Pengalamannya, ada masa terluang sikit- boleh lah kita *sightseeing* [bersiar-siar] (bunyi tepukan meja). Okey- selalunya kita bekerja. Lepas bekerja malam kita *rehearsal* [raptai atau latihan]. Selalunya *rehearsal*, petang *rehearsal*. Nak samakan, “malam ini lagu apa, kita nak samakan” tarian (sambil menggerakkan tangan gaya menari) nak samakan dengan-- Kita banyak *rehearsal* dan *rehearsal* itu banyak belajar, mengajar saya. Okey. Lepastu soalnya lagi? (bunyi kertas).

**SAW: Jadi. boleh puan ceritakan genre muzik yang puan minati?**

RAH: Okey- genre? (Berdecit) Genre-- okey lagu sekarang saya tak boleh lah. Genre- saya ini versatil *singer* [penyanyi yang serba boleh] Versatil *singer* ini dia tak kira apa genre. Okey rock, *ballad* [balada], rock. Dulu-dulu lah rock. Sekarang pun saya boleh nyanyi rock. Rock, *ballad*-, irama Malaysia. *Considered* [apabila difikir kembali] kalau diberi lagu, kita letak-- saya letak tepi- (berdecit) apa ini- (sambil mengingati) yang-- aduh, sekarang punya (sambil mengumam). Apa itu-?

NHM: Rap ke?

RAH: -Hah? [apa]

NHM: Rap.

RAH: --Oh rap. Ha yang itu. *I* tak boleh (sambil menggeleng) ingat. Rap-- *it's not my* genre [itu bukan genre saya]. Okey, yang itu bukan genre saya. Genre saya kalau yang dulu semua saya boleh ikut. Saya versatil, cuma yang rap ini saya tak versatil lah. Cuma sebab dia genre lain. Genre dalam umur saya dah lima puluh [50 tahun] rasanya keluarlah rap kan. Ha itu bukan (sambil menggeleng kepala) genre saya.

**SAW: Daripada hasil kajian kami, kami dapati puan pernah menganggotai kumpulan gambus. Jadi boleh puan cerita bagaimana puan boleh menyertai kumpulan tersebut?**

RAH: Oh saya dalam sekolah rendah. Okey. Saya asal daripada lorong minyak gas [Kota Bharu Kelantan, tempat kelahiran tokoh]. Ini rumah (bunyi tepukan meja) lain dah. Okey ini rumah lain dah (sambil menepuk meja). Rumah tok [datuk] dulu, rumah dulu [rumah lama], rumah kayu, rumah tradisional dulu (bunyi tepukan meja). Lepas tu, kita terpaksa pindah kerana nak baiki rumah tersebut. Sebelum rumah (sambil mengetuk meja) ini lah. Rumah itu dibaiki, saya pindah ke Wakaf Baru [Kelantan] selama (sambil mengira jari) dua tahun. Se-lama-- siap rumah ini, saya balik. Kita balik. Balik sini balik (bunyi tepukan meja). *So* disitu saya- *join* gambus, kumpulan gambus. Sebab bila gambus di kampung-kampung, saya kan suka minat menyanyi. Ikut-ikut nyanyi-- *So* diorang-- sebelum saya *join* 'The Sheens', saya balik Kota Bharu. Baru saya *joined* kumpulan 'The Sheens'. Mula-mula kumpulan ialah kumpulan gambus tersebut. 'Gambus Delima Adabi'. Okey.

Lepas balik Kota Bharu, baru-- disitu lah saya belajar- apa lagu, disitu lah ingat lirik.

SAW: Mm-mm

RAH: -Kan bila kita berlatih, selalu berlatih-- (sambil menggerakkan tangan) tak tau apa pun. Okey lagu tu--, diorang boleh main, saya nyanyi saya lah. Itu buat persembahan di rumah orang kahwin lah. Ha okey.

**SAW: Berapakah ahli anggota kumpulan tersebut? Ahli kumpulan.**

RAH: Oh saya tak ingat (bunyi kenderaan di luar rumah).

**SAW: Ramai ke?**

RAH: Tak ingat. Ramai. Main gambus, main drum. Eh ramai. Lima enam orang rasanya. (sambil mengangguk) Sebab satu *band* selalunya lima enam, orang kalau gambus pun sama. Sebab gambus dulu, dia main gambus [sejenis alat muzik]. Gambus betul, (sambil membuat gaya memegang gambus) yang Arab punya. Bukan main gitar, tapi dia selit-selit kan juga lah. Sebab kita ada juga nyanyi. Gambus ini bukan saya nyanyi lagu Arab sangat pun. Lagu apa saya nyanyi lagu arab? "Binti Salbiah" [Binti Salbiah]. Ha lagu itu *I* nyanyi (mengangguk sambil senyum). Lepahtu lagu melayu je lah (bunyi tepukan meja). Sebab gambus ini banyak lagu arab-arab. *So* boleh lah saya nyanyi-nyanyi 'Binti Salbiah' itu, lagu Arab. Yang itu satu je lah. Okey dia ada *tagline* [ciri-ciri tertentu]. *Tagline* nyanyi dengan orang ni, kita nyanyi lagu apa. Ha yang itu (bunyi tepukan meja). *So* yang lain itu macam-----

**SAW: Dimanakah ahli-ahli kumpulan tersebut, puan tahu?**

RAH: Ramai yang dah tak ada (sambil menggelengkan kepala) dah [meninggal dunia]. Saya umur dah berapa. Semua dah tak ada doh. Saya dalam darjah. Umur darjah.

**SAW: Waktu itu dorang dah besar lah?**

RAH: Eh, diorang dah kahwin. Dah apa. Dulu mana budak-budak main *band*.

SAW: (ketawa)

RAH: Semua diorang dah kahwin. Saya penyanyi je budak-budak. Bodoh-- ini. Kan? Ha budak-budak! Saya budak budak. Diorang semua dah kahwin, ada anak semua.

**SAW: So waktu itu kan puan kecil lagi, ada tak yang sama umur--**

RAH: -Ramai orang *band* semua dah kahwin. Dulu-dulu kot tak ada budak-budak *band*- melainkan selepas itu, adalah diorang minat-minat. Ada tempat nak pergi-*rehearsal* semua. Adalah. Ha yang ini 'Delima Adabi' ini semua dah kahwin. Saya je budak. Dia tahu- sebab apa? Saya kan suka menyanyi dalam bilik air. Bilik air di kampung. Dulu kan *open-open* [terbuka]. *So* melalak punya melalak. Diorang datang lah bertunang dengan saya. Ambil saya jadi penyanyi. Iya [ya] betul (sambil mengangguk dan senyum). Betul ha. Dulu mana ada karaoke, mana ada. Orang tahu kita menyanyi hanyalah bila kita menyanyi betul lah itu tidak? [kan] Kalau kita nyanyi tak betul, orang takkan nak ambik. Nyanyi sumbang, nyanyi apa? Salah tempo [merujuk kepada tahap kerancakan atau kelajuan rentak sesebuah gubahan lagu]. Mana ada orang nak ambik jadi penyanyi, kan? Ha. Nyanyi dah lah tak sedap, *out* [keluar] tempo pulak, *key* [kunci atau merujuk juga kepada skala major atau

minor,note dan vokal lagu] dah lah salah, sumbang pulak. Takkan *you* nak ambik dia sebagai *main singer* kan? (bunyi tepukan meja) ha. Tapi mujurlah, boleh lah saya ikut. Tak reti apa pun (sambil menggeleng). Tak faham apa itu sumbang, apa itu- (berdecit) lari tempo, *off* [keluar] tempo. Kita tak tahu apa cuma *I* ingat lirik, *I* boleh masuk menyanyi, diorang kata okey, okey lah. Tak-- memang tak ada *experience* [pengalaman] (bunyi tepukan meja).

**SAW: Kiranya puan seorang saja yang sekolah rendah? Ada tak yang lain?**

RAH: Tak ada (sambil menggelengkan kepala). Semua orang tua-tua.

**SAW: Berapa lama puan bersama dengan kumpulan tersebut?**

RAH: Setahun rasanya. Sebab saya duduk [tinggal] Wakaf Bharu dua tahun. *Form two* [tingkatan dua] sampai *form three* [tingkatan tiga]. *Form two* sampai *form three*. Jadi- pindah ke situ kerana rumah- memang kena ba-iki. *So* lepas itu saya balik ke Kota Bharu balik. *Form three*.

**SAW: Boleh puan ceritakan pengalaman-pengalaman melakukan persembahan bersama kumpulan ‘Gambus Delima Adabi’?**

RAH: Oh tak ada apa. Tak ada pengalaman sangat pun. Nak terkinja-kinja bukan-- *no* [tidak]-- (sambil menggeleng kepala) dok [tidak]. *No*-- Nak kata pengalaman, tak ada. Diorang panggil menyanyi, menyanyi. Diorang bayar sikit lah. Ada bayaran.

**SAW: Berapa?**

RAH: Tak ingat. Sikit je-. Dulu gak [tiada apa-apa maksud, cuma perkataan yang sering ditambah apabila bercakap dalam lorat Kelantan], puluh-puluh ringgit pun besar dah. Kita budak kan? Tak ingat-tak ingat. Sebab dia bagi dekat mak.

SAW: Ha (mengangguk mengiyakan)

RAH: -Kita kecil kan, dia bayar ke mok [mak]. Sebab kito [kita] suka, minat. (bunyi plastik). Tak tanya dah, “encik, berapa ringgit bayar?”

SAW: (ketawa)

RAH: -Dok. Tak ada- tak ada. *So far* [setakat ini] tak ada.

**SAW: Selain dari menyertai kumpulan Gambus, puan juga pernah menyertai sebuah program ‘Bintang Radio’ pada tahun 1972. Boleh puan ceritakan konsep yang puan ketengahkan pada ketika itu?**

RAH: Tak ada. Saya-- Sebagaimana ini saya suka menyanyi. Bila masuk bertanding, kita menang sampai ke *final* rasa. Tujuh puluh- dua? [tokoh merujuk kepada tahun 1972] (bunyi pergerakan berhampiran dengan rakaman).

SAW: Hmm (mengangguk mengiyakan)

RAH: -Ho [ya]. Saya budak lagi. Pergi *final* dah itu. Sebab saya-- *First time* masuk ‘Bintang Radio’.

SAW: Oh



RAH: -Orang lain semua dah tua-tua. Kita je budak. Suka-- Saja je. Tawar diri bertanding. Orang lain semua dah kahwin semua (sambil mengangkat tangan). Saya je budak sekolah lagi, tak tahu apa. Bawa lagu entah macam mana tak tahu. Saya pun lupa (bunyi tepukan meja). ----- Tak ada video rasanya. Rakaman TV tu (sambil mengangguk), *final*.

**SAW: Waktu itu puan nyanyi lagu apa?**

RAH: Saya pun lupa (sambil menggelengkan kepala). Saya lupa-. Yang itu lupa sebab lagu lama-lama kita menyanyi. Bukan lagu moden. 'Bintang Radio'-. Saya masuk hanya minat. Suka, tak tahu apa- lah bentuk pertandingan masa itu. Budak kan? Hmm.

**SAW: Hasil kajian kami puan pernah diundang oleh Radio Tiga Kota Bharu untuk menyanyi dalam sebuah rancangan. Boleh puan ceritakan perkara tersebut?**

RAH: Oh dulu tak ada Radio Tiga. Sekarang ada Radio Tiga ke? Aku pun tak tahu. Ha ha ha (ketawa). Kita-- Radio Malaysia Kota Bharu je dulu.

SAW: Oh

RAH: -Kita dulu eh [ya]. Radio Malaysia Kota Bharu. Okey. Bukan RTM lah. RTM itu di- Kuala Lumpur kan? So RTM Kota Bharu lah. Ya, betul-betul. RTM Kota Bharu. (berdecit). Saya masa dalam-- darjah juga dijemput- buat rakaman je. Rakaman dia siar untuk siaran radio. Ha masa itu saya- dah berani. Mak tak ikut, saya bila- dok-- kayuh basikal (sambil membuat pergerakan tangan mengayuh basikal) pergi RTM untuk buat rakaman. Adalah bayaran. Bayaran tak lah banyak. Tak lah banyak tapi bagi kita budak ini, banyaklah. Okey. Yang RTM saya- lepas

itu saya dilahirkan melalui RTM lah kalau kira. Sebabnya bila saya balik ke Kota Bharu daripada Wakaf Bharu, saya banyak ke *recording* RTM. Kalau dia buat pentas ke apa ke, saya dijemput. Okey- disitu lah kita tahu 'Bintang RTM'. Sebab mana dulu ada tv. Tak semua orang, rumah ada tv. *So* saya melalui RTM (bunyi kertas). Jadi saya dilahirkan melalui RTM lah banyak [melalui RTM, banyak bakat saya dicungkil] (bunyi motosikal). Betul lah kita ada bakat, tapi RTM yang asuh melalui- (bunyi pergerakan berhampiran kamera) pertandingan, melalui rakaman. *So* saya belajar pula (bunyi tepukan meja) bila kita-- bila saya dah- apa- (memejam mata sambil mengingati) dah dewasa sikit, okey saya bekerja di kelab apa semua, yang itu lain (bunyi plastik) punya- pengalaman.

SAW: Oh

RAH: -Pengalaman nyanyi- disini diorang hmm ajar juga lah kan? Nak masuk macam mana. *So* yang kita reti. *So* saya banyak diasuh juga lah (bunyi tepukan meja). Cuma kita t-ak fikir jauh teknik dia (sambil mengira dengan jari), teknikal macam mana, nak ubah suara macam mana (mengambil nafas), nak tinggikan suara macam mana, nak- (mengambil nafas) bentuk suara itu jadi- sedap didengar lagi macam mana, bagaimana tempat itu kita nak kena lembut kan suara (bunyi tepukan meja). Okey, lama-lama saya belajar sendiri melalui kerja di kelab malam. Okey sebelum- itu soalan dia dulu. Hah soalan dulu. Saya nanti saya menceceh [merepek], dah ke depan dah. Dok? Betul? Okey, tanya.

**SAW: Dalam pembikinan lagu, adakah puan juga terlibat dengan pembuatan lirik lagu?**

RAH: Tak ada (sambil menggelengkan kepala menidakkan).

**SAW: Boleh puan berikan sedikit gambaran situasi atau suasana ketika puan merakamkan album pertama di studio rakaman?**

RAH: Okey- yang itu pengalaman? Tak ada pengalaman langsung. Okey. Oh bukan (bunyi tepukan meja) tak ada pengalaman langsung. Pengalaman daripada (bunyi benda jatuh) RTM. Bagaimana guna *earphone* [fon telinga], bagaimana kita nyanyi seorang muzik dah keluar. *So* pengalaman saya disitu- membuatkan saya-- belajar lagi waktu rakaman untuk album pertama. Sebab yang itu nak kan- (berdecit) *mood* [angin] kita, *feel* [rasa] untuk lagu sebab itu lagu original saya. Kita tak *copy* [salin atau guna] lagu orang. Okey- (bunyi selipar) masa nyanyi dengan RTM kita nyanyi lagu orang, tak ada lagu original. Tapi bila dah buat rakaman-, ada juga lagu saduran tapi banyak lagu original saya. *So* lagu original ini, orang tak pernah nyanyi. Okey. Lagu itu digubah untuk saya. *So* bagaimana saya nyanyi lagu itu, saya bawa lagu itu. Ha itu- pengalaman yang begitu baik bagi saya sebab- kita tengok penerbit itu, bagaimana dia- tahu- untuk betul-betul suara saya dirakamkan. Saya kena nya-nyi-- sehingga dia puas hati, “Okey, kita rakam” (bunyi tepukan meja). (Berdecit) satu lagu. Sepuluh lagu satu album. Jadi- maknanya (punyi pintu) berjam-jam untuk satu lagu dan sehari-hari untuk sepuluh lagu (sambil mengangguk). Kita kena *feel* lagu itu. Kita tidak boleh bawa lagu itu, “okey lagu original, bawa je lah!” *No*. Saya di- tegur “Okey, kita-- suara awak tu tak ini [okey] lagi. Okey, pergi minum air dulu.” Ha gitu diorang tegur. *So*- pengalaman yang sikit daripada RTM, saya bawa kepada masa rakaman dan- disitu album kedua (sambil merapatkan tapak tangan sehingga berbunyi), ketiga (bunyi tepuk tangan) itu tak ada masalah dah. Kita dah faham cuma mengikut atas penerbit sahaja (berdecit). Saya ter-kena dengan- S. Atan [Hashim Said]. Okey. S. Atan penerbit yang begitu- disiplin dalam rakaman dan saya- ditegur banyak lah oleh dia-- oleh beliau. Sebab satu album, satu penerbit.

SAW: Oh

RAH: -*So* masa saya dengan S.Atan, rakaman saya- di Singapore. Jadi- yang penerbit lain itu di Kuala Lumpur. Bukan di Singapore. Hm (berdecit).

**SAW: Apakah teknik yang puan amalkan ketika merakamkan lagu di studio?**

RAH: Teknik dia kita tak boleh nak cakap dalam- (berdecit) waktu bercakap. Teknik itu kita kena menyanyi. Baru kita tahu. Nak- bagitahu *you* teknik-teknik macam mana sebab kalau dia-- macam *you* bukan penyanyi, kalau *I* cakap teknik-teknik begini *you* tak faham pun (sambil menggeleng). Tak boleh (sambil menggeleng kepala). Ha eh? Teknik ini banyak. Bagaimana nak *falsetto* [tingkatkan suara dalam nyanyian] kan suara *you*, bagaimana nak tipu suara (bunyi kertas), bagaimana nak tipu nafas, bagaimana nak-semua itu, ada dalam penyanyi. Kalau dia tahu cara, semua orang boleh menyanyi. Se-mua orang boleh menyanyi. Saya tabik (sambil membuat gaya tabik), semua orang boleh menyanyi. Karaoke semua nyanyi sedap-sedap tapi (bunyi tepukan meja) ada yang tak tahu teknik pun. Nyanyi je lah. Semua orang boleh menyanyi.

**SAW: Dikatakan puan pernah berduet bersama Lionel Xavier ketika menyanyi di kelab. Jadi boleh puan ceritakan perkara tersebut?**

RAH: *No*. Dengan Lionel saya bukan menyanyi di kelab, saya buat album bersama dia (bunyi kertas).

SAW: Oh

RAH: - Ha eh? Dengan Lionel Xavier? Saya tak kenal pun. Dia budak Melaka [Malaysia]. Tapi- kita dijemput (bunyi motosikal) oleh Life Records [syarikat penerbit rekod Malaysia] dulu. Saya dengan Life Records, saya ada satu album-bersama Xavier. Masing-masing-- Dalam sepuluh lagu itu, dia lima lagu, saya lima

lagu. (bunyi) Okey. Itu saya dengan Xavier. Dengan Lionel. Okey. Disitu saya kenal dia dan- saya di-jemput oleh Life [merujuk kepada syarikat Life Records] untuk menyanyi. Untuk buat album bersama Lionel (bunyi pergerakan berhampiran rakaman). Itu selepas saya dah habis kontrak dengan EMI lah. Okey.

**SAW: Berapa lama masa diambil untuk hasilkan album bersama Lionel Xavier?**

RAH: (Berdecit) Lionel-- masing-masing nak-- masing-masing buat rakaman sendiri. Dia *part* [bahagian] dia, saya *part* saya. Maknanya asing-asing punya masa. *So* yang itu saya tak boleh bagitahu pun, tak ingat dah (bunyi kertas). Tahun 80-an [1980-an]. Tak ingat dah. Dia bukan (sambil menggeleng kepala) satu jam saya menyanyi untuk rakaman. Tak ada. Dia mesti banyak jam punya untuk keluarkan lagu. Lagu bersama Lionel ini dalam *live* album-- Life Records ini, lagu saduran. Bukan lagu original. Tetapi- Dato' Ramli M.S. [Dato' Ramli bin Mohd Salleh] masa itu- dia mu-da lagi. Dia cha cha kan lagu tersebut. *So* album itu ialah album Cha Cha.

SAW: Mm-mm

RAH: -Okey. Semua sadur tapi macam lagu- Hetty Koes Endang [Hajjah Hetty Koes Endang, penyanyi dan pelakon Indonesia], cha cha kan. Jadi album itu album bertajuk 'Cha Cha'. Semua lagu *top-top* [teratas] yang saya nyanyi itu lagu orang tapi di cha cha kan. Bukan *copyright* [hak cipta] lah.

**SAW: Oh. Dikatakan puan pernah bersama 'The Sheens' untuk mencuba nasib dalam pertandingan 'Juara Kugiran'. Boleh kongsi pengalaman bersama The Sheens?**

RAH: The Sheens saya dalam sekolah sampai saya umur-- berapa? Empat tahun juga. Sebab 'The Sheens' ini, masa itu- salah satu *band* yang terkenal di Kelantan lah (bunyi tepukan meja). D-isamping 'Suara Kilat' (berdecit). Okey kita ada dua *band* masa itu. Disamping *band-band* lain saya tak tahu lah (sambil menggeleng kepala). Tapi di Kota Bharu memang- dua *band* ini memang sohor [tersohor] lah masa itu, di Kota Bharu. *So* apa-apa *show* ke kalau kita tidak- dengan 'Suara Kilat', 'The Sheens'. Sebab itu saya banyak *show* dengan 'The Sheens'. *Stage show* lah, *local* [tempatan] punya. Okey.

**SAW: Paling jauh, dekat mana buat persembahan dengan The Sheens?**

RAH: (Berdecit). Tak ada. Di Kota Bharu.

**SAW: Di Kota Bharu je?**

RAH: Hmm (mengiyakan).

**SAW: Dikatakan puan pernah menyertai pertandingan Bintang RTM sebanyak dua kali sebelum dinobatkan johan untuk cubaan kali ketiga. Jadi boleh puan kongsikan perkara tersebut?**

RAH: Ha (bunyi plastik) macam mana?

**SAW: Hasil kajian kami, puan tidak berjaya dua pertandingan tadi sebelum RTM 1977. Jadi boleh puan kongsikan perkara tersebut?**

RAH: Oh hmm (berdecit). Itu menandakan kita-- Apa ini. Rezeki satu. Ya lah. Dua-bagi saya lah *choice of song* (bunyi kertas).

SAW: Oh

RAH: -Pemilihan lagu dan- budak lagi keluar tv macam mana? Solo. Menyanyi. Solo keluar tv. Tv1, Tv2, Tv3 (sambil membuat gaya memegang mikrofon). Kan? *Cameraman* [jurukamera] nak ambil [merakam video ketika membuat persembahan] kita tak tahu apa. Nyanyi je. *So* (bunyi pergerakan berhampiran rakaman) disitu dua pengalaman itu membuat saya tertanya-tanya kenapa saya kalah. *So* ada penerbit dekat sini kata- "*choice of song*. Lagu-lagu--" (bunyi kenderaan). *So*- bila- saya masuk kali yang ketiga, *I make sure* saya pilih lagu yang- - sebab lagu kita nyanyi *on stage* [atas pentas] dengan lagu kita bertanding tak sama tahu?

SAW: Oh

RAH: -Tak sama. *Choice of song*. Okey- (berdecit) semua lagu kita boleh menyanyi. Tapi bila bertanding, kesesuaian lagu masa itu (bunyi tepukan meja). Dia nak suara tinggi rendahnya (bunyi benda jatuh)-, tempoh-muziknya-, cara lagu itu dibawa, persembahan bagaimana kita koreografikan (sambil menggerakkan badan) diri kita masa bawa lagu. Yang itu saya okey tapi pilihan lagu lah tak kena rasanya. Pilihan lagu tak kena. Jadi peserta, kita ramai peserta (bunyi hujan). Jadi kita-- saya perasan lah mesti orang lain buat macam ini-ini, bawa lebih baik daripada saya. "Oh *you* bawa lebih baik daripada saya". Di situ saya terkeluar. Kan? (bunyi tepukan meja) Dan waktu itu sumbang ke-, tempo lari ke, kita tak perasan. Sebab tak duduk dalam ini [bidang nyanyian] lagi.

SAW: Mm-mm

RAH: -Saya tak mengaji [belajar] lagi bab-bab apa-apa. Jadi- (berdecit) kita kira di-jemput. Surat sampai dijemput [surat jemputan sampai]. Ha cari lagu. Ha bagi lagu (bunyi tepukan meja). *So* bagi lagu, “*you* bawa lagu *better* [lebih baik] haritu,” “*you* bawa lagu *better* haritu” Saya ini bawa lagu okey lah. Okey-okey sikit. *So*, begitulah. (bunyi tepukan meja).

**SAW: Jadi waktu itu, lagu apa yang puan nyanyikan?**

RAH: Oh tak ingat doh.

**SAW: Tak ingat?**

RAH: Tak ingat (sambil menggeleng kepala). Cuma *final* ‘Bintang RTM’ yang buat saya juara ialah ‘Bunga Tanjung’ dan ‘The Otherside of Me’. Lagu mat salleh satu. Itu lagu pilihan. (berdecit). Jadi kebetulan lah lagu itu arwah Sharifah [Allahyarhamah Datuk Sharifah Aini Binti Syed Jaafar] baru *launch* [melancarkan] lagu itu, album itu [lagu dan album tersebut]. Dan saya ambil. Lepas itu, *final* itu (bunyi hujan) kita nyanyi dengan- orkestra kan. *So the difference between-* [jadi perbezaan antara] orkestra dengan- *live-- band* biasa, *total* [memang] jauh. Jauh (sambil menggelengkan kepala). *So-* saya suka nyanyi dengan orkestra *beat* [lawan] *liveband*. Sekarang payoh doh [dah susah]. (berdecit) Okey.

**SAW: Puan seperti sedia maklum puan telah berjaya dinobatkan sebagai juara program Bintang RTM 1977. Jadi boleh puan ceritakan mengenai kejayaan puan sebagai Bintang RTM?**

RAH: Perjalanan kerjaya saya itu je lah. Ya? Selepas Bintang RTM itu kan? *So* dengan keluar tv nya (bunyi hujan). Saya ada *show--* program tv saya sendiri, mingguan. Okey- saya dengan orkestra RTM menjelajah satu Indonesia. Sampai ke



Bali [Indonesia] buat persembahan dengan orkestra. Yang lain itu (bunyi notifikasi telefon) berjalan [bersiar-siar] je lah. Kita ke Medan [Indonesia], semua itu saya dapat (bunyi decitan dan tepukan tangan) melalui- kerja menyanyi. Laung [tokoh merujuk kepada menyanyi] aje, boleh-- pergi ke luar negara. Boleh lah kenal dulu punya. Sekarang diorang cakap Bandung [Indonesia] dah lain. Dulu memang kita ke Bandung, ke Jogja [Yogyakarta, Indonesia], ke-- dulu saya dah ke Tangkuban Perahu [Bandung] (bunyi hujan). Semua itu-. Di-- (sambil menggingati dan menepuk tangan) Medan memang kita buat *show*, di Bandung kita buat *show*, Jakarta (bunyi notifikasi telefon). Jakarta kita buat *live show*. *Live telecast* [siaran langsung] daripada Jakarta [Indonesia] ke Malaysia masa itu dengan orkestra RTM (berdecit). *It's quite- a good experience* [ia adalah pengalaman yang cukup bagus], memang tak boleh- (sambil menggelengkan kepala) orang bayar dekat saya pengalaman sebab kalau *you* tengok rata-rata penyanyi lain-- (bunyi hujan) tak berpengalaman sebagaimana saya alami. Menjelajah-- *You* tahu tak? *I feel so proud* [saya rasa amat bangga]. Kalau mat salleh kata “aku amat bangga” (menarik nafas). Walaupun dah- berumur begini, bila kita imbas kembali masa itu tak ada (bunyi tepuk tangan) penyanyi pun keluar negara. Sebagaimana saya-- walaupun ikut RTM, walaupun ikut Anita. Hak sendiri tok sah [tak usah] cakap lah, Malaysia je (mengambil nafas) kan? *So-* kalau dalam kerjaya seni saya lah, *I'm very proud*, mat salleh cakap. *I'm very-- proud*. Sebab anak saya tak boleh-- nak pergi pergi luar negara. Kalau mengaji tinggi-tinggi pun, melainkan *you* belajar dekat London boleh lah pergi situ pergi sini. Itali [Eropah] sikit kalau *you* suka berjalan. (mengambil nafas). Tapi melalui (bunyi tepukan meja) menyanyi, saya *half* Asia saja-- [melalui menyanyi, separuh Asia saya dah jelajah]. Menyanyi aje. Sabah Sarawak tak kira hari, entah hari apa (bunyi tepukan meja). Jemput pun, *I*, “baik”. Masa tengah *top* [terkenal] dulu memang balai istana, depan Mahathir [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, bekas perdana menteri Malaysia ke-4 dan ke-7] depan orang besar. (Mengambil nafas) Kita ini budak, bila diorang orang besar-besar tapi waktu itu kita tak takut apa pun. Diorang pula *respect* [hormat] kita “*you* nyanyi begini-begini”. Diorang itu Tan sri, Tun. Dengan Mahathir dalam satu kapal, pergi *travel*.

Dengan-- Okey semua-semua itu *experience*. Dengan menteri-menteri ini tak usah cakap lah *show* (bunyi tepukan meja). Menteri dulu lah.

SAW: Hmm (mengangguk kepala mengiyakan).

RAH: -Okey. Alhamdulillah saya (berdecit), itu saya cakap *I'm very proud*. Kita-- saya tak payah nak- besar-besarkan cerita saya tapi gambar beritahu. Kalau *you* tengok, ada lagi gambar saya dengan Mahathir, saya dengan-- Diorang minat dekat kita dulu (bunyi tepukan meja). Ha ha ha (ketawa). Ha hmm.

SAW: (ketawa) Dikatakan tadi--

RAH: -Memang *private* [tertutup]. *Private* punya program untuk satu-satu- ini. Saya dijemput masa itu. Ha yang-- orang besar-besar punya (bunyi hujan). Masuk istana. Semua bukan *private-private* ini lah. Tapi maknanya tak panggil orang-orang lain, hanya pembesar-pembesar negara (bunyi tepukan meja). Kita dulu bodoh. Boleh menyanyi (bunyi notifikasi telefon). Menyanyi je. Diorang bayar-- Tu je. Sekarang “uuh [Eh]. Hmph menteri tuh? Umph aku nyanyi dah, bergambar-gambar (sambil membuat gaya bergambar) dengan bini sekali”.

SAW: (ketawa)

RAH: -Suka tahu dulu. Ha. Kalau *you* tengok penyanyi dulu-memang sekarang-banyak diorang tak ada peluang untuk- macam saya, Sharifah Aini. Macam kita penyanyi-penyanyi dulu, memang masuk tempat-tempat *grand-grand* [hebat]. Hmm okey (bunyi hujan).

**SAW: Dikatakan tadi puan dapat panggilan daripada syarikat EMI selepas menang RTM.**

RAH: -Ya (mengiyakan). Hmm malam itu.

**SAW: Boleh puan ceritakan secara lanjut, lebih lanjut tentang perkara tersebut?**

RAH: Tak ada apa pun. Dia suruh saya pergi *sign* kontrak aje.

**SAW: Kira malam itu terus?**

RAH: *No*. Dia cakap-- Dah menang, dia bagi kad. “*You* datang *office sign* kontrak” (bunyi hujan). *So* ambil masa juga lah untuk buat *appointment* [temu janji] pergi *sign* kontrak. *Sign* kontrak pun ambil masa juga untuk buat satu album itu (bunyi hujan) sebab *you* nak kena buat dua lagu, *you* nak kena buat tiga lagu, *you*-- *So* masa itu agak panjang sikit. Bila panjang itu, saya ikut Anita Sarawak.

(serentak)

SAW & NHM: Hmm

RAH: -*Show* saya sendiri ada. Tapi saya rasa nak berjalan. Ha (bunyi hujan). (Berdecit) *You* nak *travel*, *you* ikut orang. Kan?

SAW: Hmm

RAH: -*So* kita dapat gaji juga bila tak dapat sebagai *stage show*. *Stage show* dulu, 2 ribu [RM 2000.00] banyak tahu? Kalau [kalau] seminggu dua kali, sebulan berapa? Ha. Pergi Sarawak lah, pergi Brunei [Brunei Darussalam] lah (bunyi hujan). Hmm.

Dulu 2 ribu, okey lah. Diorang bayar 1 ribu [RM1000.00] pun okey. Tengok-tengok tempat lah. Tapi okey lah dulu. Hei, banyak tuh. Tak payah kerja pun (berdecit). Okey.

**SAW: Boleh puan ceritakan mengenai syarikat tersebut? Pasal syarikat itu. Waktu itu, siapa pengarah, lagi siapa artis?**

RAH: Oh (berdecit) bukan pengarah. Dia panggil apa eh? (sambil mengingati) Ketua syarikat itu, Mrs Beh [Beh Suat Pheng]. Mrs Beh, Cina. *So* kita-- dia yang pegang EMI Malaysia. EMI Singapura orang lain. *So* itulah. Dengan kita punya artis-artis yang *you* tahu EMI punya artis Sharifah Aini, DJ Dave [Datuk Irwan Shah Abdullah atau Dhammi Jagjit a/l Sukhdev] semua itu (bunyi kertas). Tak ada apa dalam *company* kita buat rakaman je. Diorang jual kita punya album. Ada- apa ini (berdecit) nak promosi album, ha EMI-, *Company* lah yang kena buat. Itu je. Tak ada apa sangat (bunyi hujan). *Sign* kontrak untuk-- Hmm.

**SAW: Puan, siapakah komposer yang paling banyak menyumbang dalam pembikinan lagu puan?**

RAH: (Berdecit) Eh tak boleh nak cakap lah, banyak album saya. Lagu saya, empat puluh lima lagu. Bila *you* tanya penyanyi mana, ada empat puluh lima lagu. Sharifah Aini, lagi siapa? Sharifah banyak juga lagu (bunyi kereta). Betul. Original saya berapa. Yang sadur (bunyi hujan) tak sampai sepuluh la-gu (berdecit). Kalau *you* tengok Youtube, lagu-lagu saya-- *you* tulis (sambil membuat gaya menulis) nama-nama lagu, lepas itu-- Oh ada dengan *live* album, tak ada dalam Youtube. Sebab dia-- cakap- (berdecit) album ini Indonesia punya. *So* tak ada dalam Youtube. Album itu *I* ada, *I* nak masukkan. *I* nak masukkan. Lagu *I* lah, lagu lain ini tak lah. Ha okey. Semua 80-an [tahun 1980-an] punya lagu. Lepas itu *I* ikut ada lagi satu album. Campur juga lagu, yang lagu *I* (sambil mengingati) lagu- musim banjir,

‘Lenggang Mak Wae’. Okey. ‘Lenggang Mak Wae itu tahun 80 [tahun 1980], akhir tahun 80-an lebih. *I* dah kahwin dah masa itu. Okey. Sebab itu *I* kata *I* lagu banyak. Sebab berapa album [tokoh merujuk kepada banyak album]. Okey, (sambil mengira dengan jari) tiga album solo dengan EMI. Dua- campur dengan EMI juga, lima. Okey, ha lima. Enam dengan *live*, tujuh dengan- apa *company* dah? (berdecit) Saya lupa dah. *So I* punya solo tiga puluh lagu dah. Sepuluh lagu satu album. Kan? Ha okey lah. *Anything else*, soalnya apa lagi tertinggal?

**NHM: Puan, sekiranya puan berpeluang untuk menghasilkan album baru, adakah puan ingin sumbang idea dari segi konsep tema album, ke?**

RAH: Oh! *yeah* yang itu, kita dah- pengalaman banyak dah. Okey. Dia tidak ada album dah sekarang. Dia *single* [tunggal].

NHM: *Single* (sambil mengangguk).

RAH: -*Single* ataupun *you* buat lagu sebab kit-- diorang tak *create* dah *CD*- kan? Diorang tak *create* dah *CD so* , *you* apa-apa *you* terus jual dalam YouTube ke ataupun siar melalui RTM. *So* tidak ada album dah sekarang. Saya punya itu jualan. Saya dapat royalti daripada jualan album. *So* kalau kita buat album solo tanpa satu *company*, tidak ada apo [apa] kita buat lagu je lah.

SAW: Mm-mm.

RAH: -Tidak ada orang nak bayar pun melalui- melainkan Youtube . Itu sampai ke sudah satu minggu kamu bayar lah. Tapi sekarang dah- tidak ada album dah.

**NHM: -Boleh puan ceritakan mengenai proses rakaman lagu untuk album puan sendiri?**

RAH: Yang mana? Yang saya datang?

**NHM: -Yang- sebelum ni?**

RAH: Proses?

NHM: Mm-mm.

RAH: *I* tak buat proses itu. (menggeleng kepala), *I* dulu masuk nyanyi je.

NHM: Untuk-

RAH: Album?

NHM: -Ya. (sambil mengangguk)

RAH: -Saya tidak buat proses itu. Proses itu *company* yang buat. Lagu nak dicari, penulis lirik, pemuzik-- pahtu tempat nak rakam. Semua tu EMI urus. *I* masuk-laung je.

**NHM: Untuk rekod?**

RAH: Mm-mm, untuk rekod. (mengangguk mengiyakan). Tidak ada proses. *I* tidak buat proses itu.

**NHM: -Dalam banyak-banyak lagu dalam album puan, lagu mana yang puan rasa paling sukar untuk- nyanyikan masa rekod?**

RAH: Oh, *no comment* [tiada komen]. Tak dak apo [tidak ada apa], tak dak- [tiada] semua lagu *I* tahu semua- *cite by heart* [datang dari hati]. Lagu *original* kita *by heart* je.

NHM: Kalau lagu dalam-

RAH: -Bila masuk muzik- sebab itu- bila lagu *original*, diorang mainkan melalui- (menggayakan seolah bermain alat muzik) ini (bunyi meja) dia nak suruh saya ingat lagu itu dengan liriknya. Bila masuk, studio dengan muzik. Faham?

NHM: (mengangguk faham).

RAH: Itu- mula-mula proses, saya kena ingat dulu lagu-. Apa lagu kita nak nyanyi itu-.

NHM: Mm-mm.

RAH: -Kita kena ingat. Melainkan lagu *you* nyanyi, *I* dah tahu takyoh [tak perlu] dah. -Cuma amik *key* je okey. Proses untuk rakaman tidak banyak, cuma masa *I* nak menyanyi itu- (bunyi meja) panjang. Kan nak keluarkan *mood*, -lagu kalau lagu itu *slow rock*-- [istilah yang menerangkan pelbagai lagu rock tempo perlahan] kalau lagu itu sedih sedih lah. Bukan kita menyanyi menangis tetapi - cara kita mendayu-dayukan lagu.

**NHM: Amik masa berapa lama itu?**

RAH: Saya takleh [tidak boleh] nak cakap. Satu lagu itu kalau saya cepat, cepat. Banyak jam lah.

NHM: Mm-mm. (mengangguk kepala mengiyakan).

RAH: -Sekarang diorang [penyanyi lain] nyanyi dua tiga kali, terus rekod. *That's why* kadang-kadang kita dengar lagu itu, tidak menyentuh perasaan langsung waktu- kalau *you* dengar lagu penyampai dari dulu-dulu memang kita dalam studio

lama sedikit kan. Penyanyi sekarang lagu sentimental pun tidak sentimental [menyentuh perasaan] pun. Nyanyi setakat nak-- luahkan dalam lagu.

SAW: Hmm.

RAH: -Kita dengar kita tahu *you* nyanyi ini penuh perasaan ataupun tidak-

SAW: (Mengangguk setuju).

RAH: Terutama adik-adik sekarang lah, sebab diorang masuk studio kena bayar, kan studio kena bayar, saya dulu tak bayar *company* yang bayar.

(Serentak)

NHM & SAW: (Mengangguk setuju)

RAH: Nak duduk sepuluh bule [10 bulan] pun takpe [tidak apa]. Okey yang ini- mungkin pengalaman lah satu- itu pengalaman mengajar kita.

NHM: (Mengangguk setuju)

RAH: *I* tidak boleh nyanyi lagu adik-adik baru sekarang ini, tidak boleh. *I* kena belajar pulak nak nyanyi. -Ataupun ubah *tempo*, lagu-lagu okey boleh bawa tetapi- bila tidak menyentuh perasaan susah sedikit. Okey.

**NHM: Siapakah artis yang pernah bekerjasama dengan puan dalam bidang ini?**

RAH: -Yang itu jangan tanya banyok [banyak]. Tidak boleh nak cakap. Semua artis bekerjasama dan-- semua-- artis EMI baik WA baik- artis-artis- kalau pergi Indonesia, Indonesia yang itu pun saya dah-- semua dah pernah bekerjasama. Pergi Brunei penyanyi dia semua. Saya tidak boleh nak cakap saya nyanyi dengan Saloma



[Biduanita Negara Puan Sri Datin Amar Salmah Ismail seorang penyanyi dan pelakon Singapura dan Malaysia]. Tidak boleh, banyak penyanyi. Saya--.

**NHM: Dikatakan puan pernah menyertai rombongan bersama RTM bersama dengan artis lain. Jadi boleh puan kongsi sedikit pengalaman sepanjang rombongan tersebut?**

RAH: Mana? Kat Indon [Indonesia]?

**NHM: Ke- serantau Asia?**

RAH: Oh, okey- sebenarnya saya- ganti tempat Rafeah Buang [Allahyarhamah Toh Puan Setia Datin Rafeah binti Buang seorang penyanyi kelahiran Singapura], arwah dia tidak boleh pergi. *So*, itu rezeki saya. Saya dijemput sebab- Rafeah Buang- tidak boleh hadir dia ada apa entah. *So*, diorang pilih saya. Kita berlatih dulu di Malaysia, di RTM. Berlatih-- dan terus di sana. Sampai di sana waktu untuk rakaman *live*, kita berlatih lah. Tapi untuk *show*-- itu kita tidak-- berlatihlah terus- yang mana ada itu-- *perform* [persembahkan] je lah. Mm-mm. Selalunya kalau kita nak *perform* tidak ada banyak latihan, kita dah berlatih. Kita tidak banyak latihan- untuk- *show-show* di luar negara.

**NHM: Berapa lama sebenarnya rombongan itu untuk ke setiap- negara?**

RAH: -Ada- empat hari lima hari. Kalau satu macam di Medan, kita pergi seminggu. Diorang bawa pergi jalan. *Show* satu malam je.

(Serentak)

NHM & SAW: Mm-mm.

RAH: -Pastu [selepas itu] di Indonesia di Jakarta- untuk *live* kita duk [tinggal] seminggu rasa sebab- kita-- ada *rehearsal*. Lepas diorang bawa ke Yogya, diorang

bawa ke- Bandung bawa ke-liling [bersiar-siar]. Lepas tu- kita terus ke- Bali. Bali pun satu malam tapi- duduk dalam empat hari. Alhamdulillah lah, boleh *travel*. Tidak-- tidak keluar duit sendiri,

NHM: Mm-mm.

RAH: -Itu zaman dulu, zaman lapan puluhan dulu. Sekarang Bandung dah berbeza, Medan dah berbeza, semua dah berbeza. Hetty Koes Endang pun baru keluarkan tajuk album rasanya. Baru lagi dia.

**NHM: -Seperti yang kita tahu, pada waktu tersebut tiada platform seperti yang sekarang lagi- bagi mempopularkan lagu. Jadi bagaimana puan komersialkan lagu-lagu puan masa itu?**

RAH: Oh, melalui radio, *stage show*-.

NHM: Radio.

RAH: Sekarang Youtube lah dak?

SAW: Mm-mm.

RAH: -Dulu radio, kalau kamu banyak dijemput untuk tv- orang kenal tak. Itu saya cakap saya *overexposed*. Rakaman- radio, rakaman tv- lepastu kita punya *stage show*. Sebab lagu saya dalam radio se-ntiasa disiar.

SAW: Hmm.

RAH: -Saya ada lagu raya, saya ada lagu- lagu joget banyak, lagu-- okey lah, okey-  
-. Tv paling banyak dipanggil lah.

**NHM: Selain dari Anita Sarawak yang banyak mengajar puan dalam bidang- ilmu nyanyian ini, siapa lagi yang banyak beri tunjuk ajar-.**

RAH: Oh, dengan Anita bukan dia yang mengajar saya.

NHM: Ha.

RAH: -Okey, kita bekerja. Waktu bekerja itu kita belajar disiplin. Disiplin diri-okey, disiplin maknanya kita kena perlu berlatih.

(Serentak)

SAW & NHM: (mengangguk kepala mengiyakan).

RAH: -Okey. Hari-hari bekerja pun berlatih juga. Berlatih-berlatih. Malam kerja, sama je. Okey. Yang buat saya- banyak pengalaman, saya kerja kelab. Kelab itu- buat saya lagi mendalami- kefahaman kita tentang muzik. Bukan--. Saya tidak pandai main muzik, tapi tentang- suara, bagaimana- itu yang saya cakap- teknikal- teknikal tersebut yang perlu kita ini--. Jauh sekali lah zaman suara kita muda dulu dengan- suara saya sekarang. -Sekarang saya dah banyak tidak praktis-- tidak-- so kita tahu mutu suara kita itu dimana. Sebab itu kita kena perlu berlatih-- suara (bunyi tepukan tangan) tidak akan keluar begitu je. Awak suara muda macam saya dulu, memang (bunyi petik jari) ini tak payah berlatih. Tetapi sekarang- kalau saya ada *function* [majlis tertentu] ni- bila dah- lepas PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] ini dah banyak--. Dulu-- dah PKP, banyak *show* saya kena *cancel* [batalkan] di Kuala Lumpur, di Sabah ha- (bunyi tepukan tangan) saya kena *cancel* banyak-- *show*, -*stage show* lah *stage show*. So, -ini dah dua tahun tidak menyanyi saya terus- bukan tinggalkan lah. Saya terus tidak berlatih.

SAW: Hmm.

RAH: -Tidak melalak tidak ini, *concentrate* saya- di mesin jahit. Menjahit-- (bunyi meja) sebab- menyanyi sekarang sekadar- untuk lepaskan- apa- untuk lepaskan hawa kita je. Nak *happy*--[gembira]. *Show*-- ini-- kita kira-- buat-- dua tahun ini saya tidak berlatih terus.

SAW: Hmm.

RAH: -Tidak berlatih terus sebab tidak ada *function*. Okey, akan ada *function* ini, tahun depan saya rasa. Diorang dah cakap dah. Tapi- saya dah nak kena mulakan dah. Berlatih balik dan lagu yang saya nak kena menyanyi itu-- nak kena berlatih itu kena sesuai dulu sebab lama kita tidak berlatih. *Key* dah lain, - itu teknikal tu.

NHM: Hmm.

RAH: -*Key* dah lain kalau saya nyanyi- *key* A dulu sekarang dah turun G. Okey, dulu- saya nyanyi *original key* [merujuk kepada nota yang dianggap sebagai tonik dimana seseorang akan berbunyi pada not itu dan harmoni dan melodi yang diharapkan] sekarang dah turun dua *key*. So, kita kena ikut nada suara kita sekarang. So, bila saya berlatih nanti Insya-Allah lah (bunyi geseran tangan) dia akan pergi normal balik.

NHM: Hmm.

RAH: -Tidak berlatih tidak boleh sebagaimana orang mengaji al-Quran. Tidak boleh. --Dia kena- mengaji-- supaya keluar-- Nafas itu penting. Kita bercakap tidak apa lah kan. Menyanyi tidak boleh (bunyi meja). Kalau seni kata itu panjang sikit dah macam mana awak nak-- adakan-- Tapi awak tidak akan faham apa saya cakap pun sebab bila saya bercerita dengan ada satu orang itu, dia- pasal teknikal-teknikal "Oh yuko!"-- [eh yeke!]. Bila tidak faham, kita tidak boleh pergi jauh.

SAW: Mm-mm.

RAH: -Tidak boleh nak *explain* [terangkan] dia sebab dia tidak-- faham. Sumbang *I* pun tidak-- boleh- tidak cakap sumbang- naik-. *I* boleh cakap *you* nyanyi sumbang tapi *you* tidak faham *I* tidak boleh nak cakap *you* nyanyi sumbang. -Dak? *You* tidak faham ke *I* cakap “Eh *you* nyanyi sumbang, ha kat [dekat] mana ha sumbang?”. Macam saya dulu lah, tapi sekarang bila *you* nyanyi je saya tahu *you* cakap *you* nyanyi sumbang.

SAW: Hmm.

RAH: -*Pitching*-- [kualiti yang membolehkan kita mengklasifikasikan bunyi sebagai agak tinggi atau rendah] sekarang orang sebut *pitching*, dia tak sampai suara. Suara *you* tidak sampai-. (bunyi meja) Semua kita tahu. Tapi kalau *you*- bukan dunia seni- *you*]- -- tidak boleh-- (bunyi meja). Saya bukan gi [pergi] universiti, saya tidak boleh. Tidak boleh nak membaco [membaca] lah balik- nak buat cuci segala itu-- tidak boleh. Nak cari kan pengalaman sepuluh tahun sehingga sekarang- maknanya lima puluh-- lima puluh enam tahun- dalam dunia seni saya- sampai sekarang. Daripada umur sepuluh, ha umur sepuluh [10 tahun] masa tu arwah ayah tidak meninggal lagi lah.

SAW: Mm-mm.

RAH: -Masa itu, lepas saya nyanyi itu dia [arwah ayah tokoh] tiada sebab tahun enam puluh enam [tahun 1966] dia tiada . Saya darjah empat. “Sepuluh tahun [10 tahun] darjah empat kan?” ha-.

(Serentak)

SAW & NHM: Mm-mm.

RAH: -Ha. Mungkin lepas itu sebab- kenduri sepupu saya. Anak saudara dia di tepi sungai [merujuk kepada kawasan berdekatan dengan tempat tinggal tokoh] ni. Jadi kumpulan The Sheens tu dulu-

SAW: Mm-mm.

RAH: -*Band* itu lah, tu katanya saya budak lagi dah-- kahwin semua dah. Bila dah-  
- kita dah dewasa sikit itu baru saya masukkan dia balik.

SAW: Mm-mm.

RAH: -Tapi orang *band* ni kita nyanyi- kita- budak kita tak pandai masuk ke apa, diorang pandai ikut ha. Okey. (bunyi tepukan tangan).

**NHM: Selepas berhijrah ke Kelantan dikatakan puan masih mendapat jemputan untuk menyanyi. Jadi, boleh puan ceritakan-.**

RAH: Macam mana?

NHM: -Selepas puan berhijrah ke Kelantan.

RAH: Balik ke Kelantan?

NHM: -Ya puan, ke Kelantan.

RAH: -Oh, -yang itu diorang tahu saya balik Kelantan. Diorang nak, diorang *call* je.

NHM: Oh.

RAH: -Kita duk mana pun tidak apa. Dulu, kita nak *create* kan nama- kita kena duk Kuala Lumpur lah kan. *Company* duk [berada di] Kuala Lumpur, orang jemput Kuala Lumpur.

**NHM: Seperti yang puan katakan tadi, puan masih mendapat jemputan untuk menyanyi. Jadi, bagaimana dengan penerimaan anak-anak puan mengenai perkara tersebut?**

RAH: Oh, tidak ada masalah.

**NHM: Sokong?**

RAH: -Okey- dia bukan sokong bukan apa-- anak-anak saya tidak ada masalah. Mak nak pergi mana pun tidak apa. *Because my husband* [Sebab suami saya] ikut.

NHM: Mm-mm.

RAH: -*Husband I* ikut selalu. *So*, diorang dah besar dah. Takdak kena tinggal lah apa lah takdak. Semua anak saya menyanyi *live show* K-L [persembahan secara langsung di Kuala Lumpur], -RTM- semua saya bawa.

SAW: Hmm.

RAH: -Masa dia kecil lah. Dah besar diorang tidak mahu ikut.

**NHM: Puan, boleh puan kongsi bagaimana puan mengendalikan situasi apabila bersama atau bertemu dengan peminat? Peminat puan.**

RAH: Tidak ada masalah. Ha. Tidak ada masalah.

NHM: Okey.

RAH: -Dulu lain, sekarang lain. Dulu- tidak ada nak mari-- -peluk kita, tidak ada. Cerita sebenar kalau I pegi *show*-- kalau *show* kat Melaka haritu dulu sampai saya termasuk longkang. Ini- diorang mari nak bergambar.

SAW: Mm-mm.

RAH: -Nak bergambar tidak ada masalah, saya tidak ada masalah.

SAW: Hmm.

RAH: -Tidak ada masalah. Kita dijaga oleh sekuriti lah apa lah kan. Kita tidak ada masalah orang nak bergambar nak apa hmm.

**SAW: Ada tak macam beratur panjang-panjang, lepas itu ambil tandatangan?**

RAH: -*No*-- itu sekarang.

SAW: Mm-mm.

RAH: -Dulu, dok. Dulu tidak ada pun bawa album suruh *sign*, bawa surat suruh *sign* takdo. Mm-mm. Dulu yang mana ada kamera amiklah gambar.

SAW: Mm-mm.

RAH: -Sekarang ini ada amik hat [yang] ini ha (tunjuk telefon), dulu mana ada diorang kena amik- kamera betul itu.

(Serentak)

SAW & NHM: Mm-mm. (mengangguk setuju)



RAH: *-So far* tidak ada masalah. Itu sebagaimana saya cakap. Nak kata sejarah hitam- saya- ditumbuk ke apa ke-- *so far* alhamdulillah, Tuhan bagi saya perjalanan yang baik.

SAW: Hmm.

RAH: -Cuma kita kena-- (bunyi betulkan suara] -itu dalam-- *write-up paper* [terbitan akhbar atau majalah] dalam apa semua tidak ada mm-mm menyatakan saya begini-- tidak ada. Bergaduh dengan orang ke, "Oh, Rosemaria ado bergaduh dengan orang ini" tidak ada. -Saya sedar diri kita daripada kota Kelate.

SAW: Hmm.

RAH: -So- mak [arwah ibu tokoh] pesan pandai-pandai jaga diri. -So disitu lah kit-  
- saya betul-betul-- seni- saya ikut seni betul sehingga saya kahwin, ada anak- saya menjahit. Semua itu, suami ada dekat. Saya kerja kelab, saya dah kahwin. Bukan saya- masih anak dara saya ker-ja kelab (bunyi meja). Saya dah kahwin baru saya kerja kelab.

(Serentak)

SAW & NHM: Mm-mm.

RAH: -Ha okey. Bukan-- maknanya kita dilindungi lah daripada apa-apa. Tujuh hari seminggu ye-.

SAW: Hmm.

RAH: -Bekerja.

**SAW: Seminggu?**

RAH: Kerja malam je.

SAW: Oh, malam je.

RAH: Hmm.

**NHM: Mm-mm dikatakan puan pernah menjadi juri di sebuah program di Kota Bharu bersama Datin Alyah [Datin Noor Hasliah binti Abu Hasan]. Jadi boleh puan kongsikan?**

RAH: Oh! Saya- selalu dijemput untuk menjadi juri. -di Kelantan lah, di Terengganu [Malaysia]. Okey- macam saya cakap tadi di Terengganu pun ada. Jadi- tidak ada masalah saya menjadi juri- dengan Alyah- baik (bunyi notifikasi telefon). Kita menjadi juri biasa je lah. Bagi- nak apa- (berdecit) bagi apa ini- (sambil mengingat kembali).

**NHM: Komen?**

RAH: No-- . Kita tidak mam-- kita tidak bagi komen masa dengan Datin Alyah, dak [bukan]. Kita bagi- keputusan je.

NHM: Oh, keputusan okey.

**SAW: Puan, bagaimana dengan juri-juri dekat Terengganu, bagi keputusan juga ke?**

RAH: Ha bagi itu juga. Tidak ada bagi komen sebab- komen-komen ini untuk satu pertandingan lain. Kalau 'Talentime' begini kita tak yoh komen. Kita bagi keputusan je. Melainkan dia [merujuk kepada 'Talentime'] *weekly*, [mingguan] okey kita dah komen. Cuma saya komen saya yang saya tulis- setiap- saya jadi juri saya tulis. *So*, kalau orang pertikai memang kita menjadi juri ini orang akan pertikai. *So* amik lah yang saya tulis.

**NHM: Jadi puan, sepanjang puan berada dalam karier seni ini, apa lagi impian puan yang masih belum dapat dicapai?**

RAH: Oh, saya dah capai dah. Dah capai banyak cuma dah tua-- ni kita nak pi jauh, fikir nak pergi jalan jauh, nak pergi tempat yang saya tidak pernah- pergi. Okey. Takut pula aku bercakap dengan kau. Okey-, macam tempat saya pergi ke luar negara. Sekarang kan PKP, -

SAW: Mm-mm. (setuju)

RAH: -Ada duit, kita yang tidak boleh keluar. Tidak boleh pergi. Betul kan?

SAW: Mm-mm. (setuju)

RAH: -Saya nak berjalan je bawa keluarga, bawa anak-anak pergi--. Dulu anak kecil, diorang tak ingat dah / bawa mana-mana. Tidak ingat dah. Tidak tahu lah nak pergi *Europe* [Eropah]. Saya dah cakap kat *husband* nak pergi *Europe* selepas ini. Asia dah pergi dah dulu, biarlah cerita dulu sekarang lain. Kita nak pergi tempat yang saya tidak pernah (bunyi meja) pijak ye lah *Europe*.

SAW: Mm-mm.

RAH: -Kan? Mm-mm.

**NHM: Jadi puan apakah cabaran yang terbesar yang puan pernah hadapi sepanjang puan berada dalam industri muzik ini?**

RAH: Cabaran besar?

NHM: Mm-mm.

RAH: -Semua besar bagi saya, saya dapat lalui. Okey. Tidak ada- nak cakup cabaran besar tidak ada. Semua cabaran besar-- saya saya dapat lalui.

NHM: Hmm.

RAH: -Ha jadi penyanyi *top* saya lepas, menang Bintang RTM saya lepas. Cabaran apa? Anak? Anak ada.

SAW: Hmm

RAH: -Dak. Tidak ada dah tidak ada. *I--* cakup tidak ada--. *Anything else* yang ni-- benda yang--. Kalau bab menyanyi- ba-- rasa banyak dah *I* beritahu kan? Takut soalan yang sama- apa lagi.

**NHM: Jadi, ada tak kata-kata semangat yang mendorong puan untuk terus bangkit dan tidak mudah berputus asa dalam kejar impian dalam bidang nyanyian?**

RAH: Doa. Ha-

NHM: (angguk setuju).

RAH: Doa. Satu minta doa. Mm-mm (bunyi betulkan suara) budak-budak dulu memang lah kita tidak tahu apa lah tapi-- bila nak tahu keputusan, nak tidak dijemput, nak-- dipanggil, nak-- dihantar surat oleh RTM, (bunyi meja) "Minta lah boleh--" orang tanya dak? kalau *you* tanya "Dapat dak surat? RTM hantar tidak?". Doa-- (bunyi meja). Sampai la ni [sekarang] (bunyi meja) saya tetap doa (bunyi meja). -Saya- saya percaya terus- pada Dia- [Allah]. Kena doa. Tak dak doa, tak dak baju ni.

NHM: Hmm.

RAH: -Tidak ada doa, tidak ada--. Ini mesin jahit ini saya sentiasa doa- supaya saya sihat, saya rajin, saya ada *mood*.

NHM: (angguk setuju).

RAH: Ya, tidak ada benda lain. Suami saya kata “Mm-mm (bunyi tepuk) pergi menjahit itu”. Tidak ada--. Tidak ada anak ke- kawan ke apa- kawan bagi motivasi ada. “Oh *you* jahit lah macam ini. *You* buat lah baju macam ini pula”. *So far* baju yang banyak *pattern* [corak] ini daripada pelanggan-pelanggan.

NHM: Oh.

RAH: -*So* okey (bunyi tepuk tangan) dia kata “tangan besar sikit” . Okey, saya potong lah-- hat tempah itu tempah lah kan?

SAW: (angguk setuju).

RAH: *So* saya- saya sentiasa doa. Doa je- supaya dirahmat kita boleh menjahit, Dia bagi saya sihat umur enam puluh lima [tahun] ini. Kalau *you* tengok saya menari, saya joget, saya cha cha saya apa- *you* “Yeke orang tua ni?” Okey. Saya bukan nak cakap ini-- mm-mm maknanya- kesihatan Dia bagi pada saya.

NHM: Hmm.

RAH: -Maknanya kalau *you* tengok *I* carca, *I* berjoget ke *I* menari apa-- *you* akan kata “Eh orang tua ini tidak sedar diri ke?”. *That's means I* [itu bermaksud saya] sampai- kepada- peringkat (bunyi notifikasi telefon) yang kita rasa (bunyi tepuk tangan) (bunyi notifikasi telefon) “Aku masih boleh buat”. (bunyi notifikasi telefon) Doa. *You* pun doa (bunyi tepuk tangan) (bunyi notifikasi telefon) kena doa. Hari-hari kita kena doa walaupun kita duduk- dimana sekali pun doa, kita doakan

anak kita, mesti kita kata “Ya Allah, mesti- apa ini- jangan ada apa-apa tengah jalan” ke apa dak-?

NHM: Mm-mm betul (angguk setuju).

RAH: -Doa. Nombor satu saya doa. Doa minta pada Dia sokmo [selalu]-- (bunyi notifikasi telefon)

SAW: Mm-mm.

RAH: -Boleh *stop* [berhenti] dulu dok adik (bunyi notifikasi telefon). Itu lah dik, abe [suami puan] itu dok [tidak berapa] sihat (bunyi notifikasi telefon). *You pause* [berhenti] kan sekejap– (bunyi notifikasi telefon).

**NHM: Okey puan, adakah puan pernah terdetik untuk luaskan lagi- nyanyian puan di peringkat lain?**

RAH: Itu- tengok umur la ni dik [adik]. Dia dah tidak boleh nak *jump to that position* [terus ke kedudukan itu] dah. Tidak boleh dah. Mm-mm takdak dah.

NHM: Tidak ada dah.

RAH: -Semua bila diorang kata “Masuk la Kak Ros, Gegar Vaganza”. (bunyi batuk) Tetapi ada- peminat-peminat tidak bagi saya masuk. Dia kata nama *you* dah diva dah.

SAW: Hmm.

RAH: -Tidak payah masuk. Biar adik-adik yang baru ada album besar dua itu masuk je lah. Dia tidak bagi *I* masuk.

**NHM: Jadi apa pengalaman yang puan rasakan puan tidak akan lupakan sampai bila-bila sepanjang menjadi penyanyi ini?**

RAH: Takdak lah . Bekerja di luar negara.

NHM: Hmm.

RAH: -Mm-mm. Di Malaysia takdak pun. Menyanyi depan orang dapat bayaran balik.

NHM: (senyum)

RAH: Mm-mm (puan senyum). Dak. Okey.

**NHM: Jadi apakah pencapaian terbesar puan dalam karier nyanyian ini?**

RAH: Pencapaian terbesar ini menjadi penyanyi itu je lah. Ha-.

NHM: Okey puan.

Bahagian III

**SAW: Okey. Apakah pendapat puan mengenai isu semasa dalam industri muzik di negara kita?**

RAH: Macam mana?

**SAW: Pendapat puan mengenai isu semasa dalam industri muzik.**

RAH: Ha itu soalan yang *best* [menarik] (bunyi suara batuk). Bagi saya lah- kita Malaysia ini masih kebelakang dari segi muzik. Okey. Bila kita lihat- pemuzik- pemuzik luar yang mainkan lagu-lagu lama-- Okey- saya tak payah cakap negara mana. Kalau dia buat lagu kita, meletup lagu kita. Pemuzik kita tak buat sebegitu hebat muzik. Okey. Masih- (bunyi suara berdehem) saya pertikai lah *musician* kita ini. Baik- apa ini lagu-lagu-- tak- (berdecit) sampai *level* [tahap] lah bagi saya (bunyi tepukan meja). Betul lah saya kata. Kalau *musician* yang bawa (bunyi hon kenderaan) lagu-lagu kita, lagu-lagu lama baik di 'American Idol' [sebuah rancangan pencarian bakat di Amerika Syarikat]. Lagu-lagu lama, *musician* dia buat- (bunyi suara berdehem) muzik baru, oh sedap nyanyi. Sedap dengarlah (bunyi deringan telefon).

**SAW: Apakah perspektif puan tentang seni suara dan muzik pada masa kini berbanding seni suara dan muzik pada tahun 1980-an? Perbezaan.**

RAH: Okey- memang jauh beza dari segi muzik. Memang jauh (sambil menggelengkan kepala) beza. Kita dulu-muzik lain, sekarang muziknya lain. Sekarang kita-- dulu ada rekod. Sekarang tak ada rekod. Jadi- banyak tak sama lah. Okey.

**SAW: Pada pandangan puan, apakah industri muzik tanah air banyak dipengaruhi oleh negara luar?**

RAH: *No*- bukan *no no* terus. Kita cuma *copy* tapi kita tak pandai nak buat sendiri. Kita cuma pandai *copy*. Hmm.

**NHM: Jadi pendapat puan apakah langkah yang dapat dilakukan- oleh pihak berwajib untuk melahirkan seorang penyanyi yang berkualiti dalam industri seni hiburan di Malaysia?**



RAH: Macam mana?

**NHM: Langkah yang dapat- pihak wajib lakukan untuk melahirkan seorang penyanyi yang berkualiti?**

RAH: Pihak berwajib?

**NHM: Contoh kalau industri muzik?**

RAH: No- nak *create* satu- penyanyi yang berkualiti (bunyi notifikasi telefon) bukan mudah. Sebab penyanyi berkualiti ini berpandukan kepada diri. Penyanyi itu sendiri juga.

NHM: Mm-mm.

RAH: -Kita bukan ada *a good manager* [seorang pengurus yang bagus] yang boleh *groomed you* [mendidik awak] menjadi seorang penyanyi yang mm-mm bagus. Kita tidak ada-- *Manager* [pengurus] yang ada di Malaysia ini cuma kalau ada *s-show, contact* [kenalan] tetapi dia tidak boleh *groomed-* (bunyi betulkan suara) *you* sebagaimana- *you* nak diri *you* jadi sebagaimana penyanyi-penyanyi lain. Tidak boleh. *You* kena jadi diri *you* sebab manager kita bukan sebagaimana manager luar negara yang- betul-betul- bentuk *you* menjadi-- penyanyi yang dia nak.

**NHM: Mm-mm okey. Jadi apa pandangan puan tentang platform media yang boleh penyanyi ketengahkan bakat-bakat mereka?**

RAH: Susah soalan. Susah-- Platform media- itu lah- buat-- lagu sendiri. -Sebab kita ini di Malaysia tidak banyak- meng-*exposed*kan- penyanyi-penyanyi baru ini. Tidak banyak. Ha tidak banyak melainkan televisyen yang ambil.

**SAW: Apakah pandangan puan mengenai program-program yang dibuat khas untuk mencipta seorang penyanyi?**

RAH: Ha?

**SAW: Pandangan puan tentang program-program dibuat khas untuk mencipta seorang penyanyi.**

RAH: Oh program-program macam tv. Atau *you* kena ada satu (mengambil nafas) *company* yang besar yang *create* (bunyi pergerakan berhampiran rakaman) platform itu.

SAW: Mm-mm (mengangguk mengiyakan)

RAH: -Okey bertanding, pertandingan ataupun apa-apa lah. Kalau nak bentuk *you* itu, cerita lain. Kan ambil *you, you--* basuh-basuh sikit *you* untuk bentuk *you* jadi penyanyi yang dia nak. Tapi kita tak ada macam itu (bunyi kenderaan). Macam Korea punya, tak ada. Kita tak ada macam itu. Okey.

**SAW: Bagaimana pula dengan pendapat puan mengenai program-program realiti yang mencungkil bakat contoh macam Idola Kecil, Akademi Fantasia, Bintang Kecil?**

RAH: Macam mana?

**SAW: Pendapat puan mengenai program realiti yang mencungkil bakat. Contoh kan Idola Kecil kan dia ambil penyanyi dari kecil.**

RAH: Ha macam saya cakap tadi lah. Dia kena *create* satu-- *you*- tak boleh ini. Mesti melalui bertanding punya atau tv. Macam diorang buat 'Bintang RTM' dulu. Itu *you create a singer* [mencipta penyanyi]. Ha (sambil mengangguk) okey. Dia tak ada platform lain dah. Kalau *you*-- macam *I* nak *you* jadi penyanyi, tak ada platform lain melainkan *you* kena masuk tv, kena-- okey.

**NHM: Dikatakan puan gemar menonton rancangan televisyen atau program televisyen antarabangsa yang mengetengahkan bakat-bakat suara. Jadi boleh kongsikan pendapat puan mengenai program tersebut?**

RAH: Macam mana ya?

**NHM: Macam 'American Got Talent' yang-.**

RAH: Okey oh kita jauh-- nak dibandingkan dengan- episod-episod yang- dia siar. Jauh-- mutu kita-- jauh-- dari segi muzik, dari segi penyanyi- jauh tidak boleh nak lawan lagi diorang. Tidak boleh. Adik-adik ini kena banyak belajar lagi.

SAW: Hmm.

RAH: -Mm-mm sebab kalau nak betul-betul ambil sebagai macam 'American Idol' lah semua itu- memang *every year* [setiap tahun] kena *create*. Nak dapatkan seorang dua tiga orang kadang-kadang *you* menang tetapi *you*- yang popular pun ada.

(Serentak)

SAW & NHM: Hmm.

RAH: -Hmm.

**NHM: Bercakap mengenai program realiti, apa pendapat puan tentang para juri sekarang?**

RAH: Oh, itu saya tidak boleh *comment* sebab lain-- *department* [bahagian] lain—macam ‘RTM’ lain dia punya pemilihan juri dia. Bagi saya juri ini dia- dia kena betul-betul- orang yang mahir dari- m-muzik. Kalau juri untuk penyanyi dia kena panggil penyanyi tetapi setengah itu juri-juri dia pakai ambil je.

NHM: Hmm.

RAH: -*Mus-ician* boleh komen- penyanyi, mana boleh. Dia tidak pandai menyanyi pun.

NHM: (angguk setuju).

RAH: Ha pun ada. Begitu lah biasa je.

**NHM: Jadi adakah komen-komen para juri yang diberikan itu membina atau memberi impak kepada peserta?**

RAH: *So far*, saya tengok- juri-juri ini– juri-juri kita lah- takut nak komen. Asal nyanyi sedap. Semua nyanyi sedap. -Tapi kalau dapatkan kepada juri yang- terlalu menjuri menyentuh perasaan pun tidak boleh sebab kita n-ak kan dia- minggu depan okey- ataupun- lain kali ambil kesesuaian lagu ke apa-. Tetapi- rata-rata kalau- mm-mm penjurian baik dari televisyen baik-- semuanya, “*You* nyanyi sedap lah. *You* nyanyi--.” Itu bukan *good comment!* [komen yang bagus!]

SAW: Mm-mm.

RAH: -Hmm. Kita tahu-- dah *recording* artis kita nyanyi sedap kan?

NHM: (angguk setuju)

RAH: Kenapa masa kita bertanding- contoh ‘Gegar Vaganza’ [rancangan televisyen realiti muzik Malaysia terbitan Astro] itu (sambil menggeleng) kadang-kadang saya tidak suka diorang jawab- dah warning ini-. Lain juri ada-- bagusnya.

NHM: (angguk setuju)

RAH: Dia cakap tetapi ada juri-juri yang- jemputan ke apa diorang tidak pandai nak-- mm-mm menjuri.

SAW: Mm-mm.

RAH: -Ha okey. Nak komen la nak komen.

SAW: (sambil tertawa)

**NHM: Pada pendapat puan apakah kriteria yang perlu ada pada seorang penyanyi supaya dapat dijadikan contoh oleh penyanyi-penyanyi lain terutama kepada penyanyi-penyanyi baru yang sekarang ini?**

RAH: Itu yang saya cakap tadi disiplin, ada tanggungjawab, cuba nak baiki diri kalau kita nak jadi penyanyi, terima teguran orang. Orang tegur kita kena terima. Kita tidak sempurna pun. Kita jadi penyanyi-- *even* [malah] sekarang kalau orang komen “Oh, Kak Ros awak menyanyi ini tidak sampai lah.” Okey, kita terima betul. Sebab kita tidak praktis kan?

**NHM: Mm-mm. Pada pandangan puan, adakah mereka hanya perlu bergantung pada bakat suara semata-mata atau mereka yang mempunyai bakat suara serta**

**penguasaan teknik nyanyian yang betul? Untuk apa orang kata untuk menjadikan penyanyi itu berkaliber.**

RAH: Itu atas diri sendiri, cara dia bawa diri dia. Nak jadi penyanyi bukan senang okey. Nak *you* cepat naik cepat *you*--orang lupa. Okey nak maintain [kekalkan] sebagaimana saya maintain diri saya- bukan senang. Hmm.

(Serentak)

NHM & SAW: (angguk setuju)

RAH: Itu- perjalanan hidup masing-masing.

NHM: (angguk setuju).

**SAW: Adakah kontroversi membantu seseorang artis dalam menaikkan nama?**

RAH: Dok. Itu pekerjaan bodoh tapi- memang sesetengah orang-- sesetengah artis ini dia sanggup (bunyi pergerakan berhampiran rakaman) sebab dia takut dilupakan, dia *create* satu gosip. Okey. Saya tak mahu macam itu. Okey. *It's a stupid thing to do* [ianya satu perkara yang bodoh untuk dilakukan] kalau *I*. Sesetengah orang dia buat gosip dia begitu begini, keluar *paper* [surat khabar]. Dulu keluar *paper* lah. Sekarang dah tak keluar *paper*- keluar apa? Tik Tok lah, apa lah.

SAW: Mm-mm (mengangguk mengiyakan).

RAH: -*So* itu adalah kreativiti masing-masing. Jadi, dulu dalam *paper*. Kalau artis dulu dalam *paper*. Dia cakap lah dia mengorat orang ini ke, begitu-begitu. Sebab takut orang lupa (bunyi hujan). Jadi kena *create* satu benda. Ha.

NHM: Untuk tutup.

RAH: -Dok [bukan], untuk orang-- kalau orang tengok majalah (sambil membuat gaya membelek majalah) pun, orang buka “oh *you* ke?” ha kan? Jadi orang sebut lagi nama dia. Okey.

**NHM: Jadi boleh puan kongsikan-**

RAH: *Last, -? Last.* [terakhir ya].

**NHM: Ha, pendapat puan tentang bagaimana gaya persembahan seseorang untuk menyanyikan lagu di atas pentas?**

RAH: Itu masing-masing punya- karakter.

NHM: (angguk)

RAH: Masing-masing punya karakter ada-- penyanyi tetapi dia tidak pandai joget. Tidak pandai nak-- (gayakan badan) dia boleh menyanyi tetapi dia tidak boleh nak-. Itu yang saya hairan itu. *Body language* [gerakan badan] tidak ada lang-sung. So-terpulang.

NHM: Hmm.

RAH: -Orang itu minat orang itu-- okay lah dia.

NHM: Mm-mm.

RAH: -Tidak semestinya kita *perform* itu kita kena menari je dak? Tengok keadaan lah. Kalau dia okay, okay lah *on stage* orang suka. Okey dah.

**NHM: Puan, boleh puan nyanyikan sedikit lagu puan? (bunyi helaian kertas)**

RAH: Oh *no*-- okey- (bunyi helaian kertas) (bunyi betulkan suara) Allahu Rabbi nak menyanyi. Hmm, lagu apa ya- lirik pun tidak ingat-. Okey, *I* nyanyi lagu--*I* ya. Nanti saya-- lagu. “Bila ku menyanyikan lagu-lagu masa dulu, terkenang terbayang peristiwa yang lalu, bila kenang kembali kisah-kisah masa lalu, semuanya terbayang nyata dalam ingatan.” [tokoh menyanyikan sedikit lagu yang berjudul ‘Kisah-Kisah Masa Lalu’] Okey suara itu tidak-- sihat mana. Sebab dah dua tahun tidak nyanyi jadi kalau orang pandai dengar suara saya memang sedikit (bunyi betulkan suara) goncang lah [merujuk pada suara tokoh yang tidak seperti dulu-dulu beliau menyanyi] tetapi tidak apa lah ini untuk *you* punya tesis eh?

NHM: Oh, projek.

RAH: Oh projek. Okey--. Itu saya minta maaf suara saya tidak-- *original* itu. Suara saya memang-- (bunyi betulkan suara) saya tidak praktis langsung selama dua tahun dan- mm-mm selalunya *stage show* saya memang nyanyi lagu ini dan- Insya-Allah lain kali kita jumpa pula. Saya akan bagi satu- lagu kot [rasanya].

(Serentak)

SAW & NHM: Mm-mm (senyum).

RAH: Insya-Allah (senyum).



**NHM: Okey jadi dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang nyanyian bersama Puan Rosemaria Binti Abdul Hamid. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh puan dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang nyanyian para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

RAH: Insyallah--.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang nyanyian. Bersama-sama kami ialah Puan Rosemaria Abdul Hamid yang merupakan seorang penyanyi veteran era 70 dan 80-an. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 7 Disember 2021 bersamaan hari Selasa pada pukul 2.18 petang melalui aplikasi Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Syahirah binti Awang dan Nurlissa Hanim Binti Mohamad. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.**

**SAW: Okey puan. Saya nak tanya. Apa pandangan puan mengenai lagu-lagu zaman sekarang?**

RAH: Oh- (berdecit) Tak semuanya menyentuh jiwa. Mungkin- masa *recording*, *mood* diorang tak keluar kan? Atau iya lah, suka-suka buat lagu aje kot. Namun begitu- ada lagu yang- baik dan- ada lagu macam sambil lewa je dia buat *recording*. Itu je (sambil mengangguk).

**SAW: Boleh puan berikan pandangan puan terhadap penerimaan masyarakat luar negara terhadap artis Malaysia?**

RAH: Oh yang itu saya *no* komen. Saya tak boleh nak-- komen- apa yang diorang tahu sebab saya tak tahu apa yang diorang komen. Dan- bagi pihak saya, saya harap muzik di Malaysia- ada *improvement* [penambahbaikan] nya- sebagaimana diorang- macam di Amerika yang mana lagu-lagu lama di *improvise* [diubah] kan- melalui *good* [bagus] muzik-- moden muziklah. Okey. (sambil mengangguk).

**NHM: Jadi puan seperti yang kita tahu, menyanyi ini memerlukan seseorang itu tahu tentang teknik-teknik asas dalam bidang nyanyian macam tempo, pitching, vokal dan**

**sebagainya. Jadi apa pendapat puan dengan mereka yang hanya sekadar menunjukkan kehebatan dari segi suara sahaja?**

RAH: Oh, -ramai penyanyi boleh menyanyi. okey, itu komen saya. -Tetapi tidak semuanya mm-mm membuat *career* [kerjaya] itu- nombor satu ataupun nombor dua dalam- diri. Sebab- sebagaimana yang tak- saya tahu ada penyanyi sambil lewa je. Bila satu album dah senyap- tidak kemana. Jadi, mm-mm- sebenarnya kalau kita nak jadi penyanyi yang mm-mm- apa yang baik, yang ada kaliber *that you are a good singer* [yang menunjukkan awak penyanyi yang bagus] maknanya kita tempuh semua itu. Teknikal, mm-mm bagaimana n-ak- mendalami tentang nyanyian. Bukan sekadar keluar dan tahu nyanyi je. Tidak semua orang- (berdecit) boleh- menyanyi dengan begitu baik melainkan *you are a born singer* [awak dilahirkan sebagai seorang penyanyi]. *A born singer you-* bagi sikit je.

**NHM: Pada pandangan- puan adakah penggabungan artis veteran dan artis sekarang dalam sesebuah lagu akan mewarnai dunia seni tanah air? Komen.**

RAH: Macam mana soalan dia? *Repeat-* [ulang].

**NHM: Mm-mm. Pada pandangan puan adakah penggabungan antara artis veteran dengan artis sekarang dalam sesebuah lagu akan mewarnai seni- dunia seni tanah air?**

RAH: Oh- itu- saya sokong-. -Penyanyi lama dan baru- itu- tidak mendatangkan apa-apa masalah. -Itu kombinasi bila kita- duet ke apa. Itu nak menunjukkan- orang lama dan orang baru boleh tak selari-

NHM: Selari-

RAH: Dengan zaman sekarang. Okey.

NHM: (angguk setuju).

Bahagian III

**SAW: Okey, puan. apa penyanyi pada pandangan puan? Apakah itu penyanyi?**

RAH: Oh ye ke? Apa itu penyanyi?

**SAW: Dari sudut pandangan puan, apa itu penyanyi?**

RAH: Oh penyanyi, dia boleh menyanyi aje lah. Okey- menyanyi suka-suka, menyanyi- secara pro-fesional-, menyanyi- karaoke-. Bagi saya diorang semua penyanyi yang boleh menyanyi. Bukan yang menyanyi tapi suara sumbang- tak masuk tempo, ada ada. Kita ada- apa ini-, (berdecit) adik-adik yang suka menyanyi tapi payah nak-- dibentuk untuk jadi penyanyi. Okey (sambil mengangguk).

**SAW: Apakah itu seni suara pada pandangan puan?**

RAH: Aiyo. Seni suara? Oh- macam mana eh nak- jawab seni suara? Seni suara. Okey. Itu sama juga dengan soalan tadi. Bagaimana nak jadi penyanyi. Seni suara ini lebih kurang sama juga dengan- menyanyi sebab- satu-- dua-- (membuat nombor dua dengan jari) perkataan tapi dalam satu ini [merujuk kepada dalam satu makna]. Maknanya ia penyanyi. “Oh seni suara”, “oh penyanyi”. (bunyi tepukan tangan). Sama je. Sebab seni dan suara itu sama macam penyanyi. Okey.

**SAW: Apakah yang perlu dilakukan untuk menjadi seorang penyanyi yang berkaliber?**

RAH: Oh-soalan yang-- (berdecit). Okey. *You work-- you- need to work hard* [kamu perlu bekerja keras]. Bagaimana nak jadi penyanyi, bukan senang nak *create* nama

untuk kekal dalam industri. Ada orang satu tahun, ada orang dua tahun. Tapi nak *maintain* kan menjadi seorang penyanyi yang- veteran orang panggil, lama-lama [merujuk kepada penyanyi lama] dan masih boleh menyanyi bukan senang. Dan- saya kira kalau *you* ada nama, *you* menang juara apa-apa tapi *you* tak boleh (mengambil nafas) nak *maintain* kerjaya sebagai penyanyi, *out* juga. (sambil menggeleng kepala). Tak boleh buat. *You* tak boleh jadi penyanyi yang profesional. (menarik nafas) Macam saya, saya kira macam- dulu-dulu saya profesional lah sebab saya bekerja- saya belajar lagi menyanyi, bagaimana dan- bagaimana saya *create* diri saya nak ke luar negara. Menjadi penyanyi, bekerja dan- tak ramai penyanyi yang boleh buat begitu. Tak boleh-- Tak ramai-tak ramai. Dan nama untuk dikenal dalam bidang seni mengikut zaman pun bukan senang. Bukan senang. Untuk orang ingat kita ini siapa. Bukan senang (berdecit dan mengangguk).

**SAW: Okey puan. Sememangnya kita tahu puan memang dah banyak kali dah buat persembahan atas pentas, buat showcase. Jadi boleh puan kongsi tips atau cara untuk menjadikan persembahan itu tidak kaku sewaktu atas pentas?**

RAH: Oh- *live show* dengan- *live show* atas-- di *stage* [pentas], ataupun di- mana- mana *open* [terbuka] (bunyi tepukan tangan) dan *recording* tak sama (sambil menggeleng). Tak sama. Cara, gaya, cara kita ikut muzik terpulang kepada penyanyi sebenarnya. Ada penyanyi itu boleh menyanyi tapi dia kaku. Ada- sesetengah penyanyi- lagu apa pun keluar dia terus ikut (bunyi petikan jari) melodi. Itu yang penting. Penyanyi yang- lagu rancak ke lagu joget ke apa, tapi dia tak boleh bawa diri *on stage*. Saya tak tahu lah macam mana dunia saya-- di dalam diri dia, seni dia macam mana. Seseengah orang kaku- bila menyanyi lagu-lagu rancak (mengambil nafas). Namun begitu, ada yang boleh suai-suaikan. Dan ada kalau penyanyi yang berjoget lagu joget, dia akan ikut-- melodi tersebut. Tidak semua penyanyi boleh menjadi penyanyi yang betul-betul- (mengambil nafas) *good on stage* [bagus atas pentas]. Tak semua. Diorang hanya cantik mengeluarkan suara je. Kan? (sambil mengangguk) Saya boleh tengok- artis-artis sekarang yang mana

boleh menyanyi, menya-nyi je *on stage*. Dia kaku tapi ada sesetengah penyanyi dia boleh menjiwai keseluruhan. Tak sama (sambil menggeleng kepala). Tapi semua orang boleh menyanyi. Cuma pandangan kita macam mana (menganggukkan kepala). Ha.

**SAW: Jadi apakah pandangan puan terhadap disiplin artis zaman sekarang?**

RAH: Macam mana?

**SAW: Pandangan puan terhadap disiplin artis zaman sekarang?**

RAH: Oh- yang itu saya tak boleh nak komen juga sebabnya- masing-masing peribadi. Ada sesetengah- penyanyi yang dia tak-- ikut *schedule* [jadual], dia datang lambat, dia- (mengambil nafas) menyanyi tak buat *homework* [ulangkaji], kalau pergi *show*- macam (berdecit) kalau macam saya, kalau ada satu-satu persembahan, saya akan buat latihan (bunyi tepukan tangan) juga walaupun lagu itu lagu dah biasa kita nyanyi. Sebab saya tak nak per-gi *on stage* terutama- tanpa *rehearsal*. Ada *stage show* yang tanpa *rehearsal* kita pergi terus naik *on stage* pun ada (sambil mengangguk). Ya.

**SAW: Seperti yang puan katakan tadi, puan sering buat latihan. Jadi, memang penyanyi itu seharusnya memang buat latihan? Memang benda itu--**

RAH: Kalau diikutkan saya, mesti. Mesti ada *rehearsal*. Tidak ada (sambil membuat gaya tangan) penyanyi yang- tak buat lati-han. Dia-- (berdecit) maknanya kita tidak *prepare* [membuat persediaan]. Kita tidak *prepare* bagaimana kita nak buat persembahan? Kan? Kita bukan- (sambil menggeleng kepala) melainkan- *you* sebagai tetamu tapi dijemput untuk menyanyi. Haa itu spontan. Itu lain tapi kalau *you* di bayar, dah di- apa? (sambil berfikir) Dah di-- kira dah dijemput dan dibayar,

*you* kena buat sesuatu. Kita tak nak. *On stage* orang tengok kita sebab mata semua ter-paku kepada kita (sambil menunjuk ke arah diri sendiri). Faham? Jadi apa yang kita pakai, apa yang kita buat *on stage*, apa yang kita cakap, (berdecit) itu penting. Itu penting sebab keseluruhannya *you* nak tonton kan? Walaupun kadang-kadang *you* dibayar tiket, “beli tiket untuk tengok Rosemaria” konon (mengambil nafas). Tapi begitulah (mengangguk). *You have to do something* [kamu perlu melakukan sesuatu] yang- membuat orang tengok (sambil menepuk tangan sekali hingga berbunyi), “Okey. *Quite good on stage* [agak bagus di atas pentas], okey.” Ha (sambil mengangguk). Kadang-kadang orang tak *prepare* dengan pakaian dia, dengan apanya. Memang ada (sambil mengangguk) tapi- (berdecit) bagi saya disiplin penting. Disiplin. Yup [Ya].

**SAW: Pada pandangan puan, siapakah jurulatih yang boleh kita belajar di Malaysia dalam bidang nyanyian?**

RAH: Oh saya tak boleh cakap. Individu tapi- kalau- ada masa, ada kewangan kita bayar kepada- ada-- guru-guru yang- di-- diorang ajar tapi memanglah memerlukan kos. *So-* itu lebih penting daripada kita belajar sendiri. Macam saya pandai-- dilahirkan sebagai penyanyi tapi kita belajar sendiri ini macam tak cukup. *So you have to- take something for your future* [jadi kamu perlu ambil sesuatu untuk masa depan kamu] punya (bunyi tepukan tangan) apa ini- atau- *future* untuk *you* jadi penyanyi. Tapi sekarang bukan senang nak jadi penyanyi. *You have to fight for it* [kamu harus berjuang untuk mendapatkannya] (sambil mengangguk). Kita bukan senang nak jadi penyanyi. *You* keluar tv ke, apa tv3 buat ini? (berdecit sambil mengingati) muzik apa ini? Untuk adik-adik ini? Tak semuanya bila *you* menang, orang akan ingat *you*. *Because you don't work for it* [kerana kamu tidak berusaha untuknya] (sambil menggeleng). *You* menang, menang aje. Orang panggil *show*, orang panggil *show*. Lepas itu, esok lusa orang tak ingat dah *you*. Cuma orang tahu *you* menang je (sambil mengangguk dan terdapat bunyi pintu).

**SAW: Okey di Malaysia puan rasa siapa yang boleh menjadi guru vokal?**

RAH: Oh yang itu tak boleh (sambil menggelengkan kepala) *I* cakap. *You* kena cari. *You* kena usaha cari (bunyi tepukan tangan). Ada guru-gurunya (sambil mengangguk).

SAW: Okey.

RAH: Hmm (sambil mengangguk).

**NHM: Okey pada pandangan puan, apa atau bagaimana tips untuk jadikan seseorang penyanyi itu untuk terus kekal relevan?**

RAH: Oh soalan yang sama. *That's why you have to work hard* [sebab itu lah awak perlu berusaha lebih] Itu soalan yang sama adik. Banyak soalan itu sama je cuma cara je tanya. Tetapi nak kena kekal- itu lah saya cakap n-nak kekalkan jadi seorang artis yang veteran- lama dalam dunia seni *you got to work hard*. Bukan setakat orang kenal *you* "Oh Rosemaria juara Bintang RTM ada- lagu". Tetapi kalau saya tidak *create* diri saya untuk dikenali lagi- bukan senang untuk saya duduk disini dan orang masih ingat nama (sambil mengangguk).

**NHM: Okey, jadi apakah latihan-latihan vokal yang boleh dilakukan oleh penyanyi? Kalau boleh puan kongsikan.**

RAH: Itu lah tadi saya cakap. Kena- macam *you* tanya tadi pergi ke guru vokal kalau *you* hanya seorang penyanyi yang ini-. -Sekarang kalau *you* masuk bertanding dalam televisyen, dia ada guru dia untuk ajar tetapi itu dah- *you* faham ke tak faham je lah melainkan *you* ini sudah- biasa menyanyi dan *it's takes time to learn you know* [ia memang mengambil masa untuk belajar awak tahu]. Mm-mm



bagaimana nak– *body language* (sambil menggayakan badan) bukan- dalam satu hari kita belajar.

**NHM: Okey. Boleh kongsi apa rahsia puan dalam menyanyikan sebuah lagu itu dengan teknik vokal yang sangat baik?**

RAH: Itu lah *mood*. Kita kena ulang– selalu menyanyi sehingga- perasaan untuk lagu tersebut- dapat- kita keluarkan. Ha, bukan senang nyanyi satu kali dua kali. Bagi saya tak– senang (sambil mengangguk).

**NHM: Okey baik. Apakah teknik yang perlu dilakukan untuk menghasilkan suara yang mantap ketika membuat persembahan di atas pentas?**

RAH: Mm-mm itu lah saya kata lah adik, latihan.

**NHM: Mm-mm puan kalau puan diberikan peluang, apakah tindakan yang puan akan ambil untuk memartabatkan industri seni Malaysia dalam bidang nyanyian?**

RAH: Kalau di bagi peluang? Di bagi peluang macam mana ye?

**NHM: Mm-mm kalau-**

RAH: Tak– soalan *you*–.

**NHM: Kalau puan diberikan peluang, apakah tindakan yang puan ambil untuk martabatkan industri seni Malaysia dalam bidang nyanyian?**

RAH: Oh, saya akan terimanya dengan- tangan terbuka. Saya masih– dunia seni saya masih belum sampai ke tahap- nak berhenti. Tidak. Ada wang saya ambil, ada peluang saya ambil, -dan ada *show-show* masih saya terima, dan- dalam PKP ini itu

lah dah setahun lebih dah masuk dua ni– program saya semua di *cancel* dan harap-harap akan datang ada lagi- (bunyi berdecit) jemputan (sambil mengangguk).

NHM: Amin.

RAH: -Dan- saya– dunia seni saya masih belum mati lah (sambil mengangguk) belum–. -Menjahit ini- punca- rezeki, menyanyi pun punca rezeki cuma menyanyi saya tidak- *concentrate* – sangat- ss- (bunyi berdecit) kalau ada *stage show*, ada jemputan itu rezeki tetapi dunia jahitan rezeki saya memanjang. Okey sebab menyanyi bukannya hari-hari. Jahitan hari-hari jadi mm-mm okey itu rezeki daripada Allah. Alhamdulillah.

**NHM: Okey baik. Mm-mm tadi- ada cakap pasal teknik untuk nyanyi kan, ada puan hari itu kata ada cakap ada teknik tipu suara atau tipu nafas. Jadi boleh puan kongsikan perkara tersebut?**

RAH: Oh! yang itu tidak boleh saya cakap. Dia– *you* kena menyanyi depan saya mm-mm bagaimana– -yang itu saya boleh cakap. Nak cakap depan *you* yang tidak menyanyi, *you* tanya *I* nak ni tidak boleh. *I* tidak boleh buat. *I* tidak boleh. *I* tidak dengar *you* menyanyi macam mana. Ha nak tipu suara, nak buat suara *falsetto*, - macam mana kita nak- tarik nafas- supaya lagu kita cantik mm-mm kadang-kadang seni kata itu panjang. Nak nyanyi seni– apa- ayat itu sampai habis mm-mm- *vibrato* [variasi pic yang cepat semasa menyanyi, yang kemudiannya menghasilkan nada yang kuat] dia- akhir-akhir itu tidak ada. So bagaimana kita n-nak ada *vibrato*- di akhir- (bunyi berdecit) ayat lagu tersebut. So kita kena– *in between* [di antara] itu kena- cari alternatif tempat mana yang kita nak– tarik nafas- nak sambungkan lagu tersebut. Sebab dalam satu nafas, tidak semua orang boleh menyanyi. Kalau lirik itu panjang mesti kita kena ambil nafas balik. *So* disitu okey.

**NHM: Okey baik puan. Ini kira terakhir lah ye. Puan, boleh puan berikan sedikit kata-kata ucapan kepada para peminat dan kepada mereka yang ingin jadi penyanyi profesional seperti puan.**

RAH: (bunyi betulkan suara dan berdehem) (bunyi gelak) Okey- (bunyi berdecit) nak men- okey saya cakap saya lah ya. Daripada suka-suka menyanyi mm-mm menang pertandingan, saya *create* nama saya, -ada banyak album, - banyak lagu, dan- mm-mm- kalau dulu masih diingati sekarang pun Insya-Allah masih diingati Alhamdulillah terima kasih. Syukur saya masih ada orang ingat (bunyi ambil nafas) dan- mm-mm bagi adik-adik ataupun- yang dah berumur ke, ada karaoke diorang su-ka menyanyi okey. Tak kisah siapa, umur berapa, kalau dah nak jadi penyanyi nak menyanyi- kalau nak jadi penyanyi diorang dah pandai menyanyi kira penyanyi lah. Kalau n-nak mm-mm nak nama itu- lama di dalam dunia seni supaya orang masih ingat-. Itulah kita kena bentuk diri kita sebagaimana dikehendaki oleh peminat. Bukan untuk diri sendiri macam saya- sekarang suka-suka menyanyi - dah lama tak praktis ini tetapi- (bunyi berdecit) bagi adik-adik ataupun sesiapa yang nak jadi penyanyi, ia bukan suatu kerjaya yang mudah. Bukan mudah. -Bagi saya lah sebab *I work for it* [saya usaha]. Bukan- mm-mm menyanyi keluar Tv “Oh, orang ingat”. Hmm dia macam tidak akan jadi begitu (sambil menggeleng). Masa itu “Oh, *good voice!*--” [suara yang mantap] (bunyi tepukan tangan) bulan depan orang tidak ingat dah. *So* kita kena *create* diri kita bagaimana nak mm-mm- nak ke hadapan. okey. Setengah orang tidak ada album dulu- lah tetapi diorang selalu keluar tv tetapi diorang orang masih ingat okey. Ada satu album ada bukan- satu lagu dalam satu album diorang *share* [kongsi] penyanyi ramai . Macam saya ada satu album dengan ramai-ramai *so* adik-adik ini mm-mm penyanyi tetapi tidak ada lagu *so* kita *merge* [gabung] kan dalam- satu album dan disitu lah diorang naik. Okey- Insya-Allah kalau- ramai adik-adik yang- (bunyi berdecit) begitu beria-ia nak jadi penyanyi bersungguh-sungguh lah. Bukan senang nak menjadi penyanyi (sambil menggeleng kepala). Bukan se-nang nak *create* diri kita sebagai penyanyi, orang nak panggil kita penyanyi, bukan senang. Semua orang boleh menyanyi eh tetapi bukan senang nak jadi penyanyi- yang dikenali dan mm-mm (bunyi berdecit)

banyak lagi nasihat- nasihat apa eh lagi lupa nak ni– tetapi itu lah yang penting disiplin diri, konsentrasi. Kita nak *create* diri kita on stage, -kalau keluar dari tv tak sama *on stage*, Keluar tv sebab kita nak fokus muka kita kat kamera *one*, kamera *two*, kamera *three*. Okey itu memerlukan *rehearsal* tetapi *on stage* dia spontan. Tetapi spontan itu lah sebagaimana orang nak tengok kita, kita kena tunjuk yang terbaik (sambil mengangguk). Setengah orang sambil lewa kalau pergi menyanyi- setengah tetapi *to be a good singer you gotta work for it*. Itu nasihat saya. Bukan senang, bukan boleh beli sepuluh sen, dua puluh sen [10 sen, 20 sen] eh? -Mahal usaha itu. Usaha itu mahal. Bukan senang okey.

**NHM: Okey baik puan. Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang nyanyian bersama Puan Rosemaria Binti Abdul Hamid. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh puan dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang nyanyian para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

RAH: Sama-sama.

## 6.0 Log Temubual

Masa	Perkara	Catatan	Tindakan
0.0	Pembukaan sesi temubual	Penemubual pertama membuka sesi temubual	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Sejarah lisan</li> <li>● Rosemaria Abdul Hamid</li> <li>● Bidang nyanyian</li> <li>● Penyanyi veteran era 70-an dan 80-an</li> <li>● 27 November 2021</li> <li>● Selasa</li> <li>● 3 petang</li> <li>● Syahirah Binti Awang</li> <li>● Nurlissa Hanim Binti Mohamad</li> </ul>
00:46	Penemubual bertanya akan latar belakang diri tokoh	Puan Rosemaria mula menceritakan latar belakang diri beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Rosmariah Binti Abdul Hamid</li> <li>● 1956</li> <li>● 65 tahun</li> </ul>
01:16	Permulaan tokoh mula masuk bidang penyanyi	Beliau menceritakan bagaimana beliau mula berkecimpung dalam bidang nyanyian.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● 10 tahun</li> <li>● Talente di sekolah</li> <li>● Penyanyi utama</li> <li>● Program Bintang Radio</li> <li>● Bintang RTM</li> <li>● Band The Sheens</li> <li>● RTM 1975, 1976 &amp; 1977</li> </ul>

			<ul style="list-style-type: none"> <li>● Allahyarham Dato' Sudirman Haji Arshad</li> <li>● Juara RTM 1977</li> <li>● Berumur 20 tahun</li> <li>● Syarikat Rakaman Antarabangsa EMI Sdn. Bhd.</li> </ul>
09:41	Penemubual bertanya tentang latar belakang ibu bapa tokoh	Beliau menceritakan latar belakang ibu bapa beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Guru</li> <li>● Politik</li> <li>● Wakil rakyat pertama Kelantan Tengah</li> <li>● Arwah ayah beliau meninggal sewaktu beliau darjah 4</li> <li>● Arwah ibu beliau seorang surirumah</li> </ul>
11:51	Penemubual bertanya mengenai latar belakang adik-beradik tokoh	Beliau berkongsi mengenai latar belakang adik-beradik beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● 6 adik-beradik seibu sebapa</li> <li>● 9 adik-beradik keseluruhan</li> </ul>
13:18	Penemubual bertanya mengenai latar belakang keluarga tokoh yang terkini	Beliau berkongsi mengenai latar belakang keluarga beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● 6 orang anak</li> <li>● 3 lelaki 3 perempuan</li> <li>● 3 sudah berkeluarga</li> <li>● 4 orang cucu</li> </ul>
14:29	Penemubual bertanya mengenai latar	Beliau menceritakan latar belakang pendidikan beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Sekolah Kebangsaan Zainab</li> </ul>

	belakang pendidikan tokoh		<ul style="list-style-type: none"> <li>● Darjah 1 hingga darjah enam</li> <li>● Sekolah Menengah Zainab</li> <li>● Tingkatan 1 hingga tingkatan 5</li> <li>● Aktif sukan peringkat sekolah</li> </ul>
17:09	Faktor yang mendorong tokoh untuk menyanyi	Beliau menceritakan faktor dan orang yang menyokong beliau dalam bidang nyanyian	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Minat dan suka menyanyi</li> <li>● Seringkali menyertai pertandingan</li> <li>● Emak dan adik beradik</li> </ul>
25:51	Penemubual bertanya mengenai pekerjaan tokoh	Beliau menceritakan mengenai pekerjaan beliau beserta pengalaman bekerja bersama Anita	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Belajar menjahit</li> <li>● Belajar menaip</li> <li>● Menjahit baju final Bintang RTM</li> <li>● Umur 18 tahun</li> <li>● Buat show</li> <li>● RM2000.00</li> <li>● Malaysia, Sabah, Sarawak</li> <li>● Anita Sarawak (1 tahun)</li> <li>● Penyanyi latar</li> <li>● Haslina Anis</li> <li>● Sri Langka</li> <li>● Jepun</li> <li>● Hong Kong</li> </ul>

			<ul style="list-style-type: none"> <li>● Australia</li> <li>● Kuala Lumpur, Malaysia</li> </ul>
32:37	Genre muzik yang diminati	Beliau menyatakan genre muzik yang beliau minati	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Versatil</li> <li>● Rock</li> <li>● Balada</li> <li>● Irama Malaysia</li> <li>● Rap</li> </ul>
34:00	Menjadi ahli kumpulan Gambus	Beliau menceritakan bagaimana beliau menyertai kumpulan gambus beserta pengalaman bersama kumpulan tersebut	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kota Bharu, Kelantan</li> <li>● Wakaf Bharu, Kota Bharu</li> <li>● Sebelum menyertai The Sheens</li> <li>● Gambus Delima Adabi</li> <li>● Kumpulan pertama</li> <li>● Lirik</li> <li>● Gambus dan drum</li> <li>● Lima orang ahli</li> <li>● Lagu arab</li> <li>● Binti Salbiah</li> <li>● Lagu melayu</li> <li>● Salah tempo, out tempo</li> </ul>
40:28	Penemubual bertanya mengenai undangan Radio Kota Bharu	Beliau menceritakan pengalaman dan kisah ketika diundang oleh Radio Malaysia Kota Bharu	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kota Bharu, Kelantan</li> <li>● Rakaman</li> <li>● Siaran radio</li> <li>● Pentas</li> <li>● RTM</li> <li>● Bakat dicungkil</li> </ul>



			<ul style="list-style-type: none"> <li>● Teknikal</li> <li>● Ubah suara</li> <li>● Tinggikan suara</li> <li>● Bentuk suara</li> <li>● Lembutkan suara</li> </ul>
45:15	Pengalaman merakam album	Beliau menceritakan suasana, pengalaman dan teknik ketika merakamkan album	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Guna fon telinga</li> <li>● Muzik keluar</li> <li>● Mood dan feel lagu</li> <li>● Lagu original</li> <li>● Lagu saduran</li> <li>● Cara bawa lagu</li> <li>● Sepuluh lagu dalam satu album</li> <li>● Beberapa hari untuk sepuluh lagu</li> <li>● S. Atan (Hashim Said)</li> <li>● Satu album, satu penerbit</li> <li>● Singapura</li> <li>● Kuala Lumpur</li> <li>● Teknik</li> <li>● Falsetto suara</li> <li>● Tipu suara</li> <li>● Tipu nafas</li> </ul>
49:24	Berduet bersama Lionel	Beliau menceritakan mengenai pengalaman berduet dalam merakamkan album	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Lionel Xavier</li> <li>● Melaka, Malaysia</li> <li>● Life Records</li> <li>● Sepuluh lagu</li> <li>● 1980-an</li> </ul>

			<ul style="list-style-type: none"> <li>● Live album</li> <li>● Dato' Ramli M.S.</li> <li>● Album Cha Cha</li> <li>● Hetty Koes Endang</li> <li>● Copyright</li> </ul>
51:46	Menyertai Kumpulan The Sheens	Beliau menceritakan pengalaman bersama dengan kumpulan muzik The Sheens	<ul style="list-style-type: none"> <li>● The Sheens</li> <li>● Juara Kugiran</li> <li>● Kelantan</li> <li>● Suara Kilat</li> <li>● Tersohor di Kota Bharu</li> <li>● Stage Show</li> </ul>
53:05	Kegagalan dalam Pertandingan Bintang RTM	Puan Rosemaria menceritakan mengenai kegagalan beliau dalam program Bintang RTM sebanyak dua kali	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Choice of song</li> <li>● Solo</li> <li>● On stage</li> <li>● Bertanding</li> <li>● Kesesuaian lagu</li> <li>● Tempoh muzik</li> <li>● Pembawaan lagu</li> <li>● Koreografi</li> <li>● Final Bintang RTM</li> <li>● Bunga Tanjung</li> <li>● The Otherside of Me</li> <li>● Allahyarhamah Sharifah Aini</li> <li>● Launch lagu</li> <li>● Orkestra</li> <li>● Live Band</li> </ul>
56:42	Juara Bintang RTM 1977	Beliau menceritakan pengalaman dan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Program Tv</li> <li>● Orkestra RTM</li> </ul>

		<p>kisah kejayaan beliau meraih juara dalam Bintang RTM 1977</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Indonesia</li> <li>● Bali, Indonesia</li> <li>● Medan, Indonesia</li> <li>● Bandung, Indonesia</li> <li>● Yogyakarta, Indonesia</li> <li>● Tangkuban Perahu, Bandung</li> <li>● Live telecast dari Jakarta ke Malaysia</li> <li>● Kerjaya seni</li> <li>● London, United State</li> <li>● Separuh Asia</li> <li>● Sabah &amp; Sarawak</li> <li>● Balai istana</li> <li>● Tun Dr. Mahathir Mohamad</li> <li>● Persembahan di kapal</li> <li>● Menteri</li> <li>● Private program</li> <li>● Istana</li> </ul>
1:01:47	Artis di bawah naungan syarikat rakaman	<p>Beliau menceritakan bagaimana beliau diambil menjadi artis dan mengenai syarikat rakaman EMI</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tandatanganan kontrak</li> <li>● Mrs Beh</li> <li>● EMI Malaysia</li> <li>● EMI Singapura</li> <li>● DJ Dave</li> <li>● Promosi album</li> </ul>
1:04:11	Komposer dalam penghasilan lagu	<p>Beliau menceritakan mengenai kisah komposer yang</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● 45 lagu</li> <li>● Lagu sadur</li> <li>● Live album</li> </ul>

		terlibat dengan lagu beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Youtube</li> <li>● Lenggang Mak Wae</li> <li>● Tujuh album</li> </ul>
1:06:27	Idea bagi konsep dan tema album	Beliau berkongsi pandangan beliau mengenai sumbangan idea dari segi konsep tema bagi album	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Sudah berpengalaman</li> <li>● Terkini lebih kepada single</li> </ul>
1:07:44	Proses rakaman album	Beliau berkongsi mengenai proses rakaman album beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penulis lirik</li> <li>● Pemuzik</li> </ul>
1:08:28	Pendapat lagu yang sukar	Beliau berkongsi akan pendapat beliau tentang lagu yang paling sukar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Lagu original by heart</li> <li>● Key</li> </ul>
1:11:08	Kerjasama bersama artis lain	Beliau berkongsi mengenai artis yang pernah bekerjasama dengan beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Brunei</li> <li>● Allahyarhamah Siti Saloma</li> </ul>
1:11:42	Pengalaman bersama RTM	Beliau menceritakan pengalaman serta tempoh rombongan bersama RTM	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Allahyarhamah Rafeah Buang</li> <li>● Berlatih</li> <li>● Perform</li> <li>● Luar negara</li> <li>● 4 ke 5 hari</li> <li>● Seminggu</li> <li>● Travel</li> <li>● Rehearsal</li> </ul>

1:14:56	Bekerja dan mendalami ilmu muzik	Beliau menceritakan mengenai bagaimana beliau bekerja dan pada masa yang sama beliau mendalami dalam bidang muzik	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kelab</li> <li>● Kefahaman</li> <li>● Mutu suara</li> <li>● Lepaskan hawa</li> <li>● Original key</li> <li>● Nada suara terkini</li> <li>● Nafas</li> <li>● Seni kata</li> <li>● Sumbang</li> <li>● Pitching</li> </ul>
1:20:45	Penemubual bertanya mengenai jemputan menyanyi	Beliau menceritakan tentang jemputan untuk menyanyi selepas balik ke Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Call</li> <li>● Orang jempuit</li> </ul>
1:22:09	Pengalaman bersama peminat	Beliau berkongsi akan pengalaman bagaimana beliau bersama dengan peminat	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kamera</li> <li>● Bergambar</li> <li>● Sign</li> <li>● Telefon</li> <li>● Write-up paper</li> </ul>
1:24:51	Pengalaman sebagai juri	Beliau berkongsi tentang beliau yang pernah menjadi juri dalam sebuah program	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kota Bharu</li> <li>● Datin Alyah</li> <li>● Terengganu</li> <li>● Beri keputusan</li> </ul>
1:26:17	Penemubual bertanya mengenai impian tokoh	Beliau menyatakan impian yang ingin dicapai	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Berjalan jauh</li> <li>● Bawa keluarga</li> <li>● Tempat yang tak pernah pergi</li> <li>● Europe</li> </ul>

1:28:31	Kata-kata semangat untuk terus bangkit	Beliau berkongsi mengenai kata-kata semangat/dorongan bagi beliau untuk terus bangkit dalam bidang nyanyian	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Doa</li> <li>● Sihat</li> <li>● Rajin</li> <li>● Mood</li> <li>● Kawan</li> <li>● Motivasi</li> <li>● Masih boleh buat</li> </ul>
1:32:56	Industri muzik	Beliau berkongsi akan pendapat beliau mengenai industri muzik	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Malaysia masih dibelakang</li> <li>● Pemuzik luar negara</li> <li>● Tak sampai tahap</li> <li>● American Idol</li> </ul>
1:37:33	Isu berkaitan bidang nyanyian	Beliau berkongsi mengenai pandangan dan pendapat beliau mengenai isu dan perkara berkaitan bidang nyanyian	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Syarikat besar</li> <li>● Cipta platform</li> <li>● Pertandingan</li> <li>● Masuk Tv</li> <li>● Cipta gosip kontroversi</li> <li>● Kreativiti</li> </ul>
1:40:26	Penemubual bertanya mengenai juri-juri	Beliau berkongsi pandangan beliau mengenai juri-juri	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Lain-lain department</li> <li>● Pemilihan juri</li> <li>● Mahir muzik</li> </ul>
1:41:06	Pendapat akan komen-komen kepada peserta	Beliau berkongsi pandangan beliau tentang komen-komen yang diberikan juri kepada peserta yang menyertai sesuatu pertandingan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Takut nak komen</li> <li>● Terlalu menyentuh perasaan</li> <li>● Menjuri</li> </ul>

1:42:32	Kriteria yang perlu ada pada seorang penyanyi	Beliau berkongsi kriteria yang perlu ada terutamanya penyanyi baru	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bertanggungjawab</li> <li>● Usaha perbaiki diri</li> <li>● Mudah menerima teguran</li> </ul>
1:43:11	Kehebatan suara dan teknik nyanyian seseorang	Beliau berkongsi pandangan mengenai kehebatan suara dan teknik nyanyian seseorang	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bergantung kepada diri mereka</li> <li>● Kekalkan diri sebagai penyanyi</li> </ul>
1:45:14	Gaya persembahan di atas pentas	Beliau berkongsi pandangan tentang gaya persembahan di atas pentas ketika menyanyi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Personaliti</li> <li>● Body language</li> <li>● Kesesuaian</li> </ul>
1:45:59	Klip nyanyian khas daripada tokoh	Beliau menyanyikan sebuah lagu bertajuk “Kisah Kisah Masa Lalu”	<ul style="list-style-type: none"> <li>● “Kisah Kisah Masa Lalu”</li> <li>● Pengubat rindu</li> </ul>
Temubual sesi kedua			
1:49:19	Pandangan tokoh akan lagu sekarang	Puan Rosemaria berkongsi akan pendapat dan pandangan mengenai lagu dan penerimaan masyarakat luar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tak menyentuh jiwa</li> <li>● Sambil lewa</li> <li>● Amerika</li> <li>● Moden</li> </ul>
1:52:23	Penggabungan antara artis veteran dan artis baru	Beliau berkongsi pandangan tentang gabungan artis	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kombinasi yang baik</li> <li>● Duet</li> <li>● Selari</li> <li>● Serasi</li> </ul>

		veteran dan artis baru	
1:53:57	Penyanyi dan seni suara	Beliau berkongsi pandangan beliau mengenai maksud penyanyi dan seni suara	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Boleh menyanyi</li> <li>● Profesional</li> <li>● Suara sumbang</li> <li>● Cara jadi penyanyi</li> <li>● Dua perkataan dalam satu maksud</li> <li>● Seni dan suara</li> </ul>
1:55:12	Langkah mencipta penyanyi berkualiti	Beliau berkongsi pendapat beliau dalam langkah melahirkan penyanyi berkualiti, cara menyanyi atas pentas	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bekerja keras</li> <li>● Kerjaya</li> <li>● Veteran</li> <li>● Belajar</li> <li>● Bidang seni</li> <li>● Live show</li> <li>● Gaya dan muzik</li> <li>● Melodi</li> <li>● Lagu rancak dan lagu joget</li> <li>● Latihan</li> <li>● Persediaan</li> <li>● Berusaha</li> <li>● Disiplin</li> </ul>
2:05:51	Memartabatkan industri seni dalam bidang nyanyian	Pendapat beliau mengenai peluang untuk memartabatkan industri seni Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Peluang</li> <li>● Terima dengan hati terbuka</li> <li>● Dunia seni</li> <li>● Rezeki</li> </ul>



2:09:12	Pesanan/ Ucapan/ kata-kata akhir/kesimpulan	Kata-kata pesanan buat peminat dan mereka yang ingin menjadi penyanyi profesional	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Syukur</li> <li>● Bentuk diri</li> <li>● Berfikir jauh</li> <li>● Strategi untuk dikenali</li> <li>● Majukan diri</li> <li>● Bersungguh-sungguh</li> <li>● Konsentrasi</li> <li>● Spontan</li> </ul>
2:13:44	Penutup sesi temubual	Penemubual kedua menutup sesi temubual	

## 7.0 Ralat

Sesi temubual yang pertama dilakukan di kediaman tokoh, Rosemaria Abdul Hamid di Kota Bharu. Sepanjang berlangsungnya sesi temubual secara bersemuka, terdapat beberapa gangguan yang berlaku dan dapat didengar di dalam rakaman. Antara gangguan tersebut ialah:

- 1) Bunyi pintu
- 2) Bunyi kenderaan
- 3) Bunyi hujan
- 4) Bunyi plastik
- 5) Bunyi ketukan meja
- 6) Bunyi notifikasi telefon
- 7) Bunyi deringan telefon
- 8) Bunyi suara batuk
- 9) Bunyi gerakan berhampiran rakaman
- 10) Bunyi suara decitan daripada tokoh
- 11) Masalah rangkaian internet pada awal temubual bersama tokoh ketika sesi temubual kedua dijalankan.

## **8.0 Ringkasan**

Syahirah Binti Awang dan Nurlissa Hanim Binti Mohamad selaku penyelidik telah berjaya menjalankan sesi temubual sejarah lisan bersama seorang tokoh seniwati dalam bidang nyanyian iaitu Rosemaria Abdul Hamid, bertempat di Kota Bharu Kelantan pada hari Sabtu bersamaan 27 November 2021 pada pukul 3.00 petang. Sesi temubual yang dijalankan adalah sebanyak dua kali diaman sesi pertama secara bersemuka dikediaman tokoh dan sesi kedua pula secara dalam talian. Sesi temubual kedua dijalankan melalui aplikasi Google Meet pada hari Selasa bersamaan 07 Disember 2021 pada pukul 2.18 petang.

Tujuan utama temubual ini dijalankan adalah untuk mengkaji dengan lebih mendalam mengenai biografi seorang juara Bintang RTM pada tahun 1997 serta mengenai penglibatan dan pengalaman tokoh sebagai penyanyi era 70-an dan 80-an dimana maklumat sejarah lisan ini diperoleh hasil daripada temubual bersama tokoh Rosemaria Binti Abdul Hamid. Rosemaria turut berkongsi pandangan mengenai isu-isu semasa mengenai industri muzik dan bidang nyanyian, juri di dalam sesebuah program nyanyian, komen yang dilontarkan daripada juri kepada seseorang peserta pertandingan, kriteria bagi seorang penyanyi, kehebatan suara dan teknik nyanyian seseorang termasuklah gaya persembahan di atas pentas.

Bukan itu sahaja, tokoh juga berkongsi pandangan beliau tentang lagu zaman sekarang serta penerimaan dari masyarakat luar terhadap tren lagu tersebut, gabungan artis veteran dan artis baru, langkah bagi melahirkan penyanyi yang berkualiti, dan mengenai peluang untuk memartabatkan industri seni dalam bidang nyanyian. Dititipkan juga sedikit kata-kata pesanan daripada beliau agar dapat dijadikan inspirasi dan motivasi kepada mereka yang ingin menjadi penyanyi profesional. Temubual ini dikendalikan oleh Syahirah Binti Awang dan Nurlissa Hanim Binti Mohamad yang merupakan penyelidik serta pelajar yang menuntut di UiTM Puncak Perdana.

Nama sebenar Rosmariah Binti Abdul Hamid dan nama pentas beliau Rosemaria. Selesa dipanggil dengan panggilan puan dan rakan-rakan beliau memanggil beliau dengan panggilan Rose, Maria, Yah, Rozie, dan Mary. Beliau merupakan anak kelahiran Kelantan serta mempunyai enam orang adik beradik seibu sebapa dan 9 adik-beradik secara keseluruhan. Beliau mempunyai 3 orang anak lelaki dan 3 orang anak perempuan. Sebelum

beliau menjadi seorang penyanyi profesional, beliau belajar menaip dan menjahit baju termasuklah gaun yang dipakai oleh beliau ketika Final Bintang RTM merupakan hasil jahitan oleh beliau sendiri walaupun pada ketika itu beliau hanya potong ikut baju dan bukan mengikut pola.

Taraf pendidikan Rosemaria Binti Abdul Hamid adalah sehingga di tingkatan 5. Beliau bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Zainab Kota Bharu Kelantan dan seterusnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Zainab Kota Bharu Kelantan. Beliau mula berkecimpung dalam bidang nyanyian sewaktu beliau berumur 10 tahun di mana beliau menyanyikan lagu 'Bintang Kecil' oleh Anneke Gronloh, penyanyi dari Indonesia di majlis perkahwinan. Mula dari suka-suka menyanyi dari kecil dan dari sejak itu lah timbulnya minat yang mendalam untuk terus aktif dalam bidang nyanyian. Sokongan yang kuat daripada keluarga beliau menambahkan lagi kekuatan serta keyakinan beliau untuk terus menyanyi walau di usia yang muda.

Minat untuk menyanyi dan melibatkan diri dalam bidang nyanyian sewaktu di sekolah dengan menyertai pertandingan Talentime, pernah menjadi penyanyi utama untuk aktiviti sekolah, menganggotai kumpulan 'Gambus Delima Adabi' dengan menjadi penyanyi utama, dan sewaktu beliau di tingkatan 3 beliau menyertai 'Bintang Radio' sehingga lah ke peringkat akhir dan seterusnya beralih ke kumpulan 'The Sheens' juga sebagai penyanyi utama. Semasa beliau berada dalam kumpulan 'The Sheens' beliau menyertai 'Juara Kugiran' namun tidak berjaya tetapi beliau tidak berputus asa malah mencuba nasib lagi dengan menyertai 'Bintang RTM' buat pertama kali, namun beliau kalah di peringkat suku akhir. Kali kedua beliau tekad untuk terus berusaha lagi dalam 'Bintang RTM' namun beliau tetap juga tersingkir di peringkat separuh akhir. Sikapnya yang tidak pernah mengalah dan terus berlatih lagi dan lagi sehinggalah beliau berazam untuk menyertai semula buat kali ketiga di 'Bintang RTM'. Dan pada kali ketiga itulah beliau akhirnya berjaya merangkul juara 'Bintang RTM' pada tahun 1977 ketika beliau menginjak usia 20 tahun.

Berikutan daripada kemenangan itulah nama beliau mula meningkat naik dan seringkali muncul di kaca televisyen dan juga muka hadapan majalah serta akhbar mengenai perjalanan karier seni beliau sebagai seorang penyanyi. Termasuk juga keluaran

album dan lagu-lagu beliau ketika beliau menandatangani kontrak bersama syarikat rakaman EMI dan sepanjang beliau bekerja dengan Anita selama setahun menjelajah seluruh negara sebagai penyanyi latar. Beliau juga pernah berduet bersama Lionel Xavier dimana beliau dijemput oleh Life Records untuk rakaman album yang dimuatkan sebanyak 10 buah lagu.

Sewaktu sesi temubual, beliau menceritakan bagaimana beliau bekerja dan pada masa yang sama mendalami dalam bidang muzik. Latihan demi latihan mengajar beliau untuk terus memperbaiki vokal, suara, gaya persembahan termasuk juga teknik-teknik nyanyian sehingga lah beliau mahir dan dapat membawakan lagu dengan baik sekali. Beliau juga merupakan penyanyi yang versatil dimana beliau dapat menyanyikan pelbagai rentak dan genre lagu. Melalui daripada pengalaman beliau bekerja di kelab malam juga membantu beliau untuk terus memahami dengan lebih mendalam mengenai muzik. Pitching, key, nafas, vibrato, tempo, falsetto, dan banyak lagi merupakan antara asas dalam aspek nyanyian.

Selain itu, beliau turut berkongsi pandangan mengenai muzik pada waktu dahulu dan kini yang berbeza termasuk isu-isu semasa dalam industri muzik dan bidang nyanyian, penjurian dalam pertandingan sehinggalah ciri-ciri yang perlu ada pada seorang penyanyi. Ketika sesi tembual diselitkan juga nasihat dan pesanan dari beliau yang mengatakan untuk menjadi penyanyi ini bukan lah mudah. Usaha yang gigih tanpa pernah kenal erti lelah, belajar, dan praktis selalu, bina nama dan bentuk diri kita sebagai penyanyi yang berkualiti dan berkaliber supaya kita ada nilai yang unik yang kita bawakan dalam nyanyian. Tidak tertinggal juga sikap disiplin dalam diri, mudah menerima teguran, dan konsentrasi yang perlu disemat dalam diri sebagai penyanyi. Bak kata tokoh *“to be a good singer you gotta work for it”*.

## 9.0 Glosari

<b>1</b>	<b>Album</b>	Hasil rakaman atau koleksi lagu yang dirakam dalam kaset atau cakera padat.
<b>2</b>	<b>Artis</b>	Orang yang menyampaikan sesuatu persembahan dan sangat mahir dalam aktiviti tertentu seperti pemuzik, pelakon atau penari.
<b>3</b>	<b>Asuh</b>	Mencungkil
<b>4</b>	<b>Balada</b>	Merupakan salah satu genre lagu yang kebiasaannya mempunyai struktur lagu yang membawakan lirik yang iras dengan pantun. Ia juga penjelasan lagu pendek dalam tempo yang perlahan, biasanya diiringi muzik romantik ataupun sentimental.
<b>5</b>	<b>Cincai-cincai</b>	Melakukan sesuatu sambil lewa atau tidak bersungguh-sungguh.
<b>6</b>	<b>Disiplin</b>	Latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh pada tata tertib.
<b>7</b>	<b>Falsetto</b>	Merupakan salah satu teknik vokal dimana kita menyanyi di luar jangkauan nada biasa. Ia juga bermaksud pemalsuan suara.
<b>8</b>	<b>Genre muzik</b>	Kategori jenis karya seni yang mengenal pasti dan mengelaskan beberapa jenis muzik misalnya pop, jazz, balada, rock dan sebagainya.

<b>9</b>	<b>Irama Malaysia</b>	Sejenis genre muzik yang mengaplikasikan bunyian alat-alat muzik dan rentak lagu traditional Malaysia.
<b>10</b>	<b>Konsert</b>	Persembahan muzik oleh penyanyi atau pemain muzik di hadapan penonton.
<b>11</b>	<b>Kontrak</b>	Perjanjian formal dengan syarat-syarat tertentu antara dua pihak atau lebih yang melibatkan proses menandatangani.
<b>12</b>	<b>Kontroversi</b>	Perselisihan atau pendapat yang biasanya berlarutan dan agak meluas di antara golongan yang berlainan.
<b>13</b>	<b>Koreografi</b>	Penciptaan gerak geri tarian dan juga diebut reka tarian.
<b>14</b>	<b>Lagu saduran</b>	Lagu yang diambil liriknya dalam lagu bahasa lain kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa komuniti tertentu.
<b>15</b>	<b>Melodi</b>	Susunan seni kata berirama, juga bermaksud lagu atau irama lagu.
<b>16</b>	<b>Menjiwai lagu</b>	Menghayati lagu dengan sepenuh jiwa dan perasaan.
<b>17</b>	<b>Mulut ke mulut</b>	Penyaluran informasi dari orang ke orang lain melalui komunikasi lisan.
<b>18</b>	<b>Muzik</b>	Salah satu cabang seni dan sains yang menggabungkan bunyi-bunyi vokal atau instrumental termasuk bunyi-bunyi semula jadi dan persekitaran atau rekaan.

19	<b>Nyanyian</b>	Gubahan muzik yang dilagukan dengan suara.
20	<b>Orkestra</b>	Pasukan pancaragam yang besar bilangan ahli muziknya dan sesuatu jenis alat muzik yang dimainkan oleh beberapa orang pemuzik dengan seorang memimpin pasukan ini.
21	<b>Pembesar negara</b>	Orang yang berpangkat tinggi dalam negara.
22	<b>Pemuzik</b>	Seseorang individu yang menulis, mencipta dan memainkan muzik termasuklah pemain alat muzik, konduktor muzik, penyanyi, penggubah dan pencipta lagu dan sebagainya.
23	<b>Penyanyi</b>	Orang-orang yang mendedikasikan diri mereka untuk membuat muzik melalui penggunaan suara.
24	<b>Penyanyi versatil</b>	Penyanyi yang serba boleh.
25	<b>Pitching</b>	Berapa tinggi atau rendah sesuatu not tertentu akan didengari ke telinga pendengar.
26	<b>Penjurian</b>	Berasal dari perkatan menjuri dan berjuri. Ia membawa maksud proses pemberian markah atau keputusan dalam sesuatu perkara.
27	<b>Pola jahitan</b>	Plan bentuk baju yang dilukis bagi memudahkan kerja memotong kain untuk membuat baju yang canti dan selesa di badan.
28	<b>Rakaman</b>	Proses merakamkan lagu.
29	<b>Rehearsal</b>	Raptai atau latihan yang dilakukan bertujuan untuk mahir akan sesuatu perkara dan menjadikan sesuatu persembahan berjalan dengan lancar.



<b>30</b>	<b>Seni tangan</b>	Merujuk kepada seni yang berkaitan tangan misalnya jahitan dan kraf tangan.
<b>31</b>	<b>Seni suara</b>	Seni dalam suara dan juga bermaksud nyanyian.
<b>32</b>	<b>Syarikat rakaman</b>	Merujuk kepada jenama atau tanda dagangan yang berkaitan dengan pemasaran rakaman muzik dan video muzik.
<b>33</b>	<b>Tipu suara</b>	Teknik pemalsuan suara.
<b>34</b>	<b>Tempo</b>	Pernyataan yang menyatakan seberapa cepat atau lambat sebuah lagu yang harus dimainkan.
<b>35</b>	<b>Veteran</b>	Gelaran yang diberikan kepada seseorang yang sudah lama berkecimpung dalam sesuatu bidang yang mereka pakar.
<b>36</b>	<b>Vokal</b>	Bunyi bahasa yang dihasilkan oleh arus udara dari paru-paru melauai pita suara dan penyempitan pada saluran suara di atas kerongkong.
<b>37</b>	<b>Vibrato</b>	Pada asasnya bunyi yang bergetar atau berdenyut yang digunakan untuk menambah ekspresi pada muzik. Secara umumnya, ia tetap dalam kedua-dua nada dan ayunan.

## 10.0 INDEKS

### A

Album *13, 20, 25, 33, 34, 35, 36, 38, 41, 42, 43, 44, 47, 54, 59, 71, 78, 79*

Amerika *25, 61, 70*

Anita Sarawak *25, 26, 41, 48*

Anneke Gronloh *21*

Arab *28*

Artis *13, 25, 42, 46, 65, 67, 70, 71, 73, 74, 76*

Australia *26*

### B

Bali *39, 47*

Band *11, 12, 25, 28, 29, 36, 38, 51*

Bandung *39, 47*

Belajar *8, 11, 13, 14, 17, 23, 24, 26, 27, 32, 33, 38, 39, 46, 48, 64, 73, 75, 76*

Bertanding *12, 13, 18, 19, 23, 25, 31, 37, 63, 65, 76*

Binti Salbiah *28*

Bintang Radio *12, 31, 32,*

Bintang RTM *12, 13, 19, 20, 24, 32, 37, 38, 39, 57, 63, 76*

Bunga Tanjung *38*

### C

Cha cha *36, 58*

### D

Disiplin *21, 22, 34, 48, 66, 74, 75, 79*

Dj Dave *42*

Datin Alyah *55*

## **E**

EMI (syarikat rakaman) *13, 20, 25, 35, 41, 42, 43, 44, 46*

## **F**

Falsetto *34, 78,*

## **G**

Gambus *27, 28, 30, 31*

Genre *26, 27*

## **H**

Hetty Koes Endang *36, 47*

Hong Kong *26*

## **I**

Indonesia *19, 21, 36, 39, 42, 46, 47*

## **J**

Jakarta *39, 47,*

Jepun *26*

Juara *12, 13, 19, 38, 39, 73, 76*

Juara Kugiran *12, 36*

Jurulatih *75,*

## **K**

Karaoke *11, 29, 35, 72, 78*

Kerjaya *11, 13, 19, 20, 21, 39, 71, 73, 79*

Kuala Lumpur 20, 25, 32, 34, 49, 52, 53

Konsert 12

Kontrak 13, 26, 35, 41, 42

Koreografi 37

Kota Bharu 27, 30, 32, 36

## **L**

Lagu 13, 18, 19, 21, 22, 23, 26, 27, 28, 29, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 41, 42, 43, 45, 46, 47, 48, 60, 61, 62, 65, 68, 69, 70, 71, 73, 74, 76, 78, 79

Latihan 26, 47, 74, 76, 77

Lin Ali 25

Lionel Xavier 35

Live show 39, 53, 73

## **M**

Malaysia 12, 13, 20, 25, 26, 32, 35, 39, 40, 42, 46, 47, 55, 60, 61, 62, 70, 75, 77

Medan 39, 47

Melaka 35, 53

Menang 11, 12, 13, 19, 24, 31, 41, 57, 64, 73, 75, 78

Menjahit 14, 23, 24, 49, 54, 58, 77

Menyanyi 11, 12, 14, 15, 18, 19, 21, 23, 25, 27, 29, 30, 31, 32, 34, 35, 37, 39, 40, 45, 49, 50, 51, 52, 53, 57, 60, 65, 66, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 76, 77, 78, 79

Minat 11, 14, 15, 19, 26, 27, 29, 31, 32, 40, 68

Muzik 12, 25, 26, 28, 33, 37, 45, 49, 57, 60, 61, 62, 64, 65, 70, 73, 75,

## **N**

Nyanyi 19, 21, 22, 23, 26, 27, 28, 29, 33, 36, 38, 40, 45, 46, 50, 51, 61, 65, 68, 74, 78

## **O**

Orkestra 38, 39

On stage 37, 68, 73, 74, 75, 79

## **P**

Pengalaman 11, 12, 26, 29, 30, 32, 33, 34, 36, 37, 39, 43, 46, 49, 51, 60, 70

Penjurian 13, 65

Pentas 15, 22, 32, 27, 68, 73, 75, 76

Penyanyi 12, 15, 20, 21, 25, 26, 29, 34, 36, 39, 40, 41, 42, 45, 46, 47, 57, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 68, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 78, 79

Persembahan 15, 26, 28, 30, 36, 37, 39, 53, 68, 73, 74, 77

Pertandingan 11, 32, 36, 37, 56, 63, 78

Prinsip 21, 22

Pitching 50, 70

## **R**

Rakaman 13, 24, 31, 32, 33, 34, 35, 37, 42, 43, 47, 48, 63, 67

Rekod 13, 35, 44, 45, 61

Rehearsal 26, 29, 47, 74, 79

## **S**

S. Atan 34

Sabah 25, 39, 49

Sadur 36, 42

Saduran 33, 35,

Sarawak 25, 39, 42,

Seni 14, 15, 19, 39, 50, 51, 54, 56, 61, 71, 72, 73, 76, 77, 78

Seni suara 61, 72

Sharifah Aini 38, 40, 42

Show *15, 20, 36, 42, 48, 49, 68, 69, 73, 74, 75, 77, 79*

Singapura *42, 46, 47*

Singapore *25, 34*

Sri Lanka *26*

Suara Kilat *36*

Sudirman *12*

## **T**

Tangkuban Perahu *39*

Teknik *33, 34, 35, 49, 66, 70, 71, 76, 77, 78*

Tempo *29, 37, 38, 45, 46, 70, 72*

The Sheens *12, 27, 36, 51*

Tv *12, 19, 20, 31, 32, 37, 39, 48, 63, 75, 79*

## **V**

Veteran *14, 71, 72, 76*

Vokal *29, 70, 75, 76*

Vibrato *78*

## **W**

Wakaf Bharu *30, 32*

## **Y**

Yogyakarta *39*

## 11.0 Rujukan

- Abdul Rahman A Samad. (Mei 09, 2019). Maksud album. Diambil dari <https://makna.online/album>
- Bintang RTM. (Mei 14, 2021). Diambil dari [https://amp-ms-freejournal-info.cdn.ampproject.org/v/s/amp.ms.freejournal.info/341559/1/bintang-rtm.html?amp\\_js\\_v=a6&amp](https://amp-ms-freejournal-info.cdn.ampproject.org/v/s/amp.ms.freejournal.info/341559/1/bintang-rtm.html?amp_js_v=a6&amp)
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Konsert. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=konsert>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Kontrak. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kontrak>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Melodi. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=melodi+&d=175768&>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Orkestra. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=orkestra>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Penjurian. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=berjuri&d=175768&>
- Ibrahim Ahmad. (2003). Muzik kontemporari sebagai alat pembentukan nilai dalam komuniti: Ke Mana Halatuju Kita? 179–181. Diambil dari <http://repo.uum.edu.my/1853/1/29.pdf>
- Kamus Bahasa Melayu. Disiplin. <https://kamusbm.com/disiplin/>
- Kamus Bahasa Melayu. Genre muzik. <https://kamusbm.com/?s=genre+muzik>
- Khairuddin, J. (1900). Catatan garis masa muzik melayu dari awal tahun 1900 sehingga kini. 1–2. <https://www.esplanade.com/offstage/-/media/offstage-microsite/student-guides/record-tracing-singapore-history-through-malay-music/tracing-singapore-history-malay-music-ml.pdf?mw=640>
- Komunikasi, J. (2010). Muzik dan pembangunan sosial: paparan dasar industri hiburan dalam akhbar-akhbar di Malaysia. *Jurnal Komunikasi ; Malaysian Journal of Communication*, 26(2), 47–65. [http://journalarticle.ukm.my/1905/1/V26\\_2\\_4.pdf](http://journalarticle.ukm.my/1905/1/V26_2_4.pdf)
- Lagu saduran. (April 18, 2021). Diambil dari <https://amp.ms.freejournal.info/916447/1/lagu-saduran.html>

Laman Bahasa Melayu. (Ogos 27, 2019). Seni bahasa (nyanyian). Diambil dari  
<https://arfarzati.blogspot.com/2019/08/seni-bahasa-nyanyian-apakah-itu.html>

Locke, S. (Januari 29, 2021). Artis, influencer & selebriti. Apa perbezaannya?  
<https://akademihoukiboshi.com/artis-influencer-selebriti-apa-perbezaannya/>

Nurul Ieda. Konsep Muzik. Diambil dari  
<https://www.scribd.com/doc/154003787/konsep-muzik>

Rtm. (November 16, 2021). Latar Belakang. Diambil dari  
<https://www.rtm.gov.my/index.php/mengenai-kami/latarbelakang>

Welsh, N.(Oktober 06, 2017). Apa itu muzik. Diambil dari  
<https://nickywelsh.wordpress.com/2017/10/06/definisi-muzik/>



## 12.0 Lampiran

### 12.1 Proposal



**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR**  
**KAMPUS PUNCAK PERDANA**  
**SHAH ALAM**  
BACHELOR OF INFORMATION SCIENCE (HONS) RECORDS MANAGEMENT

IMR 604

IMR604: ORAL DOCUMENTATION

PROPOSAL PROJEK SEJARAH LISAN  
TAJUK: TOKOH SENIWATI, ROSEMARIA ABDUL HAMID

DISEDIAKAN OLEH:

SYAHIRAH BINTI AWANG

(2020621254)

NURLISSA HANIM BINTI MOHAMAD

(2020861672)

PENSYARAH:

SIR JAFALIZAN BIN MD JALI

TARIKH:

19 NOVEMBER 2021

## ISI KANDUNGAN

### **1.0 Pengenalan**

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan dan Sumbangan Kajian	7

### **2.0 Tinjauan Literatur** 8

### **3.0 Metodologi** 10

3.1 Pendekatan Kajian	11
3.2 Peserta Kajian	12
3.3 Prosedur Pengumpulan Data	12
3.4 Carta Gann Chart Projek Penyelidikan	14

### **4.0 Kesimpulan** 16

### **5.0 Rujukan** 17

## 1.0 PENGENALAN

### 1.1 PENDAHULUAN

Seperti yang kita tahu, artis merupakan seseorang yang mempunyai bakat tersendiri dan bakat tersebut ditunjukkan kepada orang ramai sebagai bukti atau 'signature' mengenai mereka. Justeru setiap negara mempunyai artis dimana para artis ini memberi sumbangan terhadap negara dengan mengharumkan nama negara di persada dunia. Masyarakat sememangnya mengetahui bahawa artis bukan sahaja terlibat dalam bidang lakonan sahaja, malah juga terdapat bidang lain iaitu pengacaraan, kewartawanan dan juga nyanyian. Namun gelaran artis selalunya merujuk kepada artis yang masih baru berkecimpung dalam bidang seni hiburan dan berbeza dengan artis yang sudah lama menjadi artis. Gelaran yang diberikan kepada artis yang sudah lama ialah veteran ataupun seniman. Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, seniman bermaksud orang yang mempunyai bakat seni dan dapat mencipta hasil seni serta dapat memperagakan hasil seninya. Sama hal juga dengan seniwati yang merujuk kepada wanita dan seniman ialah gelaran untuk lelaki.

Muzik adalah salah satu unsur dalam kehidupan yang sangat fleksibel sifatnya. Selain dari komunikasi, salah satu fungsi asas muzik ialah hiburan. Oleh yang demikian, fungsi asas muzik ini telah meletakkan muzik sebagai bidang budaya atau seni suara manusia yang dominan di Malaysia. Menurut Norshafawati dan Fuziah, muzik dilihat atas dua faktor iaitu muzik sebagai khazanah budaya sesuatu bangsa yang menggambarkan imej dan budaya sesuatu bangsa dan sebagai salah satu cabang aktiviti ekonomi yang boleh membentuk industrinya sendiri yang dimana seterusnya ia boleh membantu perkembangan pembangunan sosial. Jadi Malaysia melihat dan menyambut perkara ini dengan baik dimana kita dapat melihat terlalu banyak muzik dan seni lagu yang telah dicipta. Dan atas dua faktor tersebut juga, industri muzik di Malaysia diwujudkan. Justeru itu, ia merupakan perkara yang tidak asing lagi di Malaysia. Seperti yang dapat kita lihat kini begitu

ramai orang yang ingin menceburkan diri dalam industri muzik dan tidak kurang juga di Malaysia banyak syarikat yang mengadakan pertandingan atau pencarian bakat dalam nyanyian seperti I can See Your Voice, Mentor, Idola Kecil, Lagu Cinta Kita, The Stage, Bintang RTM dan banyak lagi. Menerusi program-program inilah kita dapat melihat lahirnya penyanyi-penyanyi legenda yang hebat.

Bercakap mengenai industri muzik, negara kita mempunyai Perbadanan Industri Muzik Malaysia (PIMM), iaitu badan khusus yang ditubuhkan untuk merangka dan untuk memastikan pembangunan industri muzik tanah air diselaraskan secara holistik agar dapat menyelesaikan masalah melibatkan industri ini misalnya isu berkaitan royalti, pangkalan data penggiat muzik, pembiayaan ekonomi dan perspektif masyarakat terhadap industri muzik dapat diubah. PIMM juga berperanan sebagai satu ekosistem industri muzik di mana ia terbahagi kepada tiga bidang utama iaitu penghasilan, persembahan dan pendidikan muzik dalam negara. Seperti yang kita tahu, muzik memang banyak dimainkan terutamanya dalam teater, filem mahupun drama. Keadaan industri muzik di Malaysia kini berkembang pesat. Kini dendangan muzik seolah-olah merupakan perkara yang wajib ada di dalam sesebuah filem. Umumnya muzik mampu memberikan kesan emosi kepada masyarakat di mana secara keseluruhannya ia mampu memberi ketenangan dan ikatan dalam perhubungan. Malah muzik juga sering dijadikan sebagai medium untuk mengekspresikan perasaan, kata-kata dan sebagainya.

Sejarah muzik di Malaysia bermula apabila menurut Prof Dr Mohamed Ghouse Nasaruddin, para bangsawan datang ke Tanah Melayu dan bertapak di Pulau Pinang pada lewat tahun 1870-an. Kemunculan para bangsawan ini dipercayai hasil daripada pengaruh wayang Parsi. Dan kehadiran mereka ini secara tidak langsung juga telah membawa bersama jenis muzik popular Malaysia apabila pemuzik bangsawan menjadi perintis dalam mempopularkan muzik gabungan elemen-elemen tradisi Malaysia. Menurut Krishen Jit, seorang guru, ikon dan aktivis dalam teater kontemporari di Malaysia, pada suatu ketika dahulu sewaktu belum lagi merdeka, seringkali teater dan drama mengenai diadakan bertujuan untuk menceritakan kehebatan kerajaan Melayu dan orang-orang kenamaan dalam sejarah

Melayu. Muzik iringan dan lagu latar digunakan untuk mengiringi lagu-lagu bangsawan. Zaman kegemilangan filem pula muncul selepas perang dunia ke II dimana pada waktu tersebut Allahyarham Tan Sri P.Ramlee mula bergiat dan menjadi pemimpin industri dalam dunia perfileman dan nyanyian. Menerusi filem, ia memberi banyak peluang dan mendorong akan kemunculan pemuzik dari kalangan penyanyi, pembuat lirik dan sebagainya yang melibatkan diri dalam industri muzik.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Secara umumnya, tema bagi kajian yang ingin dikaji ialah bertemakan seniman atau seniwati di Malaysia. Berkenaan dengan tajuk tugas yang dibincangkan dimana ia merujuk kepada skop penyelidikan iaitu seniwati dalam bidang nyanyian, kami telah memilih untuk mengkaji tentang seorang seniwati yang tidak kurang hebatnya dalam bidang nyanyian. Kajian ini dilakukan melalui kaedah temubual bersama tokoh terpilih iaitu puan Rosemaria Binti Abdul Hamid. Puan Rosemaria merupakan seorang anak jati Kelantan yang berhijrah ke Kuala Lumpur untuk meneruskan minatnya dalam bidang nyanyian. Ketika di bangku sekolah, beliau menyertai Kumpulan Gambus selama satu tahun. Puan Rosemaria menyertai kelab itu kerana ahli-ahli kumpulan tersebut terpujau dengan suara merdu dan lantang beliau. Bukan sahaja kumpulan gambus, beliau juga menyertai kumpulan The Sheen. Beliau yang pada mulanya hanya menjadikan menyanyi sebagai salah satu minat akhirnya bertukar menjadi kerjaya apabila berjaya bergelar artis atau penyanyi pada usia yang muda. Ketika berada di Kuala Lumpur, beliau beberapa kali mencuba nasib dalam pertandingan nyanyian namun nasib tidak menyebelahi beliau. Walaubagaimanapun, beliau akhirnya berjaya menjadi juara dalam satu pertandingan iaitu Bintang RTM pada tahun 1977 setelah percubaannya gagal dalam Bintang RTM 1975 dan 1976. Beliau meraih juara tersebut pada umur yang masih muda iaitu ketika berumur 21 tahun. Beliau pernah bekerja bersama seorang superstar iaitu Anita Sarawak sebagai penyanyi latar. Ketika bersama dengan Anita,

banyak perkara baru dan pengalaman yang diperolehi. Malah ketika bersama dengan Anita juga beliau telah menjejakkan kaki ke negara-negara Asia untuk melakukan persembahan termasuklah Hong Kong, Indonesia, Brunei, Australia dan sebagainya.

Setelah menjadi artis, puan Rosemaria berjaya mengeluarkan album pertamanya pada tahun 1979. Secara keseluruhannya, beliau mempunyai enam buah album iaitu tiga album merupakan lagu-lagunya sendiri dan tiga album lagi merupakan lagu pelbagai dimana album terakhir beliau dikeluarkan adalah pada tahun 1983. Hal ini menjadikan beliau mempunyai lebih kurang 30 puluh lebih lagu nyanyian beliau sendiri. Walaupun beliau sudah tidak aktif seperti dulu, puan Rosemaria masih lagi menerima jemputan untuk menyanyi pada majlis-majlis tertentu. Selain dari hebat menyanyi, Rosemaria Abdul Hamid ini juga hebat dalam bidang jahitan sementelah beliau mula belajar menjahit ketika masih di bangku sekolah lagi. Malah baju yang dipakai oleh beliau ketika menyertai program Bintang RTM juga merupakan rekaan dan jahitannya sendiri. Begitu juga dengan mana-mana persembahan, beliau memakai baju yang dijahitnya sendiri. Kini, beliau sedang meneruskan minatnya dalam bidang jahitan dan sedang mengusahakan perniagaan jahitan baju dengan menerima upah menjahit baju wanita dan baju untuk kanak-kanak.

Kajian ini merupakan satu tugas yang amat penting dimana kami sebagai penyelidik harus mendapatkan maklumat atau info-info yang berkait dengan tokoh seniman yang dipilih. Proses mencari maklumat atau berita terkini mengenai tokoh seniman/ seniwati adalah di pautan laman sesawang internet terutamanya menerusi terbitan artikel-artikel dari keratan akhbar di Internet, Youtube, dan juga Instagram sebagai tambahan asas kepada pengenalan terhadap perjalanan karier seni tokoh seniwati dalam bidang nyanyian. Melalui maklumat-maklumat tersebut, ia dapat memudahkan bagi kami untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai tokoh seniwati Rosemaria Abdul Hamid dari mulanya beliau berkecimpung dalam bidang nyanyian pada era 1970-an - 1980-an, tips untuk menjaga suara agar kekal merdu dan bagaimana beliau menjalankan kariernya sebagai seorang penyanyi profesional

sehinggalah beliau menjadi seorang penyanyi yang sangat diminati dan dikagumi ramai menerusi album dan lagu-lagunya yang sering diputarkan di radio-radio.

Hasil dari temubual awal bersama tokoh, beliau mengatakan semua orang boleh menyanyi. Namun untuk menyanyi dengan betul itu semua orang tidak boleh. Hal ini kerana, menyanyi bukan sahaja memerlukan suara yang merdu, namun juga memerlukan teknik teknik yang tertentu dan yang betul samada ketika membuat latihan atau berada di atas pentas. Justeru, selain dari mengkaji tentang biodata tokoh, penyelidikan ini juga bertujuan untuk mendapatkan rahsia daripada tokoh tentang tips suara yang merdu dan petua untuk menjaga suara dan teknik menyanyi dengan betul.

Justeru, melalui kajian ini, kami berharap dapat menyediakan dan mengumpulkan maklumat yang sahih mengenai tokoh itu sendiri agar perkara ini dapat dijadikan rujukan pada masa akan datang.

### 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Mengenai masalah dalam kajian ini, kami mengkaji tentang pengalaman tokoh sepanjang beliau bergelar penyanyi. Kami ingin mengetahui lebih lanjut berkenaan pengalaman beliau ketika berada di atas pentas juara dan juga mengenai cabaran yang dihadapi ketika menjadi penyanyi latar dan mengikuti Anita Sarawak di mana beliau bekerja dan menyanyi di serata tempat. Jadi dalam kajian ini, permasalahan yang wujud ialah informasi tentang tokoh dalam talian didapati tidak begitu banyak contohnya artikel artikel mengenai beliau. Malah, maklumat mengenai tokoh juga tiada di portal arkib. Di platform YouTube pula yang ada hanyalah rakaman lagu lagu tokoh. Di samping itu, masalah yang sering terjadi kepada tokoh seniman ialah mereka kurang dikenali terutamanya oleh generasi muda zaman sekarang. Bertepatan dengan perkara tersebut, tidak ramai yang mempunyai maklumat dan tahu tentang beliau. Selepas tokoh mengeluarkan albumnya yang terakhir, tokoh pulang ke kampung halaman. Perkara ini menyebabkan nama beliau semakin

dilupai dan tenggelam oleh penyanyi-penyanyi yang muncul pada ketika itu. Permasalahan yang lain yang timbul ialah tokoh mungkin akan lupa akan beberapa info oleh kerana faktor umur beliau yang telah meningkat iaitu tokoh kini berumur 65 tahun.

Permasalahan yang seterusnya ialah industri muzik tempatan yang semakin mundur. Walaupun ramai lahirnya artis baru yang menyajikan lagu tempatan, lagu barat sering juga dijadikan pilihan oleh rakyat Malaysia. Namun tidak dinafikan bahawa masih ramai yang suka akan lagu-lagu tempatan. Menurut Datuk Zainal Abidin, penyanyi malar segar dalam artikel yang dikeluarkan pada Ogos 2020 oleh Berita Harian, industri muzik tempatan makin mundur. Muzik semakin hilang seni kerana sekarang tidak semua orang menyanyi dengan betul dan menjiwai lagu yang dinyanyikan. Hal ini dikatakan demikian kerana zaman sekarang sesiapa pun boleh bergelar penyanyi asalkan mempunyai wang dan kuasa. Begitu juga daripada hasil temubual dari tokoh. Menurut tokoh semua orang boleh menyanyi. Namun, tidak semua orang boleh menyanyi dengan sedap.

#### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Berikut merupakan objektif spesifik yang kami peroleh hasil dari bacaan maklumat tentang tokoh. Objektif ini akan membantu kami sebagai penyelidik dan juga penyelidik lain untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi mengenai tokoh serta membina soalan-soalan berkaitan bagi sesi temubual bersama tokoh. Antaranya adalah:-

- a) Mengkaji latar belakang serta pengalaman tokoh yang bertujuan untuk mendokumentasikan biodata mengenai tokoh.
- b) Mengenalpasti langkah serta usaha bagi melahirkan seorang penyanyi yang berkualiti dalam industri seni hiburan Malaysia.
- c) Mengetahui teknik-teknik nyanyian yang betul.



## 1.5 PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- a) Apakah latar belakang dan pengalaman tokoh dalam bidang nyanyian?
- b) Apakah langkah serta usaha yang perlu bagi melahirkan seorang penyanyi yang berkualiti dalam industri seni hiburan Malaysia?
- c) Apakah teknik nyanyian yang boleh diaplikasikan dan bagaimanakah teknik nyanyian tersebut boleh dipraktikkan ketika menyanyi?

## 1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Antara kepentingan dan sumbangan kajian ini ialah ia menyediakan maklumat yang sahih dan tepat kepada para penyelidik kerana maklumat hasil temu bual ini merupakan maklumat dari sumber yang utama dan daripada orang yang betul. Jadi perkara ini dapat membantu penyelidik diluar sana termasuk organisasi, masyarakat, negara dan agensi berkaitan ketika melakukan sebarang penyelidikan berkaitan dalam bidang nyanyian.

Disamping itu, kajian ini memberi sumbangan terhadap nama negara kerana ia sebagai bukti negara kita mempunyai para seniwati yang bukan sahaja dalam aktif dalam bidang lakonan malah juga dalam bidang nyanyian dimana tokoh yang kami pilih boleh dikatakan seorang lagenda yang memang sudah lama berkecimpung dalam bidang nyanyian sekaligus banyak kali telah melakukan persembahan di luar negara.

Hasil kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada masyarakat, para penyelidik dan individu akan sumbangan seniman ataupun seniwati dalam mengharumkan nama negara kerana melahirkan seorang penyanyi yang memiliki suara yang merdu dan berkualiti malah relevan sehingga kini. Kajian ini juga amat penting untuk mengenali dengan lebih dekat lagi mengenai individu yang telah lama menempah nama dalam bidang seni suara. Mereka juga dapat mengetahui tips ataupun petua bagi menjaga suara agar tidak lemau yang dikongsi oleh tokoh. Kajian ini bukan

sahaja memberi panduan mengenai cara nyanyian yang betul malah juga mengenai informasi-informasi dalam bidang musik.

## **2.0 TINJAUAN LITERATUR**

Tinjauan literatur ini merupakan salah satu elemen penting dalam membuat kajian mengenai sesuatu perkara atau topik yang ingin dikaji. Ia merupakan tinjauan dari sumber ilmiah yang menyentuh topik tertentu. Melalui ini, kita dapat berikan gambaran yang jelas mengenai topik serta mengenal pasti teori berdasarkan daripada hasil penulisan yang telah diterbitkan oleh pelbagai media khususnya dalam sidang akhbar mengenai berita-berita tentang tokoh yang di temubual dan disampaikan kepada masyarakat melalui akhbar. Sebagai contoh, keratan akhbar yang memuatkan artikel-artikel mengenai tokoh yang kami pilih iaitu puan Rosemaria Abdul Hamid adalah sumber dari Berita Harian, National Echo, Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Panca Indera, Hiburan Utusan, Kosmo, Sinar Pagi, Kompas, Watan, News Straits Times, Nada Minggu, Berita Minggu, Sunday Star, The Star, The Malay Mail, New Sunday Times, Mingguan Perdana, dan Mingguan Timur. Terdapat juga artikel tentang tokoh sumber dari majalah seperti Varia Pop, Varia Filem, Utusan Radio dan Tv (URTV), Fanfare, Nora, Panorama, Penghibur, Mingguan Wanita, dan BacaRia.

Menurut artikel yang ditulis oleh wartawan Kita menerusi majalah Varia Pop keluaran Januari, dikatakan Bunga Tanjung itu sebenarnya lagu pilihan ibu kepada puan Rosemaria Abdul Hamid. Lagu yang menjadi pilihan ibu beliau itu ternyata membawa tuah kepadanya sekaligus merebut wang tunai berjumlah dua ribu Dollar atas kemenangannya dalam Pertandingan Bintang RTM pada tahun 1977. Menurut ibunya, lagu tersebut dikatakan bersesuaian dengan suara beliau untuk disampaikan dalam pertandingan akhir. Turut di ceritakan juga mengenai bagaimana beliau aktif menyanyi di usia yang muda. Semuanya adalah diatas usaha, berani serta minat beliau yang mendalam terhadap seni suara di samping dorongan keluarga yang turut memainkan peranan penting sebagai sokongan dan galakkan kepada beliau (Kita, 1978). Selain itu, ada juga artikel lain yang menyatakan bahawa puan Rosemaria adalah seorang yang sentiasa berpegang pada pesanan yang selalu diucapkan

Allahyarham ayahnya kepada beliau “Kalau mahu jadi penyanyi jadilah sebenar-benarnya penyanyi, jangan hanyut separuh jalan”. Seperti yang telah dinyatakan dalam artikel tersebut, minat beliau untuk menjadi penyanyi yang mendalam serta tidak putus asa merupakan tunjang untuk beliau terus berusaha dan memperbaiki persembahan nyanyian. Turut dinyatakan beliau juga pernah bersama-sama dengan superstar Anita Sarawak mengikuti rombongan dan menjadi *backing singer* di mana dari situ jugalah peluang diambil untuk menimba ilmu sebanyak yang mungkin agar dapat jadi penyanyi serta penghibur yang berjaya. Sepanjang beliau mengikuti rombongan bersama Anita Sarawak, banyak negara dijelajahnya termasuk Singapura, Australia, Hong Kong, Sri Lanka serta negara Eropah. Sifat beliau yang cekal, semangat dan kesungguhan beliau dalam membuat latihan demi latihan selama empat jam sehari ternyata tidak sia-sia dan ia merupakan pengalaman yang sangat berharga buat beliau. Seterusnya, Ghafar Nin (n.d) juga menjelaskan bahawa sejak beliau bekerja bersama dengan Anita, beliau menjadi lebih berani serta lincah menari dan menyanyi. Seperti yang dikatakan oleh beliau sendiri “Saya tidak lagi seperti Rosemaria yang dulu-dulu, maksud saya dari kerjaya saya”. Turut dibahaskan juga dalam National Echo (1979) mengenai perjalanan karier seni beliau yang bersama Anita ketika berusia 23 tahun disamping menjadi artis naungan EMI. Pada ketika pelancaran album LP pertama beliau, ia jelas menunjukkan kerja dan cita-cita beliau yang mahukan namanya terus bersinar di masa akan datang.

Terdapat juga artikel yang diterbitkan dalam tulisan jawi dimana dalam artikel tersebut menerangkan ulasan album sulungnya berjudul “Kisah Kasih” yang dikeluarkan oleh EMI. Sedikit sebanyak penulis menceritakan lagu-lagu yang dimuatkan dalam album pertamanya serta menyatakan hasrat bahawa album beliau akan mendapat sambutan yang menggalakkan malah menjadi popular di kalangan pendengar (Taj’iyyah, n.d.). Mokhtar (n.d.) juga mengatakan mengenai LP tersebut yang mengandungi 12 buah lagu secara keseluruhannya di mana antara pencipta-penciptanya adalah Jamal Abdullah, Ooi Eow Jin, A.R Ismail dan M. Yusof. Puan Rosemaria sendiri menyatakan hasrat serta harapan yang tinggi terhadap LPnya agar diminati oleh semua. Namun beliau tetap berpuas hati dan berharap dapat

peluang kedua untuk merakamkan lagu ke piring hitam. Menurutnya lagi, kejayaan dalam Bintang RTM hanyalah titik permulaan beliau justeru persediaan dan bimbingan yang sebaik-baiknya adalah perlu bagi meningkatkan mutu nyanyian beliau. Menerusi artikel majalah Penghibur (Oktober, 1981) pula menyatakan bahawa puan Rosemaria sangat tekun dan tabah kerana mutu suaranya yang semakin hari bertambah baik. Disertakan juga gambar beliau sewaktu merakamkan lagu di bilik rakaman bersama komposer muzik dan penggubah lagu terkenal S. Atan. Menurut beliau, bukan mudah menjadi penyanyi piring hitam dan secara peribadinya juga mengatakan “bukan senang nak jadi penyanyi”. Juga dikatakan sepanjang merakamkan lagu di Singapura, banyak yang dipelajarinya daripada hasil tunjuk ajar oleh S. Atan dan ternyata bukan mudah juga untuk merakam lagu. Dalam majalah Variafilem (Februari, 1980) pula mengatakan beliau sempat menjelajah di beberapa buah negara Eropah mengikuti Anita Sarawak. Beliau dapat mempelajari gaya menyanyi untuk melengkapkan dirinya sebagai seorang penyanyi yang baik dan bermutu serta *showmanship* yang baik. Dinyatakan juga ketika itu beliau ke Amerika untuk membuat beberapa pertunjukkan di sana.

Mariam (1981) menerusi Utusan Malaysia mengatakan bahawa album ketiga puan Rosemaria telah dilancarkan. Menurut jurucakap EMI Encik Waharp Yusof, tajuk album ketiga adalah “Kisah-Kisah Masa Lalu” yang mengandungi berbagai rentak irama seperti mambo, rock ‘n’ roll dan asli. Zainuddin (1981) juga menyatakan album tersebut berkonsepkan suka dan duka kisah silamnya sebagai penyanyi dan mempunyai rentak dangdut, ballet, twist, sha na na dan sentimental. Turut dimuatkan juga dua buah lagu yang popular oleh Allahyarhamah Saloma dan juga A. Rahman berjudul “Belo-belo” dan “Asmara Menjelang”. Menurut Mingguan Malaysia (Jun, 1981) juga dimaklumkan bahawa album beliau yang ketiga itu dimana buat julung kalinya beliau merakamkan lagu asli berjudul “Berpisah”. Seperti sewaktu menjuarai Bintang RTM, beliau juga menyanyikan lagu asli “Bunga Tanjung” yang dirakamkan semula oleh Allahyarhamah Sharifah Aini maka tidak dapat dinafikan lagi bakat beliau yang dikatakan versatil dalam mendendangkan lagu. Turut dinyatakan bahawa terdapat sebuah lagu berunsur dakwah ‘Ku Pohon Restu Mu’ yang berentak *slow latin* ciptaan Jamal Abdullah.

Menerusi artikel di majalah URTV (Julai, 1981) juga mengatakan yang sama di mana puan Rosemaria Abdul Hamid mengikut jejak artis lain dengan membuat rakaman lagu berunsur dakwah. Di samping itu, beliau yang mempunyai '*powerful voice*' juga diberi peluang merakamkan lagu berjudul 'Untuk Apa' yang pernah dirakamkan oleh seorang penyanyi suara lantang dan nyaring.

### 3.0 METODOLOGI

Kaedah yang dilakukan dalam penyelidikan adalah merupakan langkah yang diambil untuk mencapai objektif penyelidikan. Kaedah yang digunakan dalam proses penyelidikan ini ialah kaedah kualitatif dimana ia berbentuk dalam kajian kes. Kajian kes disini termasuklah kaedah yang dilakukan untuk mendapatkan maklumat daripada pengumpulan data. Jadi aktiviti untuk mengumpulkan data atau maklumat mengenai tokoh dilakukan dengan mencari maklumat di pautan internet misalnya melalui keratan akhbar. Melalui pencarian tersebut, kami memperolehi maklumat melalui artikel artikel yang disiarkan dan diterbit oleh media.

Selain mendapatkan maklumat melalui internet, kami juga menggunakan kaedah sejarah lisan dimana kaedah ini merupakan kaedah yang boleh dipercayai kerana maklumat yang diperolehi adalah telus dan sahih dari orang yang di temubual. Kaedah sejarah lisan ini berlangsung sebanyak dua kali iaitu secara bersemuka di kediaman tokoh dan bersemuka secara atas talian iaitu melalui aplikasi Google Meet. Setiap maklumat yang diperolehi dari tokoh ketika sesi temubual dirakam melalui rakaman. Hal ini bertujuan untuk memudahkan kami dalam memproses maklumat bagi tujuan pendokumentasian mengenai tokoh.

Kaedah yang digunakan untuk menghubungi tokoh pula adalah aplikasi media sosial dimana kami pada mulanya menghubungi tokoh melalui Facebook. Kemudian kami menghubungi tokoh melalui aplikasi WhatsApp untuk berhubung dengan lebih lanjut dimana ia bertujuan bagi mendapatkan persetujuan tokoh untuk di temubual, mendapatkan alamat email dan tempat tinggal tokoh, proses menghantar surat dan seterusnya untuk berbincang dengan tokoh mengenai tarikh dan masa temubual yang akan berlangsung.

### 3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Pendekatan kajian ini menggunakan kaedah sejarah lisan dimana ia melibatkan komunikasi dalam bentuk temubual. Kaedah ini menggunakan komunikasi dua hala iaitu adanya penemubual dan orang yang ditemubual. Soalan yang akan ditanya disediakan terlebih dahulu dan lebih awal. Kaedah ini juga dijalankan bukan sahaja temubual semata mata, malah aktiviti merekodkan temubual tersebut juga akan dilakukan sepanjang temubual tersebut berlangsung. Hal ini kerana, ia akan memudahkan lagi bagi kami untuk menyediakan transkripsi disamping dapat mengelakkan daripada berlakunya sebarang kesalahan. Transkripsi ini amat penting kerana ia akan diguna pakai sebagai rujukan pada masa akan datang. Melalui kaedah ini, maklumat yang diperolehi juga merupakan maklumat yang sahih dan benar kerana ianya maklumat dari sumber yang utama.

Justeru dalam kajian ini, kami sebagai penyelidik (2 orang) telah melakukan sesi temubual preliminary pertama melalui aplikasi Zoom namun pada saat akhir, ia ditukar kepada Google Meet. Bagi temubual preliminary kedua, salah seorang dari kami bertemu secara bersemuka bersama tokoh yang ingin ditemu bual bagi mendapatkan segala dokumen atau bahan-bahan mengenai tokoh. Seterusnya temubual yang sebenar juga dijalankan sebanyak dua kali dimana sesi temubual sebenar yang pertama, kami lakukan secara bersemuka bersama tokoh di kediaman tokoh, manakala di peringkat sesi temubual sebenar yang kedua menggunakan teknologi terkini iaitu melalui aplikasi Google Meet. kedua-dua sesi temubual ini dirakam untuk pengumpulan maklumat.

### 3.2. PESERTA KAJIAN

Tokoh tersebut, puan Rosemaria dipilih adalah kerana berikutan tajuk yang kami dapat untuk penyelidikan adalah artis veteran ataupun seniman. Tokoh ini dipilih kerana beliau bertepatan dengan tema dan mempunyai ciri ciri yang diperlukan dalam penyelidikan kali ini disamping beliau merupakan seorang penyanyi pujaan ramai sekitar era 1970-an - 1980-an. Seterusnya, beliau juga seorang yang sangat berkredibiliti dalam bidang seni hiburan dan seorang yang boleh dikatakan hebat menyanyi. Selain itu, tokoh ini juga dipilih kerana masih belum ada lagi pendokumentasian yang dibuat terhadap tokoh tersebut dan pemilihan tokoh ini juga telah mendapat persetujuan dari pensyarah penyelidik.

Tokoh yang akan di temubual ialah puan Rosemaria Abdul Hamid, beliau merupakan seorang penyanyi yang aktif sekitar tahun 1980 an. Beliau merupakan anak kelahiran Kelantan dimana beliau tinggal di Kota Bharu, Kelantan. Puan Rosemaria merupakan anak kedua daripada enam orang adik beradik. Beliau mula meminati bidang nyanyian ini dari beliau sejak kecil lagi iaitu ketika berusia sepuluh tahun lagi. Beliau bukan sahaja minat dalam bidang tersebut tetapi juga mempunyai bakat. Minat beliau mendapat sokongan daripada keluarganya terutama orang tuanya lantaran beliau memang mempunyai suara yang merdu. Oleh kerana sering menyanyi, ibunya membeli radio transistor. Malah beliau juga telah mula menyanyi ketika dibangku sekolah lagi. Kini, beliau masih lagi menyanyi sekiranya mendapat jemputan menyanyi untuk membuat persembahan di majlis-majlis.

### 3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Prosedur yang pertama ialah penyelidik perlu mencari tokoh seniman/seniwati. Setelah memilih tokoh yang menepati ciri-ciri yang ditetapkan, kami perlu mendapat persetujuan dan kelulusan dari pensyarah bagi tujuan semakan. Tujuan semakan dari pensyarah ini amat penting bagi mengelakkan sebarang masalah berlaku ketika sesi temubual. Temubual ini dijalankan kerana untuk mendapatkan maklumat dari sumber utama. Seterusnya kami mula mencari bahan dan maklumat

melalui kajian penulisan mengenai tokoh iaitu mengkaji dan mendapatkan maklumat melalui artikel di keratan akhbar, buku, Youtube, Facebook dan dari bahan arkib secara dalam talian.

Proses temubual bersama dengan tokoh dijalankan melalui dua kaedah, iaitu secara bersemuka dan secara dalam talian melalui aplikasi Zoom dan Google Meet. Bagi temubual awal, ia dijalankan melalui aplikasi Zoom dan temubual seterusnya secara bersemuka. Bagi proses temubual secara bersemuka, ia berjalan sebanyak dua kali. Temubual bersemuka yang pertama adalah untuk mengumpulkan dokumen-dokumen tokoh berkaitan kerjaya beliau dan temubual bersemuka kali kedua adalah yang sebenar berlangsung selama dua jam. Proses temubual kali kedua dirakam bagi mengumpulkan kesemua maklumat yang diperolehi bagi menjadikan ianya suatu maklumat yang lengkap.

Platform yang akan digunakan dalam proses temubual ialah secara bersemuka dan untuk dalam talian ialah melalui aplikasi Zoom bagi memudahkan lagi proses temubual nanti.



Bersama tokoh ketika sesi temubual



### 3.4 CARTA GANTT PROJEK PENYELIDIKAN

Tugasan	Oktober			November				Disember			Januari			
	Minggu			Minggu				Minggu			Minggu			
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Membentuk ahli kumpulan	■													
Proses mencari artis seniman	■													
Pemilihan seniman		■												
Kelulusan dari pensyarah		■												
Berhubung dengan tokoh		■												
Mencari maklumat tokoh			■											
Penyediaan proposal			■	■										
Penyediaan surat penyelidikan				■										
Kelulusan surat penyelidikan					■									
Penghantaran surat penyelidikan dan surat perjanjian sejarah lisan					■									
Proses menyediakan soalan					■									
Proses temubual					■	■	■	■						
Penyediaan transkrip									■	■	■			
Penyediaan artikel											■	■	■	
Memeriksa artikel, proposal dan transkrip bersama pensyarah													■	
Penghantaran artikel, proposal dan transkrip														■

#### **4.0 KESIMPULAN**

Artis veteran atau seniman sememangnya memberikan sumbangan yang sangat besar kepada negara tidak kira dalam bidang apapun yang mereka ceburi. Segala bentuk sumbangan dari segi kejayaan dan juga informasi tentang mereka wajar atau perlu disimpan agar ia dapat dijadikan sebagai bahan rujukan dan untuk diingati. Selain itu, ia juga boleh dijadikan sebagai satu bukti perjalanan karier seni terutamanya artis yang sudah lama menceburkan diri dalam dunia hiburan. Namun begitu, tidak semua artis veteran di Malaysia yang telah didokumentasikan mengenai mereka.

Sebagai kesimpulan kami memilih artis veteran wanita iaitu Puan Rosemaria Binti Abdul Hamid dalam melengkapkan kajian sejarah lisan kali ini melalui pendokumentasian mengenai tokoh. Oleh kerana kajian kami ini bakal menjadi rujukan pada masa akan datang, kami mendapatkan maklumat tersebut melalui daripada tokoh itu sendiri kerana perkara tersebut merupakan maklumat kajian yang utama dan lebih sahih dan tepat. Kami berharap agar segala proses mendapatkan maklumat dalam kajian ini berlaku dengan lancar.

## 5.0 RUJUKAN

- A. Jalil Saleh. (1979, November 7). 'Kisah kasih' LP Rosemaria yang pertama. *Berita Harian*.
- Bahyah Mahmood. (n.d.). Pencipta lagu Nasi Dagang kecohkan majlis pelancaran Rosemaria. *Hiburan Utusan*.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Seniman.  
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=seniman>
- Fauziah Hassan. (n.d.). Rosemaria belum bercadang tamatkan karier seninya.
- Gadis di khemah pengantin. (1986, September 26). *Bacaria*.
- Ghafar Nin. (n.d.). Rosemaria cemburu pada Anita. 6.
- Hani, O. M. (1980, Januari 25). Rosemaria berhenti dari show dancers. *Watan*.
- Hapizah Aziz. (2013, November 16). Penyanyi lagu Nasi Dagang masih aktif menyanyi. *Kosmo!*. 24.
- Juwie. (1981, Oktober). Sudir & Maria di bilik rakaman. *Penghibur*.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. (2005). Dasar dan strategi pembangunan industri muzik Malaysia. Diambil dari  
[https://www.kkmm.gov.my/pdf/buku/dasar\\_industri\\_muzik.pdf](https://www.kkmm.gov.my/pdf/buku/dasar_industri_muzik.pdf)
- "Kisah-kisah lalu" memenuhi konsep lagu-lagu melayu. (n.d.). 26.
- Kita. (1978, Januari). Bunga Tanjung pilihan ibu bawa tuah Rosemaria rebut \$ 2,000. *Variapop*.
- Komunikasi, J. (2010). Muzik dan pembangunan sosial: paparan dasar industri hiburan dalam akhbar-akhbar di Malaysia. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 26(2). 47-65. Diambil dari  
[http://journalarticle.ukm.my/1905/1/V26\\_2\\_4.pdf](http://journalarticle.ukm.my/1905/1/V26_2_4.pdf)
- Mariam Zaini. (1981, Jun 6). Album ketiga Rosemaria dilancarkan minggu depan.

- Mengapa Rose pilih jadi orang belakang. (1979, Ogos 5). *NewspaperSG*. Diambil dari <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/beritaharian197908051.2.21?ST=1&AT=search&k=Rosemaria&QT=rosemaria&oref=article>
- Mokhtar Harun. (n.d.). Rosemaria jadi rekording artis.
- Nuri. (1981, Julai 15). Masing-masing mahu berdakwah menerusi lagu. *URTV*.
- Peng, T.B. (1979, November 9). Marking the work and ambition of Rosemaria.
- Pengalaman bersama Anita besar ertinya. (1979, November 19). *Berita Harian*.
- Perbadanan industri muzik Malaysia bantu bangunkan industri. (2021, Julai 19). *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/150963/BERITA/Nasional/Perbadanan-Industri-Muzik-Malaysia-bantu-bangunkan-industri>
- Rafizah Saidin. (1981, Jun 15). Rosemaria gemar menyanyi lagu-lagu dakwah. *Utusan Malaysia*.
- Rose cari identiti dalam “Ku pohon restu mu”. (1981, Jun 7). *Mingguan Malaysia*.
- Rosemaria Abdul Hamid. (1981, April 15). Pahit manis orang seni hidup di kota. *Variapop*. 5.
- Rosemaria Abdul Hamid. (27 November 2021). [Wawancara]
- Rosemaria ke Australia pula ikut Anita juga. (1979, Disember 5). *Utusan Malaysia*
- Rosemaria keluar negeri lagi. (1980, Februari 1). 35.
- Rose tidak kesal bantu Anita. (1979, November 13). *NewspaperSG*. 2  
<https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/beritaharian19791113-1.2.24?ST=1&AT=search&k=Rosemaria&QT=rosemaria&oref=article>
- Taj’iyyah Ihsan. (n.d). LP sulung Rosemaria bertenaga.
- Zainuddin Ayip. (1981, Jun). Rosemaria rakam album kenang kisah-kisah silamnya. *Berita Harian*.

## 12.2 Biografi tokoh

Rosemaria Abdul Hamid atau nama asalnya, Rosmariah Abdul Hamid dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan. Beliau dilahirkan pada tahun 1956 dan dibesarkan di Kota Bharu Kelantan. Minat beliau dalam bidang nyanyian bermula ketika beliau masih kecil lagi iaitu ketika berumur sepuluh tahun. Pada ketika itu, beliau melakukan persembahan dengan menyanyikan lagu di majlis perkahwinan sepupu beliau. Beliau yang hanya pada ketika itu disuruh oleh seseorang untuk menyanyi, tidak menyangka disitulah bermulanya titik tolak minat beliau akan nyanyian. Dan pada ketika itu, lagu pertama yang dinyanyikan ialah lagu Bintang Kecil nyanyian Anneke Gronloh, penyanyi Indonesia. Minat beliau dalam nyanyian disambut baik dan disokong oleh seluruh keluarga terutamanya ibu beliau yang membelikan radio transistor untuknya.

Selepas itu, ketika berada di sekolah menengah, beliau ada dijemput oleh Bintang Radio untuk melakukan persembahan. Selain itu, ketika berada di bangku sekolah juga, beliau menyertai Kumpulan Gambus Delima Adabi selama satu tahun. Dalam kumpulan tersebut, hanya Rosemaria yang paling muda. Beliau menyertai kumpulan tersebut kerana ahli-ahli kumpulan tersebut terpujau akan suara merdu beliau. Bukan sahaja kumpulan gambus, beliau juga menyertai kumpulan The Sheens. Bersama dengan kumpulan The Sheen, beliau mencuba nasib dengan menyertai program Juara Kugiran.

Selepas menamatkan persekolahan, anak jati Kelantan ini akhirnya berhijrah ke Kuala Lumpur untuk meneruskan minatnya dalam bidang nyanyian. Ketika berada di Kuala Lumpur, beliau beberapa kali mencuba nasib dalam pertandingan nyanyian namun nasib tidak menyebelahi beliau. Walaubagaimanapun, beliau akhirnya berjaya menjadi juara dalam satu pertandingan iaitu Bintang RTM pada tahun 1977 setelah percubaannya gagal dalam Bintang RTM 1975 dan 1976. Beliau meraih juara tersebut pada umur yang masih muda iaitu ketika berumur 21 tahun. Pada ketika itu, Rosemaria disambar oleh Syarikat Antarabangsa EMI Sdn. Bhd. untuk menjadikan beliau sebagai artis di bawah naungan mereka.

Disamping itu, beliau pernah bekerja bersama seorang superstar iaitu Anita Sarawak sebagai penyanyi latar. Ketika bersama dengan Anita, banyak perkara baru dan pengalaman yang diperolehi. Malah ketika bersama dengan Anita juga beliau telah menjejakkan kaki ke negara-negara Asia untuk melakukan persembahan termasuklah Hong Kong, Indonesia, Brunei, Sri Lanka, Australia dan sebagainya. Beliau yang pada mulanya hanya menjadikan menyanyi sebagai salah satu minat akhirnya bertukar menjadi kerjaya apabila berjaya bergelar artis pada usia yang muda. Beliau juga pernah mendapat jemputan dan melakukan persembahan di istana negara. Ketika menceburi bidang ini, beliau bukan sahaja menyanyi malah beliau juga ada memasuki Kelas Muzik Bentley untuk belajar cara-cara bermain gitar dan piano. Selain itu beliau turut memasuki kelas tarian setelah setahun berhenti bekerja dengan Anita.

Setelah bergelar sebagai artis, beliau berjaya mengeluarkan album solo pertama beliau pada tahun 1979. Dan seterusnya berjaya menghasilkan beberapa buah album lagi termasuklah album solo dan duet bersama artis lain misalnya Lionel Xavier. Album beliau yang terakhir dikeluarkan ialah pada tahun 1983. Setelah mengeluarkan album terakhir, beliau pulang kembali ke kampung halamannya di Kota Bharu. Walaupun beliau tidak lagi aktif menghasilkan lagu, beliau masih berminat untuk melakukan persembahan apabila mendapat jemputan menyanyi di majlis tertentu. Kini beliau meneruskan hobinya ketika kecil iaitu menjahit dan sedang mengusahakan kedai pakaian miliknya sendiri. Beliau mempunyai anak dan cucu. Hasil dari temubual, anaknya juga mempunyai suara yang merdu namun tidak mahu mengikut jejak langkah seperti ibunya, Rosemaria yang menjadi penyanyi sebagai kerjaya di usia muda.

## 12.3 Surat Perjanjian



### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

#### PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Rosemaria Abdul Hamid K/P: ..... pada  
21 Nov 2021 ..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang  
telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut  
adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....  
( Rosemaria Abdul Hamid )  
Tarikh: 21 Nov 2021

.....  
( Jafalizon Md.Jali )  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan  
Maklumat Universiti  
Teknologi MARA

## 12.4 Surat Penyelidikan

www.uitm.edu.my		Fakulti Pengurusan Maklumat									
		UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA									
Surat Kami	: 600-FPM (5/2/1)										
Tarikh	: 29 Oktober 2021										
<b>Puan Rosemaria Abdul Hamid</b> 1246, Lorong Minyak Gas, Jalan Sultanah Zainab, 15050 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.											
Puan,											
<b>MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK</b>											
Perkara di atas adalah dirujuk.											
2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari program Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat Pengurusan Rekod Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berhasrat untuk menemubual puan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik berkaitan Tokoh-tokoh Seniman di Malaysia.											
3. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus <b>Pendokumentasian Lisan/ Oral Documentation (IMR604)</b> .											
4. Senarai nama pelajar yang terlibat:-											
<table border="1"><thead><tr><th>NAMA</th><th>NO. PELAJAR UITM</th><th>NO. TEL.</th></tr></thead><tbody><tr><td>Syahirah Binti Awang</td><td>2020621254</td><td>013-9941805</td></tr><tr><td>Nurlissa Hanim Binti Mohamad</td><td>2020861672</td><td>013-7972745</td></tr></tbody></table>			NAMA	NO. PELAJAR UITM	NO. TEL.	Syahirah Binti Awang	2020621254	013-9941805	Nurlissa Hanim Binti Mohamad	2020861672	013-7972745
NAMA	NO. PELAJAR UITM	NO. TEL.									
Syahirah Binti Awang	2020621254	013-9941805									
Nurlissa Hanim Binti Mohamad	2020861672	013-7972745									
5. Untuk rujukan pihak puan, berikut adalah senarai beberapa objektif temubual berkaitan projek penyelidikan ini:											
a. Mengkaji latar belakang serta pengalaman tokoh.											
b. Mengenalpasti langkah serta usaha bagi melahirkan seorang penyanyi yang berkualiti dalam industri seni hiburan Malaysia.											
c. Mengetahui teknik-teknik nyanyian yang betul.											
Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.											
Sekian.											
Yang benar,											
<b>JAFALIZAN BIN MD JALI</b> Pensyarah Kanan b.p Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat											
Fakulti Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana 40150 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA Tel: (+603) 7962 2002/2020/2021/2023/2220/2148 Faks: (+603) 7962 2007 Web: <a href="http://fim.uitm.edu.my">fim.uitm.edu.my</a>											
											



## 12.5 Senarai Soalan

### **SOALAN ORIENTASI**

#### Latar Belakang Tokoh

1. Boleh puan ceritakan sedikit latar belakang diri puan?
2. Macam mana puan boleh tukar nama Rosmariah kepada Rosemaria?
3. Apa nama panggilan dari kawan-kawan puan?
4. Apakah hobi puan yang sangat puan minati dan masih lakukan sampai sekarang?

#### Latar Belakang Keluarga Tokoh

1. Boleh puan ceritakan sedikit latar belakang ibu bapa puan?
2. Boleh puan ceritakan mengenai latar belakang adik-beradik puan?
3. Boleh puan kongsi latar belakang keluarga puan yang terkini? Bilangan anak puan?

#### Latar Belakang Pendidikan Tokoh

1. Boleh puan kongsi latar belakang pendidikan puan dari zaman persekolahan?
2. Masa sekolah ada puan aktif dalam aktiviti nyanyian ke?

### **SOALAN UMUM**

#### Bagaimana Tokoh Mula Menjadi Penyanyi

1. Dikatakan tadi puan mula menyanyi ketika berumur 10 tahun. Jadi waktu itu lagu apa yang mula-mula sekali puan nyanyikan?
2. Apakah faktor yang mendorong puan untuk masuk ke dalam bidang nyanyian?
3. Siapakah yang memberikan galakan kepada puan untuk melibatkan diri dalam bidang nyanyian ini?

#### Bagaimana Tokoh Mula Menjadi Penyanyi

1. Puan, kan puan dah jadi penyanyi. Jadi siapa pengurus pertama puan?

2. Oh tak ada pengurus? Kiranya semua puan handle sendiri?
3. Puan, dikatakan puan pernah menyanyi lagu dekat majlis perkahwinan. Jadi, waktu itu lagu apa yang puan nyanyikan? Lagu 'Bintang Kecil' itu?
4. Anneke Gronloh. Penyanyi Indonesia?
5. Apakah prinsip hidup puan yang puan pegang sampai sekarang?
6. Hasil kajian kami, puan kan pernah menyanyi masa umur sepuluh tahun dekat majlis perkahwinan. Boleh puan ceritakan bagaimana puan mendapat kekuatan untuk menyanyi sedangkan waktu itu puan masih kecil lagi?

#### Pekerjaan Tokoh

7. Puan, selepas tamat sekolah, apakah pekerjaan awal yang puan lakukan?
8. Puan kata puan masuk kelas jahitan. Berapa lama?
9. Apakah pekerjaan puan semasa mula-mula berhijrah ke Kuala Lumpur?
10. Puan, dikatakan puan pernah menjadi penyanyi latar kan. Jadi, waktu itu siapa yang bersama dengan puan jadi penyanyi latar?
11. Berapa kali persembahan yang pernah puan lakukan bersama Anita?
12. Jadi boleh puan ceritakan pengalaman travel bersama Anita?
13. Boleh puan ceritakan genre muzik yang puan minati?

#### Pengalaman Tokoh Dalam Bidang Nyanyian

14. Daripada hasil kajian kami, kami dapati puan pernah menganggotai kumpulan gambus. Jadi boleh puan cerita bagaimana puan boleh menyertai kumpulan tersebut?
15. Berapakah ahli anggota kumpulan tersebut?
16. Dimanakah ahli-ahli kumpulan tersebut, puan tahu?
17. Waktu itu, diorang dah besar lah?
18. Kiranya puan seorang saja yang rendah? Ada tak yang lain?
19. Berapa lama puan bersama dengan kumpulan tersebut?
20. Boleh puan ceritakan pengalaman-pengalaman melakukan persembahan bersama kumpulan Gambus Delima Adabi?

21. Berapa bayaran?
22. Selain dari kumpulan gambus, puan juga pernah menyertai sebuah program Bintang Radio pada tahun 1972. Boleh puan ceritakan konsep yang puan ketengahkan pada ketika itu?
23. Waktu itu puan nyanyi lagu apa?
24. Hasil kajian kami, puan pernah oleh Radio Tiga Kota Bharu untuk menyanyi dalam sebuah rancangan. Boleh puan ceritakan perkara tersebut?
25. Dalam pembikinan lagu, adakah puan juga terlibat dengan pembuatan lirik lagu?
26. Boleh puan berikan sedikit gambaran situasi atau suasana ketika puan merakamkan album pertama di studio rakaman?
27. Apakah teknik yang puan amalkan ketika merakamkan lagu di studio?
28. Dikatakan puan pernah berduet bersama Lionel Xavier ketika menyanyi di kelab. Jadi, boleh puan ceritakan perkara tersebut?
29. Berapa lama masa diambil untuk hasilkan album bersama Lionel Xavier?
30. Dikatakan puan pernah bersama The Sheens untuk mencuba nasib dalam pertandingan juara kugiran. Boleh kongsi pengalaman bersama The Sheens?
31. Paling jauh, dekat mana buat persembahan dengan The Sheens?
32. Di Kota Bharu je?
33. Dikatakan puan pernah menyertai pertandingan Bintang RTM sebanyak dua kali sebelum dinobatkan johan untuk cubaan kali ketiga. Jadi, boleh puan kongsi perkara tersebut?
34. Jadi waktu itu lagu apa yang puan nyanyikan?
35. Puan seperti sedia maklum, puan telah berjaya dinobatkan sebagai juara program Bintang RTM 1977. Jadi boleh puan ceritakan mengenai kejayaan puan sebagai Bintang RTM?
36. Dikatakan tadi puan dapat panggilan daripada Syarikat EMI selepas menang RTM. Jadi boleh puan ceritakan lebih lanjut tentang perkara tersebut?
37. Kira malam itu terus?

38. Boleh puan ceritakan mengenai syarikat tersebut? Pasal syarikat itu. Waktu itu siapa jadi pengarah, lagi siapa artis.
39. Puan, siapakah komposer yang paling banyak menyumbang dalam pembikinan lagu puan?
40. Boleh puan ceritakan mengenai proses rakaman lagu untuk album puan sendiri?
41. Yang sebelum ini?
42. Dalam banyak-banyak lagu dalam album puan, lagu mana yang puan rasa paling sukar untuk- nyanyikan masa *record*?
43. Amik masa berapa lama itu?
44. Siapakah artis yang pernah bekerjasama dengan puan dalam bidang ini?
45. Dikatakan puan pernah menyertai rombongan bersama RTM bersama dengan artis lain. Jadi boleh puan kongsi sedikit pengalaman sepanjang rombongan tersebut?
46. Ke serantau Asia?
47. Berapa lama sebenarnya rombongan itu untuk ke setiap negara?
